


**Jilid I**  
**Bil. 88**



**Hari Khamis**  
**8hb November, 1979**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 9471]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 [Ruangan 9503]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1980 [Ruangan 9503]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

**Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR.) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**

**Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

” **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**

” **Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**

” **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

” **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

” **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**

” **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

” **Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**

” **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

” **Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**

” **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

” **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**

” **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

” **Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

” **Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**

” **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**

” **Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR. NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., K.M.N., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-Kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bharu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MOHD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

Yang Berhormat TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Pedas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.N., P.P.M. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Grik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

- Yang Berhormat TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MOHD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- ” TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- ” TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramasamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Khamis, 8hb November, 1979

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PENYERTAAN BUKAN BUMIPUTRA  
DALAM RANCANGAN TANAH  
FELDA/FELCRA**

**1. Datuk Lee Boon Peng** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan hasil-hasil perbincangannya dengan semua Kerajaan-kerajaan Negeri berhubung dengan masalah membenarkan lebih banyak pemohon-pemohon bukan bumiputra mengambil bahagian dalam Sekim-sekim tanah FELDA dan sama ada beliau akan membenarkan Kerajaan-kerajaan Negeri membahagikan keping-keping tanah kecil yang tidak dibangunkan oleh FELDA atau FELCRA kepada pemohon-pemohon bukan Melayu bagi penanaman bahan makanan.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya telah katakan di masa-masa lepas soalan mendapatkan penyertaan peneroka ke dalam Rancangan-rancangan FELDA termasuklah bagi bukan bumiputra adalah bergantung kepada 4 syarat berikut:

- (1) Adanya permohonan;
- (2) Kesesuaian pemohon;
- (3) Ada tempat kosong dalam Rancangan;
- (4) Dasar yang diamalkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di mana rancangan itu ditempatkan.

Dalam perkara ini Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah cuma boleh merundingkan sahaja dengan pihak Kerajaan-

kerajaan Negeri tetapi hasil perundingan akan bergantung kepada keempat-empat perkara yang telah saya nyatakan di atas.

Mengenai penempatan peneroka-peneroka bukan bumiputra, setakat ini Kerajaan Negeri Sembilan telah menentukan garis panduan baginya tetapi negeri-negeri lain akan menerima peneroka bukan bumiputra mengikut giliran dan keadaan semasa.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan-kerajaan Negeri pada hari ini supaya tempat-tempat di rancangan tanah dalam negeri masing-masing dipenuhi oleh calon-calon yang datangnya dari negeri itu sendiri dan tempat diutamakan kepada mereka yang telah berjaya dalam temuduga tahun 1974.

Bagi cadangan Yang Berhormat supaya Yang Berhormat Menteri membenarkan Kerajaan Negeri membahagikan keping-keping tanah kecil yang tidak dijayakan oleh FELDA atau FELCRA kepada pemohon, ini tidaklah perlu dibuat oleh Kementerian kerana ini adalah hak mutlak pihakberkuasa Kerajaan Negeri masing-masing dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tidak pernah membuat halangan. Walau bagaimanapun, saya percaya perkara ini sedang diamalkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sungguhpun Rancangan Malaysia Ketiga di tahun 1976 ada menitikberatkan bahawa betapa penting orang-orang yang bukan bumiputra mengambil bahagian dalam Rancangan-rancangan FELDA oleh kerana peratus mereka sangat kecil tetapi selepas 5 tahun tidak ada apa-apa hasil. Dan bukannya ini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan tidak jujur atau sekurang-kurangnya tidak

berazam untuk membetulkan ketidakseimbangan dalam perkara ini dan apakah langkah positif yang akan diambil untuk membetulkan ketidakseimbangan dalam perkara ini.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pihak Pembangkang adalah tidak jujur kerana cuba memutarbelitkan keadaan ini seolah-olah menggambarkan pihak FELDA mengadakan diskriminasi terhadap bukan bumiputra. Sebagaimana yang selalu diulang-ulangkan dalam Dewan ini, pihak Kerajaan tidak akan memaksa bukan bumiputra untuk membuat permohonan untuk masuk ke dalam Rancangan-rancangan FELDA. Fakta-fakta yang ada membuktikan bahawa peratus bumiputra diambil adalah melebihi dari peratus bumiputra yang diambil daripada jumlah yang membuat permohonan. Perkara ini sudah dijadikan bahan politik tetapi yang sebenarnya sehingga hari ini sekalipun usaha pihak bukan bumiputra untuk membuat permohonan memasuki Rancangan FELDA masih sangat berkurangan jika dibandingkan dengan permohonan bumiputra.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagaimana jawapan yang disebutkan tadi bahawa seseorang yang akan mendapatkan tanah FELDA atau FELCRA ini mestilah mempunyai syarat kesesuaian pemohon. Jadi dalam bahagian ini apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menjadikan syarat ini bagi dipertimbangkan mendapatkan FELDA dan FELCRA ini dari orang miskin yang taat setia dan bersyukur ataupun berterima kasih dengan pemberian Kerajaan.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Memang itulah cara kita memilih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak FELDA atau Kerajaan yang berkenaan membuat satu kajian yang mendalam mengenai perkara-perkara untuk meninggikan penyertaan orang bukan bumiputra dalam Rancangan-rancangan FELDA dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa mungkin antara sebab-sebab yang tidak menggalakkan permohonan ialah gambaran atau fikiran mereka bahawa Rancangan-rancangan FELDA terhad kepada satu kaum sahaja dan apakah langkah untuk mengatasi fikiran ini.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Saya fikir dengan adanya perbincangan di dalam Dewan ini berulang-ulang dan dengan adanya penyebaran di dalam akhbar pada setiap masa, pihak bukan bumiputra sudah pun mengerti bahawa FELDA ini bukan monopoli bumiputra sahaja. Tetapi sebagaimana saya katakan tadi, kita tidak akan buat sebarang paksaan dengan mana-mana pihak ianya merugikan semua pihak. Dari segi penelitian kita memang sudah meneliti malah dengan adanya soalan-soalan yang dikemukakan di dalam Parlimen, kita telah banyak kali meneliti sebelum kita membuat jawapan.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya meminjam jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyatakan bahawa jumlah nisbah peratus pengambilan bukan bumiputra jika dibandingkan dengan bumiputra dari pemohon-pemohon adalah lebih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau Yang Berhormat membawa seekor kuda ke tepi laut, adakah Yang Berhormat boleh tekan kepala kuda itu supaya meminta kuda itu minum air?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan seumpama itu dilarang menurut Peraturan Mesyuarat 23 (1) (h), tolong baca di sana.

## PENCARUM KEPADA KUMPULAN- WANG SIMPANAN PEKERJA

2. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan keuntungan yang besar yang diperolehi dari pelaburan yang dibuat oleh Kumpulanwang Simpanan Pekerja samada beliau akan menimbang menaikkan kadar faedah yang dibayar kepada pencarum-pencarum kepada 15% dan samada beliau akan menimbang menaikkan kadar pencaruman kedua-dua oleh majikan dan pekerja kepada 15% dan 10% masing-masingnya untuk memastikan supaya pekerja-pekerja mempunyai wang yang cukup bagi persaraan mereka.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, Kumpulanwang Simpanan Pekerja (KWSP) ialah sebuah Kumpulanwang yang bertanggungjawab untuk menabungkan caruman pekerja-pekerja bagi jaminan hidup mereka di masa persaraan. Selaras dengan tujuan itu, KWSP adalah berfungsi sebagai pemegang amanah

kepada pencarum-pencarum. Oleh yang demikian, wang KWSP dilaburkan dalam pelaburan-pelaburan yang dikawal oleh Kerajaan dan telah berjaya mendapatkan keuntungan yang sederhana dan memuaskan. Keuntungan ini dipulangkan kepada pencarum-pencarum pada tiap-tiap tahun dalam bentuk faedah. Sejak tahun 1976 hingga 1978 kadar faedah yang telah dibayar kepada pencarum-pencarum ialah 7% setahun. Kadar faedah itu ditetapkan setelah kajian yang teliti dibuat oleh Aktuari Kerajaan.

Berhubung dengan cadangan untuk menaikkan kadar caruman pula, sememangnya pihak KWSP sentiasa mengkaji cara-cara untuk memberi faedah yang lebih baik kepada pencarum-pencarumnya. Cara-cara tersebut akan dilaksanakan apabila difikirkan sesuai masanya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, apakah jenis pelaburan yang dibuat oleh KWSP pada masa sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan itu sebenarnya ada terkandung dalam jawapan tadi tetapi mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri suka hendak menjelaskan.

**Tuan Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain. Walau bagaimanapun.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu tidak lain. Soalan itu ada kaitannya. Saya katakan jawapannya ada tadi.

**Tuan Mak Hon Kam:** Laporan-laporan merupakan Government Securities, Trustee Shares dan debenture loans.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan sama ada perkara menaikkan faedah sekarang dalam pertimbangan oleh pihak Kerajaan dan kalau sekiranya ada di dalam pertimbangan siapa membuat pertimbangan itu, committee atau siapa?

**Tuan Mak Hon Kam:** Seperti saya katakan tadi oleh Aktuari Kerajaan.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam menetapkan kadar faedah, apakah asas dan criterion yang digunakan oleh pihak KWSP.

**Tuan Mak Hon Kam:** Sila ulang balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ulang semula.

**Tuan P. Patto:** Dalam menetapkan kadar faedah bagi pencarum-pencarum apakah asas dan criterion yang digunakan untuk menetapkan kadar itu?

**Tuan Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan ini adalah terkandung dalam jawapan asal saya.

**Tuan P. Patto:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri berkata bahawa kadar faedah ditetapkan mengikut keadaan, jadi saya ingin tahu, apakah criterion asas yang digunakan itu untuk menetapkan kadar faedah?

**Tuan Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, ianya untuk pembangunan negara.

**Tuan P. Patto:** Saya tidak dengar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sabar, duduk dahulu! Kalau Yang Berhormat hendakkan notis, tolong beritahu, sebab itu tidak ada dalam soalan asal, mungkin soalan tambahan ini berkehendakkan notis, boleh nyatakan berkehendak notis?

**Tuan Mak Hon Kam:** Saya berkehendakkan notis.

### PETRONAS—MENAMBAH BEKALAN MINYAK

3. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan bahawa sama ada Kerajaan sedar iaitu syarikat-syarikat minyak di negara kita telah mengurangkan bekalannya sehingga 5% dan oleh yang demikian PETRONAS terpaksa menambahkan produksinya untuk mencukupi keperluan negara, tetapi adakah Kerajaan sedar tektik serupa ini akan memberangsangkan mereka untuk mengurangkan lagi sehingga 10% bekalannya dan akan melencungkan pasarannya ke negara jiran untuk mendapatkan harga yang tinggi dan oleh yang demikian PETRONAS akan menambahkan pembekalannya lebih daripada kapasitinya yang akhirnya akan menjerumuskan PETRONAS sendiri. Jika ini benar, adakah satu kawalan penguatkuasaan terhadap syarikat-syarikat minyak yang sengaja mengambil kesempatan atas kenaikan harga yang dibuat oleh OPEC akan dikenakan.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu masalah bekalan minyak di negara ini mempunyai kaitan yang rapat dengan masalah minyak mentah di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, mengikut maklumat-maklumat yang ada di Kementerian saya tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa syarikat-syarikat minyak telah mengurangkan bekalan mereka sebanyak 5%. Sebaliknya oleh kerana kedudukan bekalan minyak mentah di dunia adalah di dalam keadaan yang meruncingkan, semua syarikat-syarikat minyak telah melaporkan kepada Kementerian saya bahawa bekalan tambahan melebihi quantity yang dipesan amat sukar diperolehi. Memandangkan kepada keadaan itu Kerajaan telah mengarahkan PETRONAS mengambil tindakan untuk menambahkan bekalan bagi menampung kekurangan bekalan setakat ini.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengawasi bekalan minyak mentah oleh syarikat-syarikat minyak dengan mewajibkan mereka menghantar ke Bahagian Penguatkuasa Kementerian saya penyata-penyata bulanan yang mengandungi:

- (a) Setok minyak mentah keluaran tempatan dan yang diimport; dan
- (b) Setok barang-barang Petroliaam keluaran tempatan dan yang diimport.

Penyata setok minyak mentah yang diimport adalah perlu bagi menentukan supaya minyak mentah yang dibeli oleh syarikat minyak dari pembekalnya untuk negara ini tidak diselewangkan ke negara-negara lain.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu masa dahulu saya dengar bahawa minyak yang kita dapat di negeri kita ini, kita eksport, kerana minyak kita itu tinggi mutunya, untuk mencari keuntungan. Tetapi dua hari yang lepas . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong angkat suara itu sedikit!

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Dua hari yang lepas, saya dengar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan yang kita eksport minyak kita kerana minyak kita itu melebihi daripada kegunaan, kalau tidak silap saya, yang mana satu yang betul?

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya betul tetapi fahaman Ahli Yang Berhormat itu tidak betul. Yang sebenarnya kita mengeluarkan minyak sebanyak 317,000 barrels pada satu hari tetapi kita cuma menggunakan 130,000 barrels pada satu hari. Kita boleh mengambil 130,000 barrels ini daripada bekalan minyak kita sendiri, tetapi kalau kita mengambil dan menjual dengan harga murah di dalam negeri, ini menyebabkan kerugian. Jadi, adalah lebih baik untuk kegunaan kita, kita membeli minyak mentah yang murah daripada Timur Tengah dan menjual minyak yang ada pada kita. Dengan jalan itu kita dapat keuntungan daripada penjualan dan kita dapat keuntungan daripada pembelian minyak yang murah yang kita gunakan.

Jadi kalau hendak diperhitungkan kita boleh menggunakan semua minyak kita dari segi bilangan berapa tong tetapi daripada segi duit ringgit adalah lebih baik kita jual dan membeli balik.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Speaker, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adakah benar banyak syarikat minyak di Malaysia ada menambah minyak, istimewa disel kepada Malaysia tetapi tambahan lebih ini dichannel kepada L.L.N. oleh kerana L.L.N. beberapa bulan dahulu cuaca tidak baik dan tidak boleh generate hydro-electricity dan semua standby set di seluruh Malaysia L.L.N. gunakan standby generator dan lebih disel ini dichannel kepada L.L.N. dan tidak diberi kepada swasta.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, L.L.N. menggunakan fuel oil yang bukan sama dengan disel oil yang biasanya diedarkan kepada pengguna-pengguna lain. Jadi kita tidak mengambil daripada disel oil untuk bekalan orang ramai dan kilang-kilang lain untuk kegunaan L.L.N. Sebenarnya semua syarikat minyak telah menambah bekalan minyak tetapi penambahan itu tidaklah sama dengan perentase peningkatan kegunaan di dalam negara, jadi sebab itulah kita terpaksa tokok daripada punca-punca PETRONAS.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri samada benar ataupun

tidak iaitu perundangan-perundangan yang telah dibuat oleh PETRONAS dengan syarikat-syarikat minyak di dalam negara ini menemui kebuntuan disebabkan syarikat-syarikat tersebut tidak dapat menerima cadangan-cadangan PETRONAS dalam soal penyertaan ekuiti PETRONAS dalam syarikat-syarikat tersebut. Jika benar, apakah langkah-langkah dan cadangan-cadangan timbal balas lain yang akan dibuat oleh PETRONAS kepada syarikat-syarikat petroleum tempatan tersebut agar struktur ekuiti syarikat tersebut akan dapat mencerminkan hasrat Kerajaan sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru dan mungkin dengan cara ini masalah bekalan minyak akan dapat diatasi dengan cara yang lebih berkesan lagi.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada perundingan antara PETRONAS dengan syarikat-syarikat minyak tentang kemungkinan mengadakan kilang penapis bersama sebagai satu usahasama antara PETRONAS dengan beberapa syarikat minyak tetapi perundingan itu tidak mendatangkan hasil kerana pihak PETRONAS ingin menjalankan usaha ini sendiri, sebab itu PETRONAS akan mengadakan kilang penapisnya sendiri dan juga saluran-saluran jualannya yang tersendiri. Syarikat-syarikat minyak yang lain akan meneruskan juga perusahaan mereka kerana bekalan minyak mentah yang didapati oleh mereka adalah hak mereka, iaitu perjanjian bekalan ini bukan dibuat antara Malaysia dengan pembekal-pembekal minyak tetapi antara syarikat-syarikat ini dengan pembekal-pembekal di Timur Tengah, jadi kita masih memerlukan tenaga mereka untuk mendapat minyak mentah. Kalau kita cuma mahu menjual minyak yang kita sendiri mengeluarkan dan menghadapi kerugian dengan sebabnya maka bolehlah pihak PETRONAS menguasai semua perniagaan minyak di dalam negara kita ini tetapi kita berpendapat bahawa perbuatan yang semacam itu akan merugikan kita. Sebab itu kilang-kilang minyak kepunyaan pihak asing dibenarkan meneruskan perniagaan mereka di sini.

#### MAS DI LONDON—PENDARATAN

**4. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah syarat-syarat perjanjian baru di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan British untuk membenarkan pendaratan MAS di London.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, di bawah persetujuan baru yang dibuat di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan British mengenai perkhidmatan udara MAS adalah dibenar menambah penerbangannya dari Kuala Lumpur ke London secara berperingkat-peringkat. Bagi melaksanakannya MAS akan menjalankan perkhidmatan tambahan sebanyak sekali seminggu menjadikannya dari dua penerbangan DC-10 seminggu kepada tiga penerbangan DC-10 seminggu mulai pada 1hb Januari, 1980. Pada 1hb April, 1980 pula perkhidmatan ini akan ditambah lagi menjadikan sebanyak empat penerbangan seminggu. Penerbangan-penerbangan MAS ke London berikutnya pula akan ditentukan berasaskan kepada kemajuan pertambahan trafik yang dicapai oleh MAS.

#### KERETAPI TANAH MELAYU— PENUKARAN NAMA

**5. Tuan P. Patto** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan samada Kementerian dapat menggantikan perkataan 'Keretapi Tanah Melayu' di Keretapi kepada 'Keretapi Malaysia' jika tidak berikan sebab-sebabnya.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan setakat ini tidak bercadang menggantikan nama 'Keretapi Tanah Melayu' kepada 'Keretapi Malaysia' oleh kerana nama ini telah dikenali berpuluh-puluh tahun dan setakat ini tidak ada sebab mengapa ianya patut ditukarkan. Lagipun nama Keretapi Tanah Melayu (Malayan Railway) adalah termaktub dalam undang-undangnya dan kuasa Undang-undang itu tidak meliputi negeri Sabah di mana terdapat juga satu perkhidmatan keretapi yang terasing daripada Keretapi Tanah Melayu ini. Oleh yang demikian, penukaran nama Keretapi Tanah Melayu kepada Keretapi Malaysia akan memberi implikasi terhadap Keretapi Sabah.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa dahulu sebelum Persekutuan Tanah Melayu dikenali sebagai Semenanjung Malaysia seperti sekarang ia dikenali sebagai Malaysia Barat, tetapi nama itu walaupun dikenali oleh orang ramai ditukar kepada Semenanjung. Jadi apakah salahnya sekiranya Keretapi

Tanah Melayu ditukarkan kepada Keretapi Semenanjung dan tinggalkan Keretapi Sabah sebagai Keretapi Sabah.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat itu tidak berpegang kepada soalan asal di atas pertanyaannya mengenai penukaran nama ini.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa perkataan 'Keretapi Tanah Melayu' ini kadangkala menyakit hati kepada setengah-setengah mereka yang sengaja bersikap chauvinistic dan perkauman. Jadi sebagai satu alasan untuk mengajar mereka ini adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk mengekalkan perkataan Keretapi Tanah Melayu ini buat selama-lamanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah lagi dijawab, sudah dijawab tadi.

### LESEN TEKSI—PENGELUARAN

**6. Tuan Au How Cheong** minta Menteri perusahaan Awam menyatakan adakah sebab-sebab yang mustahak bagi menghadkan pengeluaran teksi setiap tahun, dan tidak mengeluarkan lesen-lesen ini tanpa had.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini tidak lagi menghadkan pengeluaran lesen-lesen Teksi setiap tahun. Lesen Teksi akan dikeluarkan kepada pemohon pada bila-bila masa sahaja apabila pemohon-pemohon memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki dan terdapat kekosongan atau tambahan permit diperlukan di tempat-tempat yang dipohon.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, memandangkan bahawa dalam Bandaraya Kuala Lumpur pihak Kementerian yang berkenaan telahpun mengadakan satu had tentang pengeluaran lesen-lesen teksi, suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada pihak Kementerian bercadang untuk menambahkan bilangan lesen-lesen teksi untuk Bandaraya Kuala Lumpur memandangkan bahawa ini

ialah salah satu langkah untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam di Bandaraya Kuala Lumpur.

Selain daripada itu, suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini sejauh mana peraturan baru bahawa lesen akan dikeluarkan kepada mereka yang benar-benar menjalankan perniagaan atau taxi owner operator. Dan saya suka mendapat tahu apakah hasil yang telah diperolehi selepas melaksanakan peraturan yang baru itu.

**Tuan Idris bin Abdul Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini memang menyedari tentang bilangan-bilangan teksi yang perlu ditambah di dalam bandar Kuala Lumpur ini dan penambahan bilangan ini adalah sedang dilaksanakan.

Untuk soalan yang kedua, berhubung dengan dasar baru bahawa setiap pemohon lesen teksi atau permit teksi hendaklah terdiri daripada pemohon telah memandu teksinya sendiri adalah sedang berjalan pada masa sekarang ini dan hasil yang didapati bahawa pihak-pihak pemohon-pemohon teksi ataupun pemandu-pemandu teksi sangat-sangat memberi kerjasama dalam soal ini dan juga berhubung dengan pelaksanaan dasar ini didapati tidak lagi timbul penyelewengan dari soal hendak memajukan teksi mereka itu kerana syarat-syarat yang begitu ketat telah ditetapkan di dalam peraturan-peraturan yang dimasukkan di dalam geran yang diberikan kepada pemohon-pemohon teksi itu.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tanya Setiausaha Parlimen yang berkenaan bahawa sama ada mereka yang sedang menjalankan teksi mereka secara haram pada masa sekarang akan dapat ditimbang sebagai satu permohonan biasa ataupun mereka akan denda.

Soalan yang keduanya, bolehkah dapat penjelasan bahawa apakah jumlah bilangan pemohon-pemohon yang ada sekarang dan apakah bilangan yang dapat diluluskan tiap-tiap bulan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahagian kedua itu kalau Yang Berhormat hendak notis, boleh sebutkan. Sila.

**Tuan Idris bin Abdul Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta ulang soalan pertama tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan pertama.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mungkin Kementerian beliau sedar bahawa terdapat banyak teksi yang dijalankan secara haram. Bolehkah mereka membuat permohonan dan mereka dapat ditimbangkan sebagai permohonan biasa dan mereka tidak didenda atau didiskriminasikan? Itu soal yang pertama.

**Tuan Idris bin Abdul Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah dasar Kementerian ini seboleh-bolehnya hendak melihat bahawa tidak ada kereta sapu atau private sapu dan memang Kementerian ini telahpun melaksanakan. Di negeri Johor misalnya kita dapati beratus orang-orang yang menjalankan teksi permit sapu ini dan pihak Kementerian telahpun mendapatkan pemohon-pemohon berkenaan dan pada peringkat ini kita telahpun memberi permit-permit secara mengikut syarat-syarat yang kita kenakan.

Berhubung dengan soal denda yang disebut itu ialah soal penguatkuasa dari pihak RIMV.

**Tuan Awang bin Jabar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa permit-permit ini dikeluarkan kepada orang-orang yang memandu teksi sahaja. Jadi apakah nasib permit-permit yang dikeluarkan kepada seseorang yang dahulu daripada ini dengan banyak permit—beberapa permit.

**Tuan Idris bin Abdul Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang menyedari bahawa sebelum dasar ini dijalankan kita dapati banyak orang-orang yang tertentu kadang-kadang mempunyai beberapa buah permit dan mengikut peraturan dalam Kementerian ini bahawa permit itu dikeluarkan misalnya dalam 7 tahun. Sekiranya permit-permit yang ada sekarang ini sebelum dasar ini dikeluarkan bila sampai masa tempoh 7 tahun dan pihak pemohon itu ataupun pemegang permit itu hendak membaharui lesennya atau permit itu maka Kementerian tidak akan membaharui permit itu lagi.

**Tuan P. Patto:** Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada berkata bahawa memang ada pemegang-pemegang permit

yang memegang permit yang lebih daripada satu dan beliau berkata bila kena tunggu 7 tahun apabila dibaharui permitnya tidak akan dibaharui. Saya ingin tahu sama ada beliau sedar bahawa tindakan ini menafikan had seseorang pemandu yang benar-benar mahu permit untuk memandu teksinya. Sekiranya sedar, bolehkah pihak Kementerian itu menarik balik lesen-lesen yang dikeluarkan lebih daripada satu kepada seseorang itu dan keluarkan permit itu kepada orang-orang yang membawa teksi sapu atau kereta sapu yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen tadi dan juga orang lain yang benar-benar memerlukan permit teksi?

**Tuan Idris bin Abdul Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, pemohon-pemohon yang dibuat pada masa peringkat yang lama mereka memang mempunyai hak untuk membuat permohonan-permohonan demikian. Tetapi buat peringkat ini apabila dasar ini dijalankan kita memang sedar bahawa kalau kita hendak menarik balik pemohon-pemohon ini akan menimbulkan ketidakadilan dari segi soal ini. Maka itulah kita menetapkan bahawa tempoh untuk pemegang-pemegang permit itu bila sampai masanya barulah pihak Kementerian akan bertindak.

## JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG

7. **Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada tindakan menyusun semula Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di seluruh negara yang sedikit sebanyak memberikan kuasa-kuasa perlu untuk menentukan projek-projek di kampung khususnya di luar-bandar menimbulkan krisis pentadbiran di antara pihak-pihak yang berpengalaman dengan pihak-pihak yang bersentimen politik yang akhirnya matlamat memberikan kemudahan-kemudahan kepada rakyat tidak berhasil, jika ya, apakah langkah yang diambil supaya matlamat Kerajaan akan tercapai.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, tindakan menyusun semula Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di seluruh negara adalah didapati memberi faedah yang sangat besar sebagai alat penyambung di antara rakyat dan pegawai-pegawai Kerajaan dan sehingga kini

adalah didapati tidak timbul sebarang krisis pentadbiran bersebabkan daripada penubuhan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung ini.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri apakah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung ini ditubuhkan bertujuan untuk bertanggungjawab atau berkuasa menentukan projek kecil sebagaimana yang didakwakan oleh wakil dari Kota Setar ini atau JKK ini bertujuan untuk bertanggungjawab menentukan projek-projek kecil itu dilaksanakan atau dijalankan dengan sempurna mengikut kehendak hasrat Kerajaan dan juga hasrat rakyat.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, JKK adalah bertujuan untuk membantu Kerajaan menentukan projek-projek yang mana viable dan projek-projek yang mana dahulu didahulukan dan yang kurang perlu dikemudiankan dan juga kerjasama untuk menentukan projek-projek yang di kampung itu berjalan dengan licin dan teratur dan memberi faedah kepada seluruh masyarakat dan kampung berkenaan.

#### WAD DAN KAWASAN HOSPITAL— KEBERSIHAN

**8. Puan Shariffah Dorah binti Mohamad** minta Menteri Kesihatan menyatakan, memandang keadaan kotor bangunan-bangunan, wad-wad dan kawasan-kawasan hospital yang telah menyebabkan dibanjiri oleh beribu-beribu tikus, adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa keadaan yang tidak diingini ini adalah disebabkan kurang disiplin dan ketegasan pengurusan dan pentadbiran dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi memperbaiki keadaan ini sebelum ianya menjadi kronik.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling):** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat sedia maklum bahawa keadaan bangunan, kawasan dan wad-wad hospital telah bertambah baik daripada dahulu di mana langkah-langkah sentiasa diambil untuk memperbaiki lagi keadaan tersebut. Berkenaan dengan

masalah tikus pula saya maklumkan bahawa ianya adalah sentiasa dikawal oleh pihak-pihak berkuasa di hospital-hospital.

Suka saya juga menegaskan bahawa pihak-pihak berkuasa di hospital-hospital jua mengambil tindakan tegas untuk menjaga kebersihan kawasan dan bangunan hospital. Laporan-laporan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Lembaga Pelawat Hospital berikutan lawatan-lawatan mereka juga menentukan tindakan sebagaimana yang disebutkan itu. Di sini suka saya menyeru kepada orang ramai supaya memberikan kerjasama mereka di dalam hal ini agar mereka tidak mengotorkan kawasan-kawasan hospital mengikut sesuka hati mereka demi untuk menjaga kebersihan kawasan-kawasan tersebut dan kesihatan mereka jua.

Dalam tempoh Rancangan Lima Tahun yang berturut-turut ini Kerajaan telah dan akan menggantikan bangunan-bangunan lama yang tidak sesuai lagi dengan blok-blok wad dan jabatan yang baru. Dalam setengah-setengah kes pula Kerajaan akan mendirikan hospital baru bagi menggantikan yang lama. Pendek kata keadaan hospital-hospital adalah bertambah baik dari masa ke semasa dan tidak terbiar secara begitu sahaja.

**Tuan Lim Cho Hock:** Adakah Setiausaha Parlimen sedar di hospital bukan sahaja ada banyak tikus tetapi ada juga kucing dan anjing dan lembu pun ada seperti di Hospital Batu Gajah saya pun nampak ada lembu dan tahi lembu. Apakah tindakan Kementerian akan ambil untuk menyelesaikan masalah ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hairan kambing tidak ada! (*Ketawa*)

**Tuan Jawan anak Empaling:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi saya tidak percaya kalau ada kucing memang tidak ada tikus; itu saya tidak percaya; kalau ada tikus memang tidak ada kucing. Hospital-hospital yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu saya sendiri pun sudah ada melawat hospital itu. Kami sedar ini dan kami akan ambil perhatian. Terima kasih atas pandangan dan penjelasan dari Yang Berhormat.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu dalam jawapannya

tadi beliau mengatakan pihak Kementerian sedang menggantikan bangunan-bangunan buruk hospital-hospital lama dengan yang baru untuk mengelakkan kekotoran, menge-lakkan tikus, kucing, ayam, itik dan sebagainya. Di Kuala Trengganu sudah 4 tahun kalau tidak salah kami menunggu hospital baru dan selama 4 tahun ini kucing, tikus, ayam, itik, kambing, lembu dan sebagainya berkeliaran di dalam kawasan hospital dan walau dibersihkan bagaimana sekalipun kalau bangunan itu sudah buruk memanglah menjadi sarang tikus dan lain-lain binatang yang boleh membahayakan kesihatan orang sakit yang sedang dirawat.

**Tuan Jawan anak Empaling:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih juga atas pandangan Yang Berhormat itu. Ini akan diambil perhatian dan siasatan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Sungguhpun Kementerian Kesihatan sudah berjanji bertahun-tahun bahawa keadaan alam sekitar, kebersihan di hospital atau klinik-klinik akan dibersihkan atau pentadbiran akan diperbaiki, tetapi hingga hari ini umpamanya di Hospital Melaka sehingga Intensive Care Unit (I.C.U.) pun ada terdapat kucing di dalam Unit itu yang sangat merbahaya terhadap pesakit. Maka . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada kucing?

**Tuan Chan Teck Chan:** I.C.U. ada kucing, saya sendiri nampak ada kucing dalam I.C.U. di Melaka. Bolehkah Kementerian Kesihatan memberikan satu jaminan kepada Dewan ini bahawa perkara-perkara seperti yang kita dengar tadi umpamanya kucing, anjing atau kambing/lembu ini bolehlah dikikiskan sama sekali dan tidak akan ditimbulkkan di dalam Dewan ini dan juga adakah Yang Berhormat sedar bahawa General Hospital sekarang sudah dijadikan satu tempat untuk persaingan politik sehingga Pengarahnya atau Superintendent tidak dapat mengawal kakitangan yang terletak di bawah jagaannya. Jika beliau sedar maka apakah tindakan akan diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk memberhentikan segala kegiatan yang berlaku di kalangan hospital yang ada di Malaysia hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang kedua itu tidak payah dijawab, di luar daripada soalan asal. Yang pertama sahaja dijawab.

**Tuan Jawan anak Empaling:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar kucing masuk di I.C.U.; mungkin dia sakit (*Ketawa*). Tetapi Kementerian saya akan siasat sekiranya begitu. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beritahu pesakit tidak boleh bawa kucing ke hospital! (*Ketawa*)

**Dr Hee Tien Lai:** Saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa kakitangan hospital termasuk amah, attendant dan nurses, mereka yang sepatutnya dimarahkan kerana mereka yang beri makan kepada kucing-kucing. Saya tahu perkara ini sebab saya adalah Pengerusi Pelawat Hospital Batu Pahat dan perkara ini telah banyak kali berbangkit di pihak hospital tetapi arahan saya tidak ada kuasa. Kalau Kementerian yang berkenaan boleh berikan satu arahan kepada semua hospital staff supaya jangan bersimpati kepada kucing-kucing dan beri makanan kepada binatang itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu dari segi peri haiwanan (*Ketawa*).

**Tuan Jawan anak Empaling:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas penjelasan dan laporan dari Ahli Yang Berhormat itu. Kami akan siasat perkara ini, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Semerah. Nampaknya tiap-tiap kawasan ada mengatakan hospitalnya dibanjiri oleh haiwan-haiwan.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kesihatan rakyat adalah perlu bagi keselamatan negara. Memandangkan tikus mudah membiak dan boleh membawa wabak seperti penyakit taun dan lain-lainnya, adakah di tiap-tiap hospital itu mempunyai Rodent Operator bagi membasmi tikus-tikus ini dan sekiranya belum ada, adakah Kementerian Kesihatan bercadang hendak mengadakannya secepat mungkin?

**Tuan Jawan anak Empaling:** Saya tidak dengar, minta ulang sekali lagi key word itu tadi.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohamed:** Rodent Controller - pembunuh tikus-tikus bagi menghapuskan tikus-tikus. Adakah sudah ada satu yunit Rodent Controller atau Rodent Operator bagi membunuh tikus-tikus yang mudah membiak ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduklah, baru Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh bangun.

**Tuan Jawan anak Empaling:** Itu saya pun tidak berapa faham, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta notis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah hal tikus ini.

#### PERISYTIHARAN PERSIDANGAN NEGARA BERKECUALI DI CUBA

**9. Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Luar Negeri menyatakan di Persidangan Negara berkecuali yang telah diadakan di Havana, Cuba, baru-baru ini pergerakan kecialian kehilangan Pengenalannya atau Identitinya yang bersifat berkecuali, sebaliknya menyerat pergerakan itu bersifat pro-Moscow; apakah Malaysia khususnya dan Negara-negara ASEAN pada 'amnya sedang mengambil tindakan-tindakan untuk memperbetulkan unsur perjalanan yang merbahaya ini.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar pergerakan berkecuali kehilangan Pengenalannya atau Identitinya yang bersifat berkecuali, sebaliknya menyeret pergerakan itu bersifat pro-Moscow. Di Persidangan Havana, ada beberapa Ahli di dalam Pergerakan telah cuba membawa perhatian Persidangan ke arah dasar Soviet tetapi tidak berjaya. Pengisytiharan Terakhir Persidangan tersebut telah mengesahkan sekali lagi bahawa falsafah 'non-bloc' dan sifat merdeka pergerakan berkecuali. Malaysia akan terus memainkan peranan yang membina dan sederhana di dalam pergerakan supaya ia dapat menjamin dan tetap kepada prinsip asas berkecuali. Dengan tujuan ini kita akan bekerjasama sepenuhnya dengan Negara-negara Berkecuali lain termasuk ahli-ahli ASEAN yang menjadi Ahli Pergerakan Negara-negara Berkecuali.

#### BUKU TEKS SEKOLAH-SEKOLAH—BEKALAN

**10. Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Pelajaran menyatakan iaitu memandangkan bekalan buku-buku teks ke Sarawak adalah lambat dan kekurangan dalam beberapa tahun yang lalu, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini dalam tahun 1980.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Speaker, sebenarnya keadaan membekalkan buku-buku teks ke negeri Sarawak pun telah bertambah baik pada awal tahun ini. Walau bagaimanapun, untuk mempercepatkan lagi pembekalan buku teks ke Sarawak untuk kegunaan sekolah-sekolah tahun 1980, Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) Kementerian saya telah membuat pesanan lebih awal lagi iaitu dalam bulan Februari 1979 kepada Dewan Bahasa dan Pustaka bagi buku-buku teks sekolah rendah di bawah Skim Pinjaman Buku Teks.
- (ii) Untuk sekolah menengah, Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak telah memesan terus kepada Dewan Bahasa dan Pustaka melalui cawangannya di Sarawak bagi buku-buku Dewan. Bagi buku-buku yang lain, Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak telah mengadakan tender lebih awal supaya buku-buku dapat dibekalkan lebih awal lagi oleh "tenderers" yang berjaya.
- (iii) Dewan Bahasa dan Pustaka telah memastikan buku-buku teksnya mengikut keperluan Bahagian-bahagian seperti senarai pesanan yang disediakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak.
- (iv) Dewan Bahasa dan Pustaka telah melantik agen-agen penyampaian (forwarding agents) untuk menguruskan pembekalan buku-buku teks dari Semenanjung ke Sarawak.
- (v) Fasal denda telah dimasukkan ke dalam kontrak dengan agen-agen pengedaran di mana mereka akan dikenakan denda dan sebagainya jika mereka lambat menyampaikan buku-buku teks ke sekolah-sekolah.
- (vi) Dewan Bahasa dan Pustaka telah menghantar buku-buku teks kegunaan tahun 1980 ini pada awal Julai 1979 ke Sarawak.

Dengan langkah-langkah yang diambil di atas, pembekalan buku-buku teks ke Sarawak tentulah lebih memuaskan berbanding dengan tahun-tahun yang lepas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Shaari bin Jusoh.

**Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 11.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang adalah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Parit.

### GANGGUAN PERCAKAPAN TELEFON

**11. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kementerian beliau sedar akan bunyi bising yang kerap mengganggu semasa percakapan telefon. Jika ya, apakah tindakan Kementerian beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya dan Jabatan Telekom sedar bahawa ada kemungkinan gangguan bising berlaku semasa percakapan melalui telefon di kawasan Kedah dan Perlis. Masalah ini adalah disebabkan oleh kerana masih banyak talian pelangan dan litar cawangan iaitu talian antara satu ibusawat telefon ke ibusawat telefon lain di negeri-negeri ini adalah jenis talian atas yang menggunakan dawai terbuka di atas tiang-tiang.

Jabatan Telekom telah diberi satu peruntukan besar dalam Rancangan Malaysia Ketiga bagi memperbaiki rangkaian pelanggan dan litar cawangan di Kedah dan Perlis. Dalam usahanya bagi meninggikan mutu perkhidmatan telefon ke kawasan-kawasan tersebut Jabatan Telekom akan menggantikan dawai-dawai terbuka ini dengan dawai bersalut (insulated wires) kabel atas kabel bawah tanah atau litar radio. Lebih kurang 70% daripada dawai terbuka di negeri-negeri tersebut akan diganti pada akhir Rancangan Malaysia Ketiga dan bakinya sebanyak 30% akan digantikan dalam Rancangan Malaysia Keempat nanti.

**Dr Hee Tien Lai:** Soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak bahawa ada setengah-setengah tempat yang mana kilat masuk ke wayer itu dan orang kena karen. Kalau ini benar apakah tindakan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kejadian ini berlaku oleh kerana talian-talian tersebut adalah talian-talian yang terbuka dan saya percaya bahawa masalah ini dapat diatasi bila talian yang terbuka itu akan digantikan dengan talian-talian yang bersalut.

### TARIAN "SINGA"/TARIAN "HARIMAU"

**12. Tuan Lim Cho Hock** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mencadangkan supaya tarian "Singa" patut diubah kepada tarian "harimau" dan syor beliau ini telah menerbitkan sangkaan buruk dan membangkitkan rasa curiga di antara kaum-kaum di negara ini; jika sedar, adakah beliau akan mengambil tindakan keras terhadap Menteri yang berkenaan.

**Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, jika Ahli Yang Berhormat itu membaca sepenuhnya dan dengan teliti ucapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tentu ia mendapati bahawa Menteri itu tidak mencadangkan supaya tarian "Singa" diubah kepada tarian "Harimau".

Soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah berbangkit daripada ucapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa Menteri merasmikan Seminar Akademik Pengajian Persuratan Melayu di Universiti Malaya pada 19-5-1979. Ucapan Menteri itu telah disiarkan sepenuhnya oleh *Berita Harian* terbitan 21-5-79. Ucapan Menteri itu telah ditumpukan kepada keperibadian nasional. Pembukaan ucapannya telah memberi tanda tanya ke atas perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya memetik perkataan Menteri itu. Menteri itu berkata:

"Saya sangat menghormati orang-orang seperti saudara-saudari yang tidak jemu-jemu menjalankan ikhtiar untuk menemukan pendapat dan pandangan ke arah

mencapai satu persefahaman tentang apakah dianya yang sebenarnya keperibadian nasional.”

Itu soalnya yang diberi pandangan kepada Seminar itu. Menteri itu seterusnya memberi pandangannya berkenaan dengan fahaman pihak peribumi dan pihak golongan mendatang. Benarkan saya memetek pandangan yang berkenaan dengan ini. Menteri itu berkata:

“Pihak peribumi wajib membuat kesimpulan apakah unsur-unsur budayanya yang mahu dijadikan asas dan teras kepada pertumbuhan dan percambahan budaya nasional kita kerana adalah pasti tidak semua yang diwarisi ini boleh berfungsi sedemikian kehendak. Di pihak golongan mendatang pula rancangannya untuk mempertahankan sesuatu yang sudah tidak lagi mempunyai pertalian dan perhubungan dengan negara yang asal dan dengan alam keliling yang asal. Ini akan merupakan satu usaha yang sia-sia kerana kemungkinan untuk memperkembangkannya sudah tidak ada lagi. Unsur-unsur sedemikian hanya boleh merosot dan tinggal sebagai bahan pamiran muzium sebagai manifestasi sistem budaya yang usang. Fungsinya hanya untuk dijadikan bahan-bahan kajian antropologi dan sosiologi.”

Tuan Yang di-Pertua, tarian “Singa” yang disebutkan oleh Menteri itu adalah digunakan sebagai contoh sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya membaca apa yang dikatakan oleh Menteri itu. Menteri itu berkata:

“Suatu unsur budaya yang bermakna dan berguna ialah yang mempunyai kemungkinan untuk berkembang dan bercambah. Sekiranya unsur budaya mendatang mahu diserapkan dalam batang tubuh budaya nasional, ianya perlu melalui proses penyusunan semula.”

Contohnya, ini contoh diberi, tarian “singa” dalam bentuk dan muzik iringannya yang ada sekarang tidak mungkin diterima sebagai gerak-geri tarian dan irama Malaysia. Tarian “singa” adalah kepunyaan Tanah Besar China dengan alam sekelilingnya. Tetapi tarian ini dan alam sekeliling ini sudah tidak wujud lagi di Negara Besar China. Jadi, di sini bagaimana pula ia boleh berkembang dan diterima oleh semua

pihak. Ini pertanyaannya. Mungkin, kata dia, apa yang dapat diterima satu hari nanti ia itu setelah melalui proses penyesuaian dan penyusunan semula ialah satu hasil interreaksi antara budaya mendatang dengan terasnya iaitu peribumi dalam bentuk gerak-geri tarian seekor harimau dan iringan gong, serunai dan tabla atau gemelan atau tarian barong seperti yang didapati di Bali.

Ini kalau Ahli Yang Berhormat membaca, ini ialah contoh, dia mengatakan kita hendak mengadakan budaya nasional kita, keperibadian kita adakah macam ini akan dapat diterima pada masa akan datang. Bukan dia kata ganti tarian “singa” kepada “harimau”, tidak sekali-kali, dan saya mengesyorkan kepada Ahli Yang Berhormat membaca ucapan itu dengan teliti dan dengan mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya dengan petikan yang telah saya buat daripada ucapan Menteri itu nyatalah sangkaan buruk Ahli Yang Berhormat itu dan juga orang-orang yang lain adalah tidak betul (*Tepuk*).

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menafikan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkata bahawa tarian “singa” patut diubah kepada tarian “harimau”. Di sini saya suka bertanya sama ada Yang Amat Berhormat sedar bahawa tidak dapat dinafikan bahawa apa yang telah dilaporkan dalam suratkhbar mengenai ucapan Yang Berhormat Menteri itu telah menimbulkan banyak syak-wasangka atau kebimbangan di dalam masyarakat Cina dan suka saya bertanya sama ada Yang Amat Berhormat bercadang untuk menghapuskan apa-apa jenis syak-wasangka atau salah faham mengenai hal itu dengan membuat satu keputusan untuk mengiktirafkan tarian singa sebagai salah satu bahagian kebudayaan Malaysia selaras dengan dasar demokrasi kebudayaan di negara kita?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat itu tadi kalau mengikuti jawapan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jelas sudah ada di dalam jawapan itu—melainkan kalau Yang Amat Berhormat hendak menjelaskan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, apa sangkaan daripada bacaan dalam suratkhbar, kalau tidak benar, tidak benar. Kalau kita membangkitkan perkara ini pergi

kepada pangkalnya; kepada isi kandungan ahli yang membuat ucapan itu. Saya sudah terangkan di sini dan Ahli Yang Berhormat boleh mendapat naskah penuh ucapan Menteri yang berkenaan dan kalau surat-khabar-suratkhabar terutama surat khabar yang bukan Melayu memberi tajuk dan gambaran yang tidak betul, saya nasihatkan kepada Ahli Yang Berhormat membeli dan membaca surat-khabar yang boleh dipercayai (*Tepuk*).

Berkenaan dengan soalan yang kedua, berkenaan kebudayaan ini, Ahli Yang Berhormat sendiri mengetahui ada badan yang melihat dan meneliti berkenaan dengan kebudayaan-kebudayaan dan perkara-perkara yang hendak disyorkan supaya jadi kebudayaan Malaysia. Ini terpulang kepada badan-badan itu menimbang, memikir tiap-tiap satu kebudayaan atau adat resam dan cara yang ada di dalam negara kita ini boleh dijadikan sebagai adat resam dan kebudayaan di negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 24 adalah diberi di bawah ini.)*

#### HOSPITAL PERSENDIRIAN— SYARAT-SYARAT

**13. Puan Chow Poh Kheng** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan keadaan yang terdapat di semua department (bilik-bilik) di hospital swasta dan adakah juga beliau berpuashati dengan kakitangan-kakitangan hospital-hospital tersebut semuanya mempunyai tauliah. Jika tidak, apakah tindakan yang beliau sepatutnya ambil sama ada tindakan undang-undang atau mengadakan peraturan tertentu demi memastikan keselamatan nyawa pesakit-pesakit yang menerima rawatan daripada hospital-hospital tersebut yang mempunyai kemudahan-kemudahan yang tertentu sahaja.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin sedia maklum Akta Hospital-Hospital Persendirian, 1971 telahpun menetapkan syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang harus diikuti oleh hospital-hospital persendirian sebelum mereka dibenarkan menjalankan urusan. Kementerian Kesihatan

juga adalah sedang membuat kajian semula terhadap Akta ini sekarang bagi menentukan perbekalan di dalam Akta tersebut cukup untuk menjamin kesempurnaan perjalanan hospital-hospital ini.

#### PASUKAN POLIS/TENTERA— PENGAMBILAN

**14. Dr Chen Man Hin** minta Perdana Menteri melaporkan tentang dasar Kerajaan dalam perkara pengambilan rakyat Malaysia yang bukan Melayu di dalam Pasukan Polis dan tentera, sama ada menjadi hasrat Kerajaan supaya pasukan berseragam mencerminkan komposisi berbilang kaum masyarakat kita dan sama ada akan terdapat diskriminasi dalam etikata kenaikan pangkat dan tanggungjawab.

**Perdana Menteri:** Semasa saya menjawab soalan No. 7 daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 15hb Oktober yang lalu, saya telah menegaskan bahawa Kerajaan memanglah memberi perhatian yang berat ke atas keperluan untuk mengambil kakitangan Kerajaan yang berbilang bangsa, serta juga memberi peluang dan layanan yang sama kepada semua calon-calon yang memohon jawatan-jawatan Kerajaan. Ini termasuklah juga jawatan-jawatan dalam pasukan polis dan tentera. Walaupun begitu, soal menentukan supaya pengambilan kakitangan Kerajaan itu mencerminkan komposisi bilangan kaum di negara ini adalah bergantung kepada beberapa faktor sebagaimana yang saya telah terangkan.

Dalam urusan pengambilan untuk pasukan polis dan tentera yang dijalankan pada masa yang lepas, adalah didapati bahawa bilangan permohonan calon-calon bukan bumiputra adalah kecil jika dibandingkan dengan permohonan-permohonan bumiputra. Keadaan ini terjadi bukanlah kerana kurangnya peluang yang diberikan tetapi adalah disebabkan kurangnya minat di kalangan lain-lain kaum untuk berkhidmat dalam pasukan keselamatan khasnya sebagai anggota biasa yang berpangkat rendah.

Dalam soal kenaikan pangkat pula, inginlah saya memaklumkan bahawa perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pasukan Polis dan Majlis Angkatan Bersenjata. Antara syarat-syarat yang diberi

pertimbangan dalam urusan kenaikan pangkat itu ialah kelulusan akademik, pengalaman-pengalaman yang sesuai, sifat-sifat peribadi dan juga kecekapan yang telah ditunjukkan semasa menjalankan tugas. Oleh yang demikian, soal diskriminasi di dalam urusan kenaikan pangkat dan tanggungjawab seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul sama sekali.

### **HOSPITAL BESAR PULAU PINANG— KEMUDAHAN**

**15. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar tentang kecaman-kecaman yang dibuat oleh orang ramai terhadap pentadbiran dan kemudahan-kemudahan Hospital Besar Pulau Pinang dan baru-baru ini seorang pakar pembedahan otak, Dr. Swaran Singh, yang telah meninggalkan perkhidmatan Kerajaan dan seorang pakar ENT, Dr. A.T.M. Jabbar dari Bangladesh, telah melahirkan rasa keciwa dan tidak puas hati terhadap pentadbiran dan kemudahan-kemudahan hospital tersebut; jika ya, nyatakan sama ada beliau telah menyiasat perkara ini, dan nyatakan hasil siasatan tersebut; jika tidak, mengapa.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Saya percaya Ahli Yang Berhormat adalah merujuk kepada kenyataan-kenyataan yang telah disebarkan oleh sebuah akhbar tempatan beberapa ketika dahulu iaitu mengenai tomanah Dr. Swaran Singh dan Dr. A.M.T. Abdul Jabbar, masing-masing dilaporkan merasa tidak puashati dengan kemudahan-kemudahan dan pentadbiran di Hospital Besar, Pulau Pinang.

Dr. Swaran Singh khususnya memberikan alasan beliau meninggalkan perkhidmatan Kerajaan kita kononnya disebabkan oleh kekurangan kemudahan-kemudahan moden. Saya percaya Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kenyataan beliau ini telahpun dibuat selepas beliau berhijrah ke negara lain. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kita mestilah ingat bahawa daya tenaga kita itu adalah terhad. Walaupun kita berusaha bersungguh-sungguh untuk mengadakan alat-alat yang paling moden untuk pakar-pakar kita, namun demikian kita juga hendaklah memikirkan keperluan-keperluan negara ini keseluruhannya dalam memperuntukkan daya tenaga kita yang terhad ini. Sesungguhnya saya akan meng-

hormati pendapat Dr. Swaran Singh itu sekiranya pendapat-pendapat ini telah dikemukakan secara rasmi iaitu semasa beliau berkhidmat lagi. Akan tetapi memandangkan beliau telahpun meninggalkan perkhidmatan kita sekarang, saya rasa tidaklah ada gunanya lagi kita membincangkan pendapat-pendapat peribadi beliau itu di Dewan yang mulia ini.

Memandangkan juga Dr. Jabbar telahpun habis tempoh kontrak perkhidmatannya dengan kita, serta masalah peribadi beliau berhubung dengan penyelarasan gaji telahpun selesai, maka tidaklah ada tindakan yang selanjutnya diperlukan di dalam kes ini.

### **BELIA PELADANG**

**16. Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan di samping Kementeriannya mempunyai rancangan Belia Peladang, adakah Kementeriannya juga mempunyai rancangan Belia Nelayan. Kalau ya, berapa rancangan telah ada dan berikan jumlah tiap-tiap negeri.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Soalan yang seperti ini telah dijawab pada 19.6.79.

### **PENGGANAS KOMINIS DITEMBAK MATI**

**17. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan :-

- (a) sama ada beliau akan mengarah supaya diadakan satu siasatan awam ke dalam penembakan dua orang penoreh getah bernama Encik Lai Kwai yang berumur 60 tahun dan Encik Lai Chee Kong yang berumur 17 tahun di Sungai Chalit, Raub, Pahang pada 25hb. Jun lalu kerana penduduk-penduduk di Sungai Chalit tidak dapat menerima versi Menteri Besar Pahang yang mereka kedua ini adalah "pengganas-pengganas yang lapar" kerana penduduk-penduduk Sungai Chalit kenal benar kedua-dua orang berkenaan dan siasatan awam perlulah diadakan supaya gambaran sebenar tentang peristiwa itu dapat diperolehi; dan
- (b) sama ada beliau akan menempatkan anggota Polis wanita di sekatan-sekatan jalan di Sungai Chalit dan di lain-lain

tempat di mana sekatan polis diadakan supaya membolehkan anggota Polis wanita memeriksa kaum perempuan.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Pada 25hb. Jun 1979, Pasukan Keselamatan telah membuat rondaan di satu kawasan lebih kurang 1½ batu ke timur Kampung Sungai Chalit. Kawasan tersebut adalah kawasan keselamatan dan kawasan Operasi Pasukan Keselamatan. Dalam rondaan tersebut Pasukan Keselamatan telah ternampak sekumpulan 5 orang berpakaian preman. Pasukan Keselamatan terus mencabar kumpulan tersebut tetapi kumpulan tersebut bercempera lari sambil melepaskan beberapa das tembakan ke arah Pasukan Keselamatan menyebabkan seorang anggota Pasukan Keselamatan telah tercedera. Pasukan Keselamatan membalas tembakan di mana 2 dari kumpulan tersebut telah terbunuh dan seorang lagi cedera yang mana kemudiannya mati.

2 dari mereka yang telah terbunuh itu ialah Lai Kwai berumur 66 tahun dan anak lelakinya Lai Chee Kong berumur 16 tahun.

Di tempat kejadian tersebut Pasukan Keselamatan telah menjumpai antara lain:-

- (a) 5 butir bom tangan buatan sendiri;
- (b) 2 bahan letupan plastik;
- (c) 4 detonators;
- (d) 45 'Vietnam' spikes;
- (e) 3 butir bateri besar lampu suloh yang dilengkapi dengan wayar untuk kegunaan meletupkan jerangkap samar;
- (f) 4 butir bateri kecil lampu suloh yang dilengkapi dengan wayar;
- (g) 24 butir bateri lampu suloh dan
- (h) Beberapa dokumen Kominis, pakaian dan barang-barang keperluan peribadi.

Mengikut siasatan kedua-dua mereka itu adalah merupakan penyokong Kominis yang aktif yang tidak mempunyai sebarang sebab mengapa mereka harus berada di dalam sekumpulan bersenjata tersebut di dalam kawasan keselamatan. Kerajaan berpendapat tidaklah perlu diadakan satu siasatan mengenai perkara ini.

Pasukan Keselamatan mempunyai caranya sendiri membuat sekatan jalan raya dan pemeriksaan dan bila mana difikirkan perlu Pasukan Keselamatan akan menugaskan anggota-anggota yang bersesuaian.

#### MINYAK DIESEL—KEKURANGAN

**18. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah diramalkan bahawa kekurangan minyak diesel di pasaran akan berlanjutan.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telahpun menjawab soalan yang serupa semasa beliau menjawab soalan-soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kluang pada 17hb. Oktober, 1979 dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan tersebut.

#### CUKAI PENDAPATAN

**19. Dr Tan Tiong Hong** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementeriannya akan memberi pertimbangan untuk menambahkan lagi perlepasan cukai pendapatan diri.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Ahli Yang Berhormat adalah diminta membuat rujukan kepada Ucapan Belanjawan 1980 mengenai perkara ini.

#### KERETA BOMBA DI PASIR PUTEH

**20. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa telah beberapa kali dibangkitkan di dalam Dewan ini tentang kereta bomba yang buruk di Pasir Puteh, Kelantan, jika sedar, bilakah beliau akan memenuhi janjinya kepada rakyat Pasir Puteh untuk menempatkan kereta bomba yang baharu.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Dr Neo Yee Pan):** Bagi makluman Yang Berhormat Kementeriannya ini sedar kereta bomba yang ada di Pasir Puteh perlu digantikan, tetapi ada juga terdapat

beberapa kawasan di Negeri Kelantan yang lebih memerlukan kereta-kereta bomba baru. Dalam tahun 1978/79 sejumlah 5 kereta bomba baru telah diberi kepada Negeri Kelantan dan pada tahun 1980, 4 buah kereta bomba baru lagi akan ditempatkan di Negeri Kelantan. Saya akan cuba menempatkan salah satu daripada kereta-kereta bomba yang tersebut di Pasir Puteh.

### **PETRONAS—JUALAN MINYAK PETROL/DIESEL**

**21. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Petronas akan mula menjual minyak petrol di stesyen-stesyen minyaknya memandangkan bahawa ia telahpun mula menjual minyak diesel dan minyak tanah.

**Perdana Menteri:** Memanglah menjadi peranan Petronas untuk mengambil bahagian secara aktif di dalam pengedaran dan pemasaran petrol dan lain-lain bahan keluaran petroliam. Penglibatan Petronas di dalam pasaran-pasaran diesel dan minyak tanah adalah merupakan satu langkah Kerajaan untuk mengatasi kekurangan bekalan yang ujud dalam masa beberapa bulan yang lalu.

Bilakah Petronas akan mendirikan stesyen-stesyen petrolnya adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti:-

- (i) mendapatkan tapak serta kelulusan baginya;
- (ii) kemampuan dari segi kakitangan yang terlatih; dan
- (iii) masa yang diperlukan untuk menubuhkan satu sistem pengedaran.

Oleh kerana faktor-faktor itu masih lagi belum selesai diuruskan, maka tidaklah dapat saya memberi anggaran masa bilakah Petronas akan memulakan penjualan petrol di stesyen-stesyen minyaknya sendiri.

### **PANCARAN RADIO SIARAN NASIONAL DI BATU MELINTANG, KELANTAN**

**22. Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pemancaran Radio Siaran Nasional di Kawasan Batu Melintang, Tanah Merah, Kelantan tidak dapat didengar dengan baik. Jika ya, mengapa.

**23. Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Setesyen Pemancar di Batu Melintang, Tanah Merah, Kelantan yang ada sekarang masih digunakan. Jika tidak, mengapa.

**Menteri Penerangan (Dato Mohamed bin Rahmat):** Pada satu masa dahulu, pendengar-pendengar radio di kawasan tersebut menerima siaran Nasional menerusi 2 alat pemancar, satu daripada alat pemancar di Kota Bharu yang mempunyai kuasa 10 kw dan satu lagi dari alat pemancar sementara yang ditempatkan dalam kawasan perkemahan tentera di Batu Melintang. Kuasa dari alat pemancar di Kota Bahru adalah tidak memadai manakala semboyan (signal) daripada alat pemancar sementara di kawasan perkemahan tentera di Batu Melintang itu didapati mengganggu alat-alat perhubungan tentera.

Dari segi teknik penyiaran dan juga dari segi keselamatan, keadaan tersebut adalah tidak memuaskan. Bagi mengatasi kedua-dua masalah ini, pihak yang berkenaan (Jabatan Penyiaran) telah menambahkan kuasa alat pemancar di Kota Bahru daripada 10 kw ke 20 kw dan menutup alat pemancar sementara di perkemahan tentera di Batu Melintang itu. Langkah-langkah ini diambil bagi memperbaiki dan memperluaskan liputan kawasan alat pemancar di Kota Bahru di samping mengatasi masalah gangguan ke atas alat-alat perhubungan tentera. Bagaimanapun, dengan tindakan-tindakan demikian keadaan terbaik (ideal) menurut kehendak penyiaran masih tidak mungkin tercapai. Namun demikian makluman balas yang didapati oleh Jabatan Penyiaran menunjukkan bahawa penerimaan siaran di kawasan Batu Melintang adalah agak memuaskan. Dalam pada itu penyiasatan lanjut ada dijalankan dengan tujuan membaiki lagi penerimaan siaran-siaran radio bagi kawasan Batu Melintang.

### **KES KEMATIAN DI HOSPITAL BESAR MELAKA DIBAWA KE MAHKAMAH**

**24. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Undang-undang menyatakan bilangan kes yang difailkan di mahkamah berkait dengan kematian secara besar-besaran yang berlaku di Hospital Besar Melaka dalam pertengahan tahun 1973 ketika mesin 'autoclave' di hospital tersebut rosak; adakah Kerajaan melayan tuntutan-tuntutan untuk mendapat

gantirugi yang difailkan selepas tempoh tiga tahun yang disyaratkan di bawah "Public Authorities Protection Ordinance" 1948.

**Menteri Undang-undang (Dato' Sri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah):** Hanya dua kes untuk mendapatkan pampasan telah difailkan di mahkamah mengatakan sebab kematian itu adalah berkaitan dengan mesin autoclave di Hospital Besar Melaka yang telah rosak di pertengahan tahun 1973. Satu kes telah dihentikan dan satu lagi belum selesai di Mahkamah Tinggi Melaka. Tiada apa-apa tuntutan lain untuk mendapat pampasan yang telah difailkan terhadap Kerajaan dan oleh itu soal Kerajaan hendak melayan tuntutan mereka itu selepas tempoh tiga tahun yang disyaratkan di bawah Ordinan Perlindungan Pihakberkuasa Awam 1948 tidaklah timbul.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, seksyen 2 dalam Akta Perlindungan Pihakberkuasa Awam 1948 memperuntukkan antara lain, bahawa tidak apa-apa tindakan atau guaman boleh diambil mengikut hal-hal keadaan yang dinyatakan dalam seksyen itu melainkan jika tindakan atau guaman itu di mulakan dalam tempoh tiga puluh enam bulan selepas sahaja berlakunya perbuatan, kecuaiian atau kemungkiran yang diadakan itu. Bagaimanapun, sekiranya ada sebarang tuntutan dibuat sekarang ini maka tuntutan itu akan dikaji.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (7hb November, 1979).

## DAN USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul

yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$9,856,562,316 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1980, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1980 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 tahun 1979, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (7hb November, 1979)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa hari ini ialah hari akhir bagi Ahli-ahli Yang Berhormat semua mengambil bahagian di dalam perbincangan Belanjawan ini kerana Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab mulai pada hari esok. Walaupun pada hari semalam 8 orang telah dapat mengambil bahagian dalam perbincangan ini tetapi masih ada 15 lagi Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam catitan saya yang ada bangun sekali dan ada yang telah bangun bertubi-tubi, semuanya saya ada tandakan di sini, dan hari ini kita hanya ada 170 minit lebih kurang sebelum Dewan ditangguhkan. Oleh sebab itu, bagi sementara ini sehingga 5.30 petang saya akan hadkan perbincangan tiap-tiap seorang tidak lebih daripada 15 minit, dan kalau lepas itu ada lagi yang hendak bercakap, mungkin saya akan tetapkan had kepada 10 minit sahaja sebab tujuan saya supaya ramai Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian. Jadi bila bercakap itu terus kepada pointnya, tidak penuh dengan sastra, sindirian dan sebagainya, terus kepada pointnya.

Pada masa ditangguhkan semalam Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar baharu mula bercakap 3 minit. Pada masa semalam saya benarkan 30 minit tetapi bolehlah dikira daripada sekarang 15 minit. Sila.

3.39 ptg.

**Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali (Kuala Kangsar):** Tuan Yang di-Pertua, berkali-kali kita melihat peruntukan yang besar disalurkan kepada sektor pembangunan

luar bandar. Ini adalah satu bukti yang jelas bahawa Kerajaan adalah jujur untuk membasmi kemiskinan.

Kestabilan politik tidak mungkin boleh dikekalkan sekiranya jurang antara dengan miskin tidak ditimbus. Satu lagi langkah yang boleh dianggap berani yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan ialah Yayasan Pelaburan Bumiputra. Rancangan ini ialah bertujuan untuk menggalakkan pelabur-pelabur kecil Bumiputra. Peruntukan tambahan sebanyak \$300 juta itu adalah dua kali ganda dari modal sekarang yang berjumlah \$200 juta. Pengecualian cukai sehingga \$4,000 dari keuntungan akan merupakan penggalak kepada penyertaan bumiputra. Di samping itu Kerajaan juga menyediakan sebanyak \$256 juta sebagai tambahan kepada PERNAS, UDA dan MARA. Dengan ini adalah sangat nyata bahawa Kerajaan sedang berusaha bersungguh-sungguh menerusi sektor bank untuk menambah wang yang boleh dipinjam oleh bumiputra dan peniaga-peniaga dari semua peringkat. Tetapi sebagaimana yang dipersetujui sendiri oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, sumbangan dan daya usaha dari Kerajaan semata-mata tidak mencukupi. Usaha yang lebih besar dan insaf hendaklah datang dari rakyat sendiri. Langkah-langkah Kerajaan bagi mendorong dan mengembangkan pertumbuhan ekonomi dan membentasi inflasi harus mendapat layanan dan sokongan yang teguh dari semua golongan yang ada kaitan dengan kemajuan serta pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan negara 1980 bolehlah dianggap sebagai belanjawan sektor awam yang terpenting sejak 22 tahun merdeka. Jika dahulu belanjawan seumpama ini selalu diikuti dengan langkah-langkah pencukaian yang berat, cadangan-cadangan baru menunjukkan dua perkara. Pertama penglibatan sektor awam secara besar-besaran ialah untuk mempertahankan serta memperkokohkan tuntutan tempatan (internal demand). Kedua ialah untuk menggalakkan pertumbuhan bagi mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru dan sosio-ekonomi. Belanjawan tahun 1980 bukan sahaja tidak membebaskan sektor swasta akan tetapi juga menunjukkan bahawa Kerajaan mempunyai keupayaan yang tidak semata-mata bergantung lagi kepada sektor tersebut dalam menjayakan usaha-usaha pembangunannya. Dengan daya usaha sendiri sektor swasta nampaknya telah menunjukkan perkem-

bangsan yang tidak seimbang dengan sumbangan yang diberi oleh negara, rakyat dan Kerajaan kepada kejayaan-kejayaannya iaitu bagi pihak swasta pada masa-masa yang sudah. Sekarang peranan yang sepatutnya dinaikkan oleh sektor swasta itu terpaksa diambil-alih oleh sektor awam, tetapi kali ini dengan tanggungjawab yang bertambah, iaitu cuba menjinakkan sektor swasta. Pada masa-masa kebelakangan ini timbul pula pandangan yang serong terhadap tujuan Kerajaan yang jujur ini. Pengkritik-pengkritik asing menganggap bahawa jika Kerajaan menggalakkan penyertaan awam secara besar-besaran, lambat laun pentadbirannya akan mengalami keadaan yang tidak efisien. Pertumbuhannya, kononnya akan terpaksa dibebankan dengan biaya menerusi pinjaman dan yang demikian akan menggalakkan inflasi. Kerajaan juga dicurigai kerana langkah-langkah penyertaan oleh sektor awam itu akan menyebabkan ia memaksakan sistem pencukaian yang teruk. Tetapi dari pengalaman kita penyertaan sektor awam telah diikuti dengan hasil-hasil yang semakin bertambah dan belanjawannya tidak bergantung kepada cukai-cukai yang berat. Perbelanjaan Kerajaan juga diperuntukkan kepada satu-satu sektor secara yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah kemiskinan dan ketidakseimbangan sosio-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, tidak syak lagi Belanjawan 1980 adalah satu langkah yang amat berani. Dengan memajukan cadangan-cadangan perbelanjaan baru ini, Kerajaan terpaksa menanggung kerugian dari segi hasil sebanyak \$500 juta. Tetapi langkah ini dibuat dalam lingkungan kemampuan Kerajaan. Dengan menghalakan matlamatnya kepada setiap segi dan sudut pertumbuhan ekonomi, dari kehidupan petani hingga kepada perbadanan-perbadanan dan industri, Kerajaan bukan sahaja berusaha menggalakkan "volume" wang dalam pusingan akan tetapi juga melengkapinya dengan matlamat Rancangan Malaysia Ketiga, yang sekarang berada hampir di titik penutupannya.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, adalah waras jika pada saat kita "merayakan" cadangan-cadangan Belanjawan 1980 itu, kita terus mengambil ingatan terhadap objektif hendak memodenkan kawasan-kawasan luar bandar. Pada masa-masa yang telah lalu lebih dari 80% perbelanjaan Kerajaan disalurkan kepada kawasan-kawasan yang bukan sahaja telah maju, tetapi

tidak menyokong atau tidak mempunyai potensi untuk menyokong Kerajaan. Ini bermakna pada umumnya, dasar-dasar mengenai perbandaran dan kemajuan lebih banyak menguntungkan penduduk-penduduk di kawasan bandar yang telah maju, sedangkan kecondongan mereka untuk menyokong Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh UMNO sangat-sangat diragui. Dalam pilihanraya umum yang lalu kawasan-kawasan ini mempunyai sikap anti-Kerajaan dan pengundi-pengundinya telah memberi sokongan besar kepada Parti-parti Pembangkang, Parti-parti ini telah menggunakan bermacam-macam issue, seperti peraturan untuk memajukan orang Melayu dalam bidang ekonomi dan pelajaran, untuk menuduh Kerajaan sebagai "pilih kasih", diskriminasi, tidak adil dan sebagainya. Sikap mereka ini telah ditunjukkan melalui undi mereka yang berjumlah lebih dari 30 peratus. Kerajaan sepatutnya menggunakan pengalaman ini sebagai amaran dan mulai sekarang dasar-dasar pembangunan hendaklah ditujukan dengan lebih bersungguh-sungguh kepada kawasan-kawasan di mana Kerajaan di jangka memperoleh sokongan yang besar dan tetap atau "permanent". Dengan lain-lain perkataan, dasar-dasar mengenai perbandaran tidak boleh lagi dilibat sebagai sambungan dari pusat-pusat monopolistik (monopolistic centres). Jika kita terus memberi tekanan kepada kawasan-kawasan seperti ini, maka lambat laun kawasan-kawasan bandar baru yang hendak diwujudkan itu akan terus melengkapinya dasar-dasar yang pernah diwujudkan oleh penjajah dahulu. Selaras dengan apa yang baru-baru ini disebut oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sebagai politik pembangunan. Maka setiap langkah dari usaha Kerajaan itu hendaklah memperhitungkan kelangsungan kuasa politik bumiputra khususnya orang Melayu (political survival of the Malays).

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, kawasan-kawasan pembangunan di luar bandar hendaklah dipersiapkan dengan rancangan perumahan murah yang tidak berdasarkan untung (non-profit making low cost housing programme). Rancangan pembangunan luar bandar juga perlu mengambil kira buruh-buruh desa yang menganggur dan yang akan terpaksa menganggur akibat rancangan-rancangan pembangunan. Secara terperinci, buruh-buruh desa terbahagi kepada empat jenis. Pertama, petani-petani

tradisi; kedua, petani niaga (Commercial Farmers); ketiga, penyewa tanah atau Rent Farmers dan keempat, petani-petani yang tidak mempunyai tanah. Oleh kerana tanah-tanah di satu-satu kawasan itu tidak mencukupi untuk dikerjakan oleh petani tradisi, maka golongan ini bersama-sama dengan petani niaga yang gagal, akan akhirnya menjadi penyewa tanah atau Rent Farmers. Penyewa tanah pula akan disertai oleh petani-petani lain yang tidak bertambah. Dalam situasi seperti ini kawasan-kawasan baru yang hendak dicipta oleh Kerajaan akan menghadapi satu masalah lain, iaitu buruh-buruh yang tidak terlatih atau unskilled labour. Untuk mengatasi masalah ini Kerajaan hendaklah mewujudkan bengkel-bengkel latihan dalam kawasan tersebut untuk melatih golongan ini supaya keperluan dalam bidang-bidang kemahiran tani dan bandar baru dapat disediakan. Baru-baru ini misalnya Kerajaan telah melancarkan GERAK-TANI. Rancangan ini sebenarnya hanya boleh berjaya sekiranya buruh-buruh yang tidak mahir itu boleh menyertainya menerusi bengkel-bengkel tempatan itu. Keperluan baru yang akan muncul dari GERAK-TANI ini ialah seperti pemandu-pemandu trektor, "welders", tukang-tukang besi, rumah, jalanraya, elektrisyen dan sebagainya. Pada masa ini keperluan-keperluan ini tidak dipenuhi oleh orang-orang tempatan. Oleh kerana orang-orang tempatan tidak mempunyai kemahiran seperti ini, maka syarikat-syarikat yang terlibat dengan tender-tender bangunan, jalanraya, jambatan dan sebagainya, terpaksa membawa masuk buruh-buruh dari luar kawasan itu. Boleh kita gambarkan sendiri betapa buruknya nasib penduduk-penduduk tempatan jika rancangan-rancangan dalam kawasan mereka sendiri tidak mempunyai kemampuan atau kebolehan untuk menyelesaikan masalah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit lagi mengenai kemiskinan di luar bandar. Pada masa ini kita hendaklah mengakui bahawa terdapat hanya 2 peratus (2%) sahaja orang Melayu dari jumlah semua penduduk Melayu di luar bandar yang mengambil bahagian dalam rancangan FELDA/FELCRA. Diambil peserta-peserta rancangan tersebut secara bilangan dengan tidak mengukur penyertaan mereka dengan penduduk-penduduk Melayu yang lain di luar bandar, maka nyatalah bilangannya amat besar. Tetapi sekarang hal ini tidak lagi benar. Pada masa-masa akan datang,

Kerajaan hendaklah menentukan bahawa sejumlah besar orang Melayu luar bandar mengambil bahagian dalam menerapkan lebih banyak lagi orang bukan Melayu dalam rancangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya seterusnya menyokong penuh Belanjawan tahun 1980.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kapit.

3.50 ptg.

**Tuan Leonard Linggi anak Jugah (Kapit):** Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Belanjawan bagi tahun 1980 adalah merupakan satu Belanjawan yang paling berani sekali yang pernah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Adalah jelas sekali daripada Anggaran Belanjawan ini bahawa ekonomi Malaysia memanglah cukup teguh dan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tidak menganggap betapa perlunya mengenakan cukai-cukai yang baharu.

Anggaran Belanjawan ini, Tuan Yang di-Pertua, mempunyai pendek kata yang positif. Ianya menolak atau menyingkir cara Robin Hood iaitu dengan merompak golongan yang kaya dan memberikannya kepada golongan yang miskin. Galakan cukai ini telah diberi kepada semua pihak tidak mengira apa juga cara-caranya. Bagi saya strategi Belanjawan untuk mempercepatkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini mempunyai satu erti yang paling penting dengan tidak memaksa syarikat-syarikat yang besar semata-mata mengetahui syarat-syarat yang dibuat dalam Dasar Ekonomi Baru itu, maka Belanjawan ini memberi galakan cukai kepada pihak-pihak syarikat yang mempunyai 30% ekuiti bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang dalam Dewan ini untuk menyeru Kerajaan Pusat supaya mengambil lebih banyak langkah-langkah yang tegas untuk meluaskan hasil-hasil Dasar Ekonomi Baru ke Sarawak. Peratus daripada peruntukan Belanjawan sebanyak \$300 juta untuk tabung pelaburan bumiputra mestilah diberikan kepada anak bumiputra di Sarawak dan Sabah. Sehingga masa ini bumiputra di Sarawak memang tidak sedar bagaimanakah mereka boleh menikmati faedah daripada kemudahan tersebut. Dengan terdapatnya peruntukan sejumlah \$256 juta itu maka

PERNAS, UDA dan MARA akan lebih bergiat khasnya dalam bidang penyusunan semula ekuiti bumiputra dan sektor swasta. Sehingga sekarang agensi ini terutama sekali pihak MARA hanya menguruskan peniaga kecil bumiputra sahaja. Memanglah diakui, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam susunan Persekutuan seperti Malaysia pihak negeri memainkan satu peranan yang penting dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Negara. Pihak negeri tidak akan dapat bertindak sedemikian tanpa langkah-langkah yang tegas dari Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang mementingkan barangan seperti getah, lada dan kelapa sawit memanglah dipuji. Malaysia mestilah mengeluarkan hasilnya supaya dapat berasingan dengan negara-negara lain yang mengeluarkan barangan.

Usaha baru terhadap kelapa sawit, getah dan lada bukan sahaja memberi faedah kepada rakyat bahkan juga memainkan satu peranan yang utama untuk memperteguhkan ekonomi negara kita.

Di sini saya suka memberi pandangan saya mengenai Belanjawan yang dicadangkan ke atas lada.

Cukai eksport baru untuk lada hitam dan putih telahpun menambahkan harga asas cukai percuma dari \$110 kepada \$130 sepikul bagi lada hitam dan bagi lada putih pula dari \$130 kepada \$160 sepikul. Selanjutnya, ini telahpun mengurangkan tingkat kemajuan dalam susunan cukai di antara cukai permulaan sebanyak 10 peratus dan cukai maksima sebanyak 50 peratus ke atas harga tambahan dari 17 tingkat dalam susunan cukai yang terdahulunya kepada 9 tingkat yang ada sekarang.

Sama seperti yang terdahulunya, cukai ini telah memperolehi asas (cost plus basic). Cukai yang baru itu adalah merupakan satu pbaikan jelas ke atas cukai yang terdahulunya dan ianya pula merupakan pertama sekali membuat elaun untuk pasaran yang penuh dalam susunan harga di antara harga di kebun dan F.O.B. price yang mana cukai kastam dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, peringkat harga semasa dalam Kuching, Sarawak kira-kira \$170 hingga \$180 sepikul bagi lada hitam dan \$240 hingga \$270 sepikul lada putih maka cukai baru ini adalah lebih faedah kira-kira \$6 sepikul bagi lada hitam dan \$10

sepikul bagi lada putih. Adalah dijangkakan bahawa hampir semua tabung dalam cukai ini akan terakru (accrue) kepada peladang.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah lagi yang boleh diambil oleh Kerajaan untuk memberi keuntungan kepada para peladang dan perusahaan lada seperti berikut :

(a) *Elaun untuk Kerugian daripada Penyakit*

Pemusnahan yang disebabkan penyakit "foot-rot" yang tidak dirawatkan itu adalah dikira di antara 5 peratus hingga 10 peratus tiap-tiap tahun pengeluarannya. Dalam fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, patut 10 peratus dimasukkan ke dalam asas cukai percuma ini ganti rugi dari "foot-rot" ini.

(b) *Peruntukan untuk Satu Kelepasan Cukai Permulaan (Provision for Initial Tax Free Income)*

Cukai sekarang mula dikenakan sesudah sahaja harga-harga purata pengeluaran dan pemasaran lada hitam dan putih dari kebun shipping point. Ianya tidak memberi satu kelepasan cukai permulaan kepada seorang pekebun lada biasa sama dengan apa yang ada pada seorang makan gaji biasa. Tambahan pula, dalam Belanjawan yang dibuat baru-baru ini, orang-orang yang makan gaji telahpun diberi satu tambahan banyak dalam kelepasan cukai tapi elaun yang serupa nampaknya tidak diberikan kepada pekebun-pekebun lada.

(c) *Pengelakan Pengiriman yang banyak dengan kapal ke Singapura Avoidance of Enhanced Shipment to Singapore)*

Amalan semasa bagi mengulangkaji cukai lada ini tiap-tiap minggu adalah menggalakkan pengiriman lada yang banyak ke Singapura dalam tempoh minggu itu sebelum tambahan cukai yang dijangkakan untuk mengelakkan cukai-cukai yang tinggi. Lada itu mungkin dikirimkan dengan kapal ke Singapura berikutan dengan satu jualan yang cepat atau dikirim untuk disimpan di pulau tersebut sehingga jualan dapat diselesaikan. Amalan begini bukan saja menghabiskan simpanan lada dalam negara yang tersedia ada untuk dieksport ke pusat-pusat pemasaran tapi

juga melemahkan kegiatan-kegiatan positif dalam negara seperti proses memperbaiki mutu. Sebaliknya pula, setelah memperolehi barang keluaran pada kadar cukai yang rendah, peniaga-peniaga Singapura pula boleh menawarkan lada Sarawak di pusat-pusat pemasaran dengan harga yang lebih bersaing dengan harga yang ditawarkan oleh peniaga-peniaga tempatan. Amalan mengirim lada ke Singapura itu mungkin terus dibuat di bawah susunan cukai yang baru ini semenjak tambahan sut dalam cukai ke atas kemajuan harga masih meningkat dengan jelasnya. Untuk memesongkan pengiriman cepat dengan kapal ke Singapura dan menyimpan lebih banyak lagi tanam-tanaman ini di dalam negara, dengan itu mendorong lebih banyak memproses dalam negara—maka adalah dicadangkan supaya cukai ini diubah pada satu tempoh yang lebih lama dan tidak kurang daripada sekali dalam sebulan. Ini adalah lebih menguntungkan kerana ianya akan memudahkan eksport terus ke pusat-pusat pemasaran oleh kerana para pengeksport ke pasaran-pasaran ini mencuba pengiriman dengan kapal secara cepatnya tanpa gentar pada cukai-cukai yang tinggi pada masa mengeksportkannya.

(d) *Pendaftaran Kontrek Hadapan (Registration of Forward Contract)*

Sementara perubahan cukai dilakukan sekali dalam satu bulan dan bukan sekali dalam seminggu, akan menguntungkan mereka yang mengeksport ke pusat-pusat pasaran dengan pengiriman melalui kapal secara cepatnya, iaitu pengiriman dibuat dalam masa beberapa hari saja kontrek itu disiapkan, amalan biasa dengan eksport ke pusat-pusat pasaran adalah merupakan penjualan yang disiapkan secara kontrek hadapan (forward contract) dan pengirimannya dibuat dalam tempoh 1 hingga 6 bulan kemudiannya. Dalam hubungan ini, kemajuan kadar cukai, walaupun diubahkan pada tiap-tiap bulan, menyebabkan para pengeksport (direct exporter) mengalami satu kerugian kerana cukai di antara masa menyiapkan kontrek itu dengan masa pengiriman melalui kapal akan berubah dan dengan demikian akan

menjejas, kalau pun tidak menghapuskan semua keuntungannya. Maka atas sebab inilah kemajuan semasa cukai eksport ke atas lada yang berubah setiap minggu adalah satu tanda tidak menggalakkan eksport secara langsung.

Untuk mengatasi masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, maka adalah dicadangkan supaya pengusaha-pengusaha perkapalan hendaklah dibolehkan mendaftar (register) jualan-jualan hadapan syarikatnya dengan Jabatan Kastam dalam beberapa hari kontrak itu diselesaikan. Kesudahannya nanti, semasa pengiriman dengan kapal, cukai yang dikenakan itu akan menjadi pada kadar yang digunakan pada tarikh pendaftaran atau pada tarikh pengiriman dengan kapal yang mana satu lebih rendah. Satu amalan seperti ini akan mengelakkan dikena cukai-cukai tinggi semasa pengiriman dengan kapal, dan menempatkan para pengeksport langsung (direct exporter) setaraf dengan para pengeksport (exporter) perkapalan hanya ke Singapura.

(e) *Improvement in the Method of Duty Computation*

Cara mengira cukai eksport ke atas lada semasa ialah dengan mengambil harga-harga harian yang dipetik dalam akhbar tempatan (New Straits Times) oleh Singapore Chinese Produce Exchange kurang 20 peratus, dikira bagi kos tambang dan lain-lain pasaran di antara Sarawak dan Singapura, dan menggunakan baki ini untuk mengira harga purata yang berjalan tiap-tiap dua minggu yang lalu dan yang mana kemudiannya diwartakan sebagai asas untuk kiraan cukai bagi minggu hadapan. Walaupun cara ini memudahkan pengiraan tetapi ianya boleh mendatangkan abuse. Harga-harga yang diberikan kepada akhbar tempatan oleh Singapore Chinese Produce Exchange itu adalah dilaporkan hanya dipakai oleh sebilangan kecil bakal peniaga-peniaga. Harga-harga yang disebutkan itu selalu berbeza sekali daripada harga-harga yang terdapat di pasaran tapi oleh kerana harga Pasaran Pengeluaran dilaporkan sebagai kadar untuk hari itu, maka ianya dianggap sebagai petunjuk.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dengan harga-harga Singapura digunakan sebagai asas untuk pengiraan cukai eksport Malaysia maka ianya memerlukan sedikit usaha bagi pihak peniaga-peniaga Singapura yang menyediakan maklumat harga tersebut untuk mempengaruhi cukai eksport Malaysia sejajar dengan faedah mereka. Sekiranya mereka berhajat hendak mendapat satu pengenaan cukai yang tinggi untuk satu minggu yang tertentu dan daripada ini mengakibatkan pengiriman banyak lada dari Sarawak ke Singapura untuk masa minggu yang berikutnya, maka apa yang mereka harus lakukan ialah menyebutkan harga-harga tinggi yang tetap harga-harga minggu terakhir yang mananya akan diambil kira dalam hitungan harga yang diwartakan bagi minggu cukai yang dipikirkan itu.

Begitu juga halnya kalau mereka berhajat hendak mengurangkan pengiriman lada dari Sarawak ke Singapura dalam mana-mana minggu maka mereka akan menyebutkan dengan sengaja harga-harga rendah bagi minggu terakhir yang mana akan digunakan sebagai asas untuk perkiraan harga yang diwartakan dan dari situ pula cukai untuk minggu pilihan dalam mana para peniaga Singapura mahu mengurangkan pengiriman lada ke Singapura. Dalam erti kata yang lain, hanya dengan menggayakan harga-harga yang disebutkan oleh Pasaran Pengeluaran Singapura itu maka sebilangan kecil para peniaga Singapura dapat mempengaruhi cukai eksport Malaysia bagi mana-mana minggu yang tertentu untuk faedah mereka.

Untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya manipulasi ke atas harga dan cukai, maka adalah dicadangkan supaya harga yang diwartakan untuk tujuan cukai dikumpulkan daripada harga-harga lada harian yang terdapat di Sarawak. Harga-harga ini sedang dikumpulkan oleh pihak Lembaga Pemasaran Lada daripada berbagai-bagai pusat perdagangan lada di Sarawak dan menyediakannya untuk diumumkan tiap-tiap hari menerusi siaran Radio Malaysia di Sarawak untuk pengetahuan pekebun-pekebun lada. Pihak Lembaga juga menyediakan harga-harga dari berbagai tempat eksport di Sarawak kepada Jabatan Kastam atas satu dasar tetap untuk pihaknya mengira ke atas harga cukai yang diwartakan. Sistem ini ada faedahnya kerana ia akan menjadi satu gambaran yang lebih dekat bagi harga purata f.o.b. Sarawak

yang mananya diperlu untuk menilaikan kadar cukai. Yang paling mustahak ialah oleh kerana harga-harga itu akan dikumpulkan oleh pihak Lembaga dari berbagai-bagai pusat, dan pada amnya daripada sebuah panel pengeksport dalam bandara-bandar yang berlainan, maka sedikit sahaja adanya kemungkinan di kalangan para pengeksport untuk menggayakan kenyataan harga demi kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa cadangan telahpun diberikan seperti di atas untuk memperbaiki susunan dan pengiraan cukai eksport bagi faedah para pekebun dan perdagangan lada. Perubahan ke atas cukai eksport baru-baru ini adalah merupakan satu kemajuan yang jelas ke atas cukai yang terdahulunya dan pengurangan yang bererti dalam nilai cukai telahpun dikuatkuasakan seperti yang telah ditunjukkan awal tadi. Namun demikian, cukai-cukai pada harga yang tinggi iaitu sebanyak 245 ringgit sepikul bagi lada hitam dan 340 ringgit sepikul bagi lada putih adalah masih membawa pada kadar 15 peratus bagi lada hitam dan 14 peratus bagi lada putih. Keadaan ini menjadikan cukai eksport lada di Malaysia sebagai yang paling tinggi di kalangan negara-negara pengeluaran lada utama dalam dunia ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa hampir cukup. Saya beri seminit lagi.

**Tuan Leonard Linggi anak Jugah:** Di antara negara-negara pengeluaran lada utama yang lain—iaitu Indonesia, Brazil, India dan Malagasay—hanya Indonesia dan India diketahui mengenakan cukai-cukai eksport lada kadar-kadarnya adalah lebih rendah. Di India, satu kadarata sebanyak 7 peratus dikenakan padahal angka di Indonesia yang mananya diubah sekali dalam 3 bulan pula adalah dilaporkan lebih kurang sama rata. Memikirkan bahawa Malaysia juga bertanding dengan negara-negara ini untuk pasaran-pasaran dunia yang terhad. (*Dengan izin*) Malaysia must continue to improve our export duty structure in order to maintain our position in the spice world.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan tahun 1980 ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Padawan.

4.08 ptg.

**Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris selepas bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Negara kita telah diwarisi dengan sumber-sumber semula jadi yang luas. Kita adalah diberkati dua kali ganda oleh kerana kita mempunyai satu golongan pemimpin yang dedikasi yang memberi kestabilan politik. Dengan pengurusan yang baik dari mereka, negara kita telah makmur. Ini adalah digambarkan dalam perkembangan hebat di dalam jumlah per capita keluaran negara (GNP) di negara kita.

(*Dengan izin*) The increase in the GNP figure, however, does not mean that poverty among our people has been eradicated. There are analysts who even say that in Malaysia the rich have become richer and the poor poorer. The reasoning is that most of the economic development has less direct benefits for the farmers and rubber tappers in the rural areas and slum dwellers and petty traders in towns. We know that the Barisan National Government has taken steps to ensure that the interests of "have-nots" will be looked after and appropriate measures are being implemented.

My hope is that in the implementation of these measures we must not forget that poverty is a disease affecting all races. Poverty is no respecter of race. To cure a disease we must find the cause. So what is the cause of poverty in a country? I think other than the economic factor, social and historical factors are involved.

Take the case of the hill padi planters in Sarawak. Nearly all of them are Iban and Bidayuh people. Now for the land which has been used and for it to fallow and be ready for cultivation, it would take seven years. That is to say, the farmer requires seven plots of land to circulate. Now with increasing population, the land becomes smaller for each unit and the cycle has to be shortened to four or even three years, with the result that its yield is getting less and less.

The Government has encouraged wet padi planting but not much suitable land is available and there is a strong reluctance on the part of many hill padi planters to

change. To many of them the planting of padi on the hills has religious significance. I think a sociological study has to be made to find the best solution to the problem and at the same time the Government should immediately look into the plight and formulate certain long-term land development schemes for them. For the short-term measure, relief should be given to them.

Mr. Speaker, Sir, in this connection, I would like to point out that in the Padawan area, this year much of the padi crops will fail because of the attack by a certain disease and many will face starvation next year. I would appeal to the Minister for Welfare Services to take immediate steps to come to the aid of these poor farmers. I note that more funds have been provided under the Budget for the Ministry of Welfare Services for next year and I hope that adequate funds will be provided for this contingency.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ayer Hitam.**

4.13 ptg.

**Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam):** Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong ucapan Belanjawan 1980 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 18hb Oktober tahun ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membawa banyak kegembiraan dan puas hati kepada sebahagian besar orang ramai dalam negara kita. Kepada orang luar negara ini juga satu Budget yang kuat ini akan mengukuhkan lagi keyakinan dan kepercayaan pelabur-pelabur potensi pada negara kita.

Tuan Speaker, di sini juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian dalam usaha beliau melalui misi-misi perdagangan ke negeri-negeri asing untuk menarik pelabur-pelabur yang besar ke Malaysia. Pencapaian yang begitu cemerlang ini telah memberi kesan yang besar kepada perindustrian besar dalam Malaysia. Tetapi apa yang saya ingin menegaskan dalam Dewan yang mulia ini ialah bahawa perindustrian kecil (small industries) tidak diberikan galakan yang mencukupi. Saya sangat berharap bahawa perindustrian kecil dalam negara kita juga diberikan perhatian dan galakan seperti di-

berikan kepada perindustrian besar. Ini adalah kerana penting dan perlunya sumbangan daripada perindustrian kecil kepada ekonomi negara kita dalam kalangan perindustrian pada keseluruhannya.

Pada masa sekarang perindustrian kecil dalam negara kita memang tidak dianjurkan dengan berkesan. Ini juga menghadapi banyak kesulitan seperti diskriminasi terhadap perniagaan kecil, kekurangan kewangan, kekurangan pengetahuan teknologi moden, kekurangan kemahiran pentadbiran dan sebagainya.

Tuan Speaker, sebanyak 75% daripada golongan perindustrian kecil ini tidak dapat menikmati faedah sistem pinjaman wang daripada bank-bank. Dengan demikian saya ingin mencadangkan bahawa langkah-langkah yang lebih berkesan daripada pihak Kerajaan dapat dijalankan untuk pembangunan perindustrian kecil:

- (i) Dasar-dasar dan rancangan-ancangan yang tertentu untuk perindustrian kecil perlu diadakan dalam rancangan pembangunan negara kita pada keseluruhannya.
- (ii) Formulate satu definisi supaya agensi-agensi Kerajaan dan bank-bank Kerajaan atau swasta dapat mengenali atau identify kumpulan perindustrian kecil ini dengan mudahnya.

Umpamanya saya rasa adalah sederhana dengan cadangan bahawa perindustrian dengan modal \$250,000 termasuk tanah, bangunan dan mesin dianggap sebagai perindustrian kecil dan bawah \$50,000 sebagai petty industry. Dengan ini perindustrian kecil akan menjadi satu kumpulan clear-cut dan mengadakan identity diri sendiri.

Tuan Speaker, untuk menjauhi perkara ini lagi, saya ingin mencadangkan lagi bahawa satu koperasi untuk kumpulan perindustrian kecil boleh ditubuhkan untuk menolong dan mengawal masalah-masalah dan pembangunan perniagaan mereka. Koperasi ini adalah boleh mengikut corak Koperasi Peladang yang mana telah mencapai kejayaan yang besar. Untuk menentukan kejayaan koperasi yang dicadangkan ini pihak Kerajaan boleh memainkan peranan yang positif seperti membahagi orders kepada koperasi ini. Kita boleh melihat pada masa sekarang kita hanya nampak culverts, concrete pipes dan

sebagainya di tepi jalan dalam sebarang projek pembangunan lebuhraya sepertinya hanya adalah nama-nama "Hume" sahaja.

Tuan Speaker, cara yang disebutkan sebentar tadi adalah dipraktikkan dengan jayanya di negeri India dan Amerika Syarikat. Saya mendesak bahawa perindustrian kecil patut diberikan perhatian yang lebih penting dan ikut seperti di India dan Filipina yang mana kumpulan perindustrian kecil adalah dikenali satu sektor dalam pembangunan negara. Tetapi malangnya dalam Malaysia kumpulan ini hanya disebut dalam paragraph yang sangat pendek dalam buku Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga.

Untuk menjayakan projek-projek pertanian kecil pihak Kerajaan telah menyumbangkan berjuta-juta ringgit. Saya percaya peruntukan yang sama ini jika dapat diberi oleh Kerajaan akan menentukan bahawa perindustrian kecil dalam Malaysia akan memainkan peranan yang lebih positif terhadap pembangunan kebangsaan.

Tuan Speaker, satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh sedikit ialah mengenai tanah dalam kawasan bandar. Kerana tanah di dalam kawasan bandar ialah terhad saya berasa dasar-dasar tentang tanah dalam bandar patut dan seharusnya menentukan bahawa kegunaan tanah ini adalah maksima dan sempurnanya. Langkah-langkah patut diambil untuk membahagikan tanah tersebut dengan cara yang lebih realistik di antara orang yang kaya sekali dengan orang benar-benar miskin. Boleh dikatakan bahawa dalam kebanyakan bandar-bandar dalam negara kita adalah beribu-ribu rumahtangga yang tidak mempunyai satu inci tanah dan sebaliknya lain-lain rumahtangga yang mempunyai beratus ribu atau juta-juta kaki tanah.

Tuan Speaker, pada masa sekarang kita masih mendengar percakapan bahawa dalam bandar ini atau itu Towkay A atau Haji B yang mempunyai separuh bandar ini atau itu dan sebagainya. Kisah-kisah ini membangkitkan implikasi yang kurang baik kerana ini menunjukkan bahawa, dengan izin, "too much land is in the hands of too few". Untuk mengatasi perkara ini, saya ingin cadangkan bahawa langkah-langkah patut diambil untuk mendesak mereka yang mempunyai berjuta-juta kaki tanah itu supaya mereka menjual sebahagian tanah daripada tanah yang tersebut kepada Kerajaan dengan

harga yang sederhana, supaya pihak Kerajaan boleh membangunkan tanah itu untuk dijual kepada rakyat jelata. Pihak tuan punya tanah yang tersebut tadi, patut tidak seharusnya mengadu-adukan, kerana pampasan atau keuntungan dengan secara tidak langsung daripada meningkatnya nilai untuk baki tanah itu kerana peruntukan Kerajaan dalam pembangunan infrastruktur itu adalah sangat mencukupi dan lumayan.

Tuan Speaker, langkah-langkah yang dicadangkan adalah perlu dan penting kerana pada masa sekarang negara kita sedang membangunkan bandar-bandar dengan giatnya, selaras dengan dasar-dasar pembangunan negara kita. Kita tidak boleh membenarkan dan tidak mampu melihat rumput dan lalang tumbuh dalam tanah yang berguna dalam kawasan bandar. Kebanyakan daripada tuan punya tanah ini bersikap bahawa dengan penumbuhan rumput atau lalang, mereka juga boleh dapat keuntungan wang yang besar. Ini adalah mudah difahamkan kalau kita ingat lagi bahawa harga tanah agak-agak 15 tahun dahulu hanya 50 sen ke 80 sen sekaki persegi sahaja, tetapi harga tanah yang sama itu telah melambung kepada \$12-\$20 sekaki persegi pada masa sekarang. Memang tidaklah hairan kebanyakan daripada mereka menjadi "millionaires overnight". Dengan sebab yang tersebut tadi mereka tidak nampak ada keperluannya atau incentive untuk membangunkan tanah-tanah yang berkenaan.

Tuan Speaker, prinsip yang sama itu boleh digunakan kepada tanah ladang-ladang yang besar yang mengelilingi kawasan kampung-kampung baru. Tidak siapa pun boleh menafikan bahawa tanah di seluruh kampung-kampung baru daripada masa darurat adalah sangat kecil dan terhad dan tidak sesuai untuk tempat kediaman. Di sini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan yang telah dan akan mengambil langkah di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk memperluaskan lagi tanah dalam kawasan kampung-kampung baru. Saya percaya dan penuh yakin bahawa cadangan-cadangan yang tersebut di atas boleh membantu Kerajaan untuk mengatasi kekurangan tanah di kawasan kampung-kampung baru.

Tuan Speaker, lagi satu perkara ialah mengenai kerjasama di antara Wakil Rakyat dan kakitangan Kerajaan. Saya ingin mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia

ini untuk merayu kepada kakitangan Kerajaan supaya mereka benar-benar memahami kesulitan dan masalah yang dihadapi oleh seorang Wakil Rakyat terhadap rakyat yang telah memilih mereka sebagai wakil mereka. Rakyat yang mereka mewakili sangat menyangkakan mereka memenuhi hasrat dan kehendak mereka. Sebagai contoh, saya ingin maklumkan bahawa dalam kawasan pilihanraya saya ada berlaku satu kes di bawah Kementerian Pelajaran yang mana pihak Kementerian Pelajaran telah membina sebuah Sekolah Kebangsaan baru yang benar-benar di tengah-tengah Kampung Baru Yong Peng yang mana daripada penduduk-penduduk 10,000 lebih orang itu, 90% lebih itu adalah datang dari keturunan orang Cina. Keadaan ini, memanglah menimbulkan perasaan yang kurang baik kerana di Yong Peng, Sekolah-sekolah Jenis China adalah dalam keadaan yang kurang memuaskan dan sangat memerlukan perhatian daripada pihak yang berkenaan. Saya percaya peristiwa seperti ini berlaku kerana kekurangan perhubungan di antara Wakil Rakyat dan pihak perancang (planners) di bawah Kementerian yang berkenaan. Jika sekiranya ada perundingan di antara dua pihak, sekeping tanah yang lain boleh dipilih untuk bangunan sekolah itu, dan masalah ini patut tidak dilakukan. Saya berharap Kementerian Pelajaran akan beri satu peruntukan yang mencukupi untuk memperbaiki keadaan sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan China supaya murid-murid yang berkenaan dapat mempelajari dalam satu suasana yang sesuai dan selaras dengan keperluan pelajaran moden seperti yang digalakkan oleh Kerajaan.

Tuan Speaker, selain daripada masalah teknikal berbangkit di antara Wakil Rakyat dan pegawai Kerajaan kerana kekurangan perhubungan di antara mereka, saya faham juga bahawa masalah pentadbiran juga berbangkit di antara Menteri-menteri dan pegawai-pegawai atasnya.

Satu contoh yang mana saya berharap dapat diterangkan ialah macam mana boleh berlaku bahawa pada tahun lepas kenyataan kenaikan harga elektrik yang diisytiharkan oleh seorang pegawai tinggi dalam Kementerian yang berkenaan dalam semua surat-khabar negara kita itu adalah dibuat tanpa pengetahuan Yang Berhormat Menteri sendiri yang berkenaan.

Saya tahu juga bahawa Yang Berhormat Menteri sendiri dapat tahu berita itu hanya apabila beliau membuka surat-khabar pada pagi itu, dan beliau terkejut juga. Saya terkejut pula apabila mendengar kisah itu, kerana saya memikir satu perkara yang penting ini, yang melibatkan semua golongan rakyat dalam negara kita dan juga boleh mempengaruhi ekonomi negara kita dapat terlepas perhatian Yang Berhormat Menteri sendiri. Saya bukan tidak menyakinkan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan, tetapi apa yang saya maksudkan di sini ialah para pegawai-pegawai patut menghormati Menteri-menteri kita, kerana mereka adalah dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan mereka adalah dipilih oleh rakyat lebih dahulu. Saya berasa tanggungjawab yang begitu berat tidak patut dipikul oleh seorang pegawai tanpa kebenaran Menteri yang berkenaan. Ini adalah mustahak kerana apa-apa kesalahan yang berlaku, selalunya hanya Menteri-menteri yang berkenaan yang kena dimarahkan dan yang terpaksa menjawab.

Tuan Speaker, saya juga tahu bahawa pernah berlaku bahawa cadangan-cadangan daripada Menteri-menteri untuk pelaksanaan projek tertentu telah ditolak oleh pegawai-pegawai tinggi. Saya tidak faham langsung macam mana ini boleh berlaku. Kalau kedudukan ini berlaku, ada sesuatu yang salah dan yang keliru wujud dalam sistem pentadbiran dalam negara kita.

Saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Ketua Negara kita supaya mengkaji perkara ini, dan sekiranya benar dan sedang berlaku, langkah-langkah harus diambil untuk mengatasi masalah ini, kalau tidak, kebimbangan dan syak waham akan berbangkit daripada rakyat kita yang penuh yakin pada sistem pemerintahan yang kita ada sekarang.

Tuan Speaker, yang akhirnya, untuk menjayakan projek "Operasi Isi-Penuh" saya sangat berharap bahawa kita jangan mengorbankan kualiti untuk kuantiti. Hanya mereka yang benar-benar ingin berkhidmat untuk negara dan berdedikasi patut dipilih supaya negara kita mengadakan satu "work force" yang cekap dan berkesan. Sudah jadi kelibatan biasa bahawa kita nampak untuk membaiki sedikit jalan atau menarik dawai elektrik bahawa bilangan "mandor" adalah

lebih daripada pekerja-pekerja dan setengah-setengah daripada mereka hanya berihat di bawah pokok-pokok.

Saya juga berharap bahawa pemilihan-pemilihan ini akan mencerminkan kaum-kaum yang ada dalam negara kita. Pada masa sekarang kita boleh lihat bahawa di Pejabat-pejabat Pegawai Daerah, Pejabat-pejabat Tanah seumpamanya mempunyai hampir seratus peratus pegawai-pegawai dan kakitangan orang bumiputra, dalam semua peringkat jawatan. Ini saya berasa tidak selaras dengan Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat. Saya harap pihak Kerajaan akan mengambil lebih orang yang bukan bumiputra direcruit untuk bekerja dalam perkhidmatan awam.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.29 ptg.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa):** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan teguran yang dibuat oleh saudara saya dari Gerik terhadap ucapan dari Baling berhubung dengan petikan kata-kata Saidina Ali Karamullah kelmarin bahawa orang-orang Islam itu saudara seagama dan orang-orang kafir itu saudara semanusia yang beliau anggapnya sebagai satu perubahan sikap dalam pimpinan PAS, maka ingin saya menarik perhatian bahawa memotong sekerat ucapan orang lain, kemudian mentafsirkannya secara sendirian tanpa menyesuaikan dengan semangat ucapan itu pada keseluruhannya adalah satu pengkhianatan ilmiah yang tidak amanah dalam membuat satu-satu thesis.

Wakil Baling bukannya jenis orang yang baru sahaja ketemu perkataan itu seperti yang didakwa oleh saudara yang dari Gerik, beliau adalah lepasan universiti dalam bidang Islam dan telah berkhidmat dalam perguruan institusi tinggi dalam bidang itu juga, kemudian memilih perjuangan dalam sebuah parti yang bukannya berdasarkan kebangsaan dan perkauman seperti orang lain, walaupun lengkap dengan serba keistimewaan hidup. Tetapi telah meletakkan segala kebolehan yang dikurniakan kepadanya untuk parti yang berdasarkan Quran dan Hadis.

Justeru itu maka petikannya itu tentunya ditujukan untuk menangkis dakyah segolongan orang Islam yang walaupun kecil golongannya tetapi empunya kuasa, golongan mana yang selalu menakut-nakutkan rakyat khususnya orang yang belum menganut Islam bahawa Islam itu bila berkuasa akan mencetuskan kacau-bilau konon, akan menelan segala orang kafir dan akan memamah hancur segala musyrik dan akan kudunglah tangan rakyat, kaki mereka akan menjadi tempang dan belakang mereka semuanya akan pecah mengalirkan darah kerana bahana benda itu dan syahid-syahid ini.

Kepada orang yang seperti inilah, Tuan Yang di-Pertua, Wakil Baling memetik kata-kata Saidina Ali itu dengan hasrat ingin mensabitkan bahawa Islam memandang manusia itu sebagai satu makhluk yang terhormat dan mulia sekalipun tidak menganut Islam. Baki lagi soalnya adakah setelah Islam itu memandang manusia seluruh alam ini bersaudara, bolehkah diberi peluang kepada orang bukan Islam itu membuat polisi untuk memerintah hamba Allah dibumi Allah dengan hukum-hakamnya sendiri dan menangkis ke tepi segala hukum Allah yang menjadi tuanpunya dan maha berhak ke atas seluruh isi alam ini, ini soalnya. Jawabnya secara tegas, tidak boleh.

Untuk memudahkan fahaman ini, biarlah saya bandingkan dengan cara pemerintahan yang sedang dijalankan oleh Kerajaan sekarang. Rakyat Malaysia misalnya ada yang menerima konsep Barisan Nasional dan tidak kurang pula yang menolaknya. Soalnya adakah rakyat yang tidak menerima konsep Barisan Nasional itu boleh dimamah, boleh ditelan dan boleh dihalau semata-mata ianya menolak Barisan? Jawabnya, mengikut demokrasi yang dilaung-laungkan itu tentunya tidak bahkan mereka itu semuanya tetap menjadi rakyat—rakyat Malaysia namun sekalipun ia daripada parti Pembangkang dan menjadi orang kuatnya.

Tetapi mengikut amalan yang sedang berjalan sekarang adakah dengan sebab mereka diakui menjadi rakyat maka mereka juga diberi peluang untuk membuat polisi negara, diberi peluang untuk memerintah, menjadi Menteri? Jawabnya, usahkan hendak jadi Menteri, jadi JKK pun tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua. Sebaik-baik sahaja UMNO memerintah Kelantan sekarang ini, maka seluruh penghulu kampung yang berjiwa PAS dan seluruh mubaligh-mubaligh agama

yang berjiwa PAS yang beratus-ratus bilangannya telah disapu bersih, bahkan dalam pembahagian subsidi baja sekarang pun bukan sedikit orang-orang PAS tidak mendapat baja. Sekalipun tindakan ini akan menjejaskan pengeluaran padi negara seluruhnya di masa hadapan, sedangkan mereka itu juga menjadi rakyat yang lengkap dengan segala syarat kerakyatan.

Oleh itu, kalau Kerajaan yang bersimbulkan Dacing sekarang—merasa betul dan adil terhadap batasan-batasan hak yang dikenakan kepada rakyat yang tidak menerima konsepnya, maka kerana apa pula hendak disalah-salahkan Islam yang telah membataskan hak-hak tertentu kepada saudara-saudara semanusia yang tidak sanggup menerima wahyu Ilahi, Tuhan penciptanya untuk menjadi ugama dan waris dan “way of life”. Itulah pokok pangkalnya, Tuan Yang di-Pertua, dan dari pokok yang gagah perkasa inilah bercabanglah dahan dan ranting yang tidak terhingga sampai kiamat.

Wakil Gerik juga menegur Wakil Permatang Pauh yang meminta Kerajaan mengadakan undang-undang kecil bagi mengawasi pembinaan tokong-tokong yang berselerak di tanahair sekarang, sekurang-kurangnya seperti undang-undang yang telah dibuat terhadap masjid-masjid dan surau-surau orang Islam sendiri. Wakil Gerik menolak seruan ini dengan alasan tokong-tokong itu dibuat dengan duit sendiri, dengan titik peluhnya sendiri tanpa bantuan Kerajaan dan hartanya.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat itu apa pandangan Yang Berhormat terhadap rumah-rumah haram, rumah-rumah setinggan yang berselerak sekarang ini yang dibangunkan oleh rakyat yang miskin, papa kedana semata-mata untuk melindungi diri mereka, anak buah mereka, ibubapa mereka yang telah tua dan tidak berharta, tiba-tiba datang bulldozer JKR, grader Bandaran, polis dan sebagainya meruntuh dan meranapkannya dengan sekelip mata. Pernahkah Yang Berhormat dari Gerik itu menahan pihak berkuasa itu dengan alasan bahawa rumah-rumah itu didirikan dengan harta setinggan itu sendiri, dengan titik peluh dan penat lelah mereka sendiri, tidak terlibat langsung dengan duit Kerajaan, sedangkan harga rumah yang diranapkan itu kalau dinilai tentu lebih mahal dari harga bangsal kuil, jangan dikira harga nyawa penghuni rumah yang sudah terancam oleh kesakitan, jangan

dikira maruah dan air muka mereka, jangan dikira teriak tangis yang menghiba dan menyayat hati kerana melihat hartanya yang dikumpulkan selama ini telah diranapkan dengan sewenang-wenang oleh pihak yang berkuasa. Tetapi oleh kerana kuil-kuil itu berupa setinggan maka sesuatu langkah perlu dibuat ataupun alasan kebebasan beragama maka bukanlah bererti kebebasan berbuat sesuatu tanpa aturan.

Masalah orang Melayu menolak PAS seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya hanya menarik perhatian Dewan ini dan Yang Berhormat itu sendiri bahawa seluruh rakyat di negara komunis yang lahirnya telah menolak Islam. Usahkan dalam hal-hal urusan negara tetapi juga dalam urusan ibadat, sembahyang, puasa dan sebagainya dan yang masih bersembahyang, puasa pun sekarang ini ialah orang-orang yang tersesat dari rampuhan malaikalmat semasa dahulu. Manakala golongan mudamudi dan generasi baru telah menolaknya mentah-mentah. Soalnya adakah penolakan mereka itu dilakukan dengan sukarela dan pemikiran yang bebas, dengan hati yang hening dan bersih tanpa sebarang tekanan dan tindakan? Untuk menjawabnya tanyalah tukul dan sabit. Berapa kepala yang telah ditukul, dan berapa batang tengkuk yang telah disabit. Waktu PAS diajak bekerjasama dengan Perikatan oleh Allahyarham Tun Razak dahulu batasan diskriminasi di antara PAS-UMNO telah dirobuhkan dan pejabat-pejabat PAS di seluruh negara telah dikunjungi bukan sahaja oleh Melayu tetapi juga orang saudara-saudara baru dari keturunan Cina dan India. Buku-buku daftar di pejabat PAS dapat memberi jawapan sepenuhnya mengenai sambutan ini kerana ianya adalah hakikat bertulis.

Suasana sambutan dan penerimaan rakyat terhadap PAS inilah menimbulkan gelisah dalam hati pemimpin Kerajaan waktu itu dan krisis PAS bersama PAS di Kelantan satu masa dahulu telah ditonjol dan diperbesar-besarkan sedangkan krisis-krisis seumpama itu sama-sama wujud dalam semua parti. Cerita baling kerusi dalam mesyuarat MIC, cerita kawalan polis dalam mesyuarat MCA baru-baru ini di Kuala Lumpur telah tidak diapa-apakan oleh UMNO . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Ekoran dari penonjolan inilah maka darurat telah diada-adakan di Kelantan dan sebuah parti baru telah dipaksa lahir walaupun dalam keadaan yang . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya sudah izinkan lebih kurang 5 atau 6 minit Yang Berhormat bercakap fasal PAS di Kelantan dan sebagainya tetapi hari ini perbahasan bertajuk kepada Bekalan dan juga Pembangunan, kewangan semua sekali. Saya harap Yang Berhormat tolong tumpukan kepada perkara itu.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Belanjawan tahun ini saya ingin menyentuh berkenaan cukai yang biasanya dikenakan ke atas kenderaan-kenderaan teksi dan pengangkutan diesel, di mana kesan penurunan ini sepatutnya memberi kesan kepada kedua-dua belah pihak; kepada tuannya kenderaan dan juga kepada pengguna. Kepada tuannya kenderaan kesannya akan menjadi sulit untuk mencari alasan kerana kos pengangkutan atau tambang dan lain-lain perlu dinaikkan lagi dan kepada pengguna pula tentulah boleh bertanya secara logik kerana apa, sehingga hari ini harga barangan khususnya buah-buahan misalnya masih ditakluk lama lagi dan tidak mahu menurun sekalipun di tahun lepas cukai buah-buahan telah diturunkan dengan banyaknya.

Oleh itu dengan pengalaman ini Kerajaan perlu bertindak segera dengan Jabatan-jabatan tertentu untuk berbuat sesuatu supaya kadar pemotongan cukai yang beratus juta itu boleh dirasakan oleh rakyat keseluruhannya. Jangan-jangan dengan permotongan ini maka kadar simpanan wang di tangan orang yang berada semakin bertambah manakala kuasa membeli di tangan rakyat semakin kecil. Oleh itu satu hal yang patut diambil kira ialah mempercepatkan proses memperlakuk teksi-teksi atau lori-lori kepada pemandu-pemandu itu sendiri. Sistem sewa teksi dan sebagainya mesti diperkecilkan walaupun tidak dihapuskan supaya lebihan wang potongan cukai itu berada dalam tangan pemandu yang biasanya terdiri dari golongan miskin kerana wang di tangan orang miskin walaupun banyak dan lebih daripada biasa, tetapi biasanya mereka itu berbelanja dengan jimat, dengan berhati-hati dengan sendirinya menolong masyarakat

dari perangkap inflasi. Lain bezanya dengan wang lebihan di tangan orang kaya, lebih-lebih yang kaya titih menitih.

Tuan Yang di-Pertua, satu hal yang sangat perlu diberi perhatian ialah keadaan terkilan hati yang selalu mengamuk di hati nubari pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga Muslim yang nampaknya masih juga berterusan kerana Belanjawan yang dibuat sekarang ini masih juga tidak dapat menyelesaikan kekusutan yang membuku di hati mereka sejak beberapa lama itu. Mereka masih terasa percanggahan yang terus menerus berlaku di antara akidah yang mereka yakini serta wajib di laksana dan di antara apa yang sedang berlaku dan menjadi realiti sekarang.

Percanggahan yang saya maksudkan ini ialah antara pengharaman riba oleh Islam dan di antara berleluasnya riba di kalangan masyarakat sekarang. Pihak berkenaan mengenai ekonomi dan kewangan negara nampaknya tidak menampakkan apa-apa reaksi dan usaha untuk mengelakkan rakyat yang menjadi amanah Allah supaya menjauhi diri dan membuka dalam keluar dari rahang riba yang terkutuk ini.

Mengenai hal ini, Tuan Yang di-Pertua, percanggahan inilah yang menjadi sebab utama mengapa perusahaan perniagaan orang Melayu menjadi terganggu, telah terbantut khususnya dalam mendapatkan modal. Sejak akhir-akhir ini kita dengar dan kita saksi satu kumpulan dakwah di tengah-tengah ibukota ini yang dengan segala susah payah terpaksa berpakat sesama sendiri berjimat untuk mengumpul modal dan berhempas pulas mendirikan perusahaan yang mereka kira boleh melaksanakan akidah yang mereka iman dan mereka yakinkan untuk tujuan kebersihan diri dan masyarakat sepertimana yang dianjurkan oleh Islam.

Kemahuan untuk berusaha di kalangan Muslim memang ada, bakat untuk jaya mencukupi, tetapi oleh kerana modalnya sengaja digantung ke tali perut riba itulah telah membantu segala kemahuan dan bakat manusia masa ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta dan merayu Kerajaan khususnya yang bertanggungjawab dalam mengatur polisi kewangan negara supaya memahami hakikat ini dan bertindak segera. Kita telah lama melaung-laungkan slogan menolong Melayu, memperbesar-besarkan spanduk Melayu — Melayu dalam ekonomi,

Melayu dalam mempergiat pelajaran, Melayu dalam kebudayaan dan sebagainya menyebabkan kita lupa agaknya bahawa Melayu beragama Islam yang siap sedia dengan pantang larangnya, siap sedia dengan peraturan dan disiplinnya. Di antara pantang larang Melayu dan disiplinnya dalam hal kewangan ialah riba mesti dijauhi, Allah dan Rasulnya memerangi riba, baik yang memberi, yang mengguna, yang menyaksi dan yang menerima.

Sesungguhnya telaga minyak yang sedang menghidangkan rezeki kepada kita hari ini bukan hadiah percuma dari Illahi. Oleh itu kenapakah tidak diperuntukkan sebahagian daripada wang itu misalnya untuk menubuh sebuah tabung modal pusingan tanpa bunga melalui kawalan-kawalan yang menasabah. Tabung Haji misalnya telahpun berbuat sesuatu ke arah ini walaupun tidak mencakup semua aspek tetapi sekurang-kurangnya Tabung Haji telah berpantang dari melibatkan diri dalam kerja-kerja haram sewaktu melaburkan modalnya. Kalaulah cerita Tabung Haji ini benar dan diharap benar maka apa salahnya juga kalau di antara pendapatan-pendapatan cukai yang telah dilepaskan begitu banyak di tahun ini turut dilimpahkan sama pendapatan-pendapatan bunga dari hutang-hutang peniaga-peniaga Muslim yang dihutangnya dari badan-badan berkanun seperti MARA, UDA dan sebagainya dari agensi-agensi Kerajaan.

Di samping penubuhan tabung modal tanpa bunga ini yang disarankan sekejap tadi dan ketika itu tidak menjadi masalah apa-apa sekiranya tanah-tanah cagaran mereka dilelong atau dirampas setelah mereka dihutangkan secara percuma tanpa bunga. Negara-negara Kuwait, Abu Dhabi, badan-badan swasta di Mesir bahkan dukacitanya negara-negara komunis telahpun lama mempelupuri terhadap pembenterasan bunga ini dan kita tentunya boleh meniru dan mengubahsuaikan dengan iklim negara kita yang berdasarkan ekonomi bebas ini. Dengan langkah ini insya Allah ekonomi Muslim di negara ini akan menjadi lebih lancar kerana conflict jiwa yang telah bertarung hebat begitu lama di antara kemahuan yang amat sangat untuk berusaha berniaga dan gerun yang amat sangat kepada riba akan berakhir dengan selamat dan sentosa dan tepatlah kata-kata Islam, "Menjamin keselamatan Ummat".

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara sebaran am maka ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian khusus. Pertama sebahagian besar dari umur kanak-kanak kita baik di bandar atau di luar bandar telah dihabiskan secara membazir di hadapan peti-peti TV untuk menuntun cerita-cerita yang mereka sendiri tidak faham, kerana bahasa yang digunakan ialah Inggeris sama ada cerita cartoon atau filem-filem biasa, sedangkan filem-filem yang bercorak experiment berbentuk sains dan filem-filem rencana yang berupa pengetahuan umum adalah dikira bagus pada dasarnya untuk dituntun oleh kanak-kanak dan difahami. Oleh itu kalau pihak RTM sendiri tidak dapat memenuhi kekosongan ini, kekosongan untuk mengadakan filem-filemnya sendiri maka tidakkanlah pihak berkenaan tidak boleh berusaha mengadakan terjemahan (dubbing) untuk filem-filem tersebut. Sesungguhnya membiarkan pembaziran umur anak-anak kita terus menerus seperti tadi bererti bukan sahaja membunuh masa depan mereka tetapi membanyakkan lagi bilangan anak-anak kita yang tamat pengajian rendah tetapi masih terus dengan buta huruf, terus dengan buta perut. Laporan-laporan akhbar mengenai murid-murid yang masih buta huruf walaupun tamat pengajian rendahnya sangatlah memalukan kita khususnya di zaman mana taraf para guru telah ditingkatkan di segenap segi bagi di segi ilmiah atau nilai-nilai ekonomi.

Yang kedua, dalam perkara sebaran am juga ialah semakin bertambah banyaknya babak-babak minum dan babak-babak bogel dalam filem-filem TV sekarang. Walaupun saya sendiri tidak tahu dengan tepat benda apakah yang diminum oleh pelakun-pelakun itu tetapi memandang botol-botol yang digunakan dan keadaan serta suasana para pelakun itu sendiri memudahkan para penuntut mentafsirkannya sebagai arak. Arak dengan dukacitanya saya sebut dalam Dewan yang mulia ini semakin merebak di kalangan masyarakat Muslim sekarang yang sepatutnya semakin pupus memandangkan ianya bercanggah dengan perasmian agama dan dicap oleh Nabi Muhammad (s.a.w.) sebagai pusat dan induk bagi segala keburukan dan kecelakaan. Sekalipun begitu tetapi sebuah syarikat arak yang masyhur di negara kita sekarang melalui iklan yang merata-rata telah menyiarkan dengan megah-

nya baharu-baharu ini kadar keuntungan besar yang dipungutnya tahun lepas melebihi kadar keuntungannya di tahun-tahun sudah.

Saya ingin bertanya, apa kata kalau pihak TV kita menyiarkan filem-filem yang di antara babak-babak biasanya ialah pandangan pelakun-pelakun sedang menghisap dadah, atau apa kata kalau di antara babak-babak biasanya ialah pandangan bagaimana bendera-bendera komunis dikibar-kibar oleh penduduk tempatan atau kanak-kanak sekolah. Jawabnya sudah tentu tidak boleh, kerana adigan-adigan begitu setidak-tidaknya akan membiasakan penuntut-penuntut dengan alam dadah dan komunis yang nanti boleh melahirkan keadaan yang boleh mencetuskan keinginan meninjau dan mencuba rasa.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hal ini boleh berlaku dengan adigan-adigan dadah, komunis seperti yang tersebut maka hal yang serupa pasti boleh berlaku juga dengan adigan-adigan minum arak, bogel yang kesannya terhadap pemikiran manusia adalah dikira adik abang sahaja dengan dadah. Kacau bilau, resah gelisah yang sedang menimpa dunia hari ini adalah dikira satu-satunya kesan pemikiran manusia-manusia botol yang sedang memegang kuasa pemerintahan sekarang . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa hampir hendak cukup. Saya beri Yang Berhormat lagi satu minit.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Ya. Oleh itu di saat-saat ekonomi negara sekarang sedang dibangunkan dan keruntuhan moral sedang menjadi-jadi sekarang ini maka babak-babak minum, bogel yang dihidangkan kepada masyarakat khususnya anak muda yang masih mentah sekarang adalah terlalu merbahaya dan kita dengan secara otomatis telah berlegar dalam bulatan yang tidak tahu bila akan selesai, kerana yang kita bangunkan melalui kursus dan taklimat mengenai akhlak dan sivik, kita pula meruntuhkan melalui kebudayaan kuning dan merah dalam TV kita.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Parit.

4.46 ptg.

**Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit):** Tuan Yang di-Pertua, saya bersama dengan semua lapisan rakyat di negara ini mengalu-

alukan Belanjawan 1980. Saya juga mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan Kerajaan kita yang telah memberikan satu Belanjawan yang sangat memuaskan dan sewajarnya untuk tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, orang ramai di kampung-kampung atau rakyat di luar bandar merasa besar hati dan puas hati terhadap Kerajaan manakala mendengar Belanjawan tahun 1980 di mana Kerajaan menitikberatkan dan menumpukan pandangan dan perhatiannya kepada mereka yang tinggal di luar bandar khususnya rakyat di kampung-kampung. Apabila didapati ada peruntukan yang begitu lunak, umpamanya berjuta-juta ringgit diperuntukkan bagi membuat jalan dan lorong-lorong di kampung dan beratus-ratus juta ringgit pula dihaskan untuk pertanian dan beberapa lagi kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik. Di samping itu juga dengan adanya Belanjawan yang begitu baik suasana pelaburan akan bertambah baik setiap hari khususnya pelabur-pelabur asing akan meningkat. Memanglah Malaysia sebuah negara yang sedang membangun yang sangat memerlukan pelaburan asing untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi di mana yang diketahui bahawa Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah bersusah payah membawa misi perdagangan negara kita ke luar negeri untuk menggalakan pelabur-pelabur asing datang ke negara kita untuk menanam modal atau untuk mendirikan kilang-kilang perusahaan perindustrian mereka di sini. Seperti yang telah diketahui beratus-ratus juta ringgit wang asing telah dilaburkan di Malaysia dalam masa yang singkat iaitu cuma dalam masa setahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik dengan ucapan beliau yang mengatakan bahawa tambahan peruntukan adalah perlu untuk menambahkan lagi keupayaan agensi-agensi Kerajaan bagi melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan juga untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik.

Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas dasar seperti ini tetapi cuma saya ingin mengingatkan Kementerian Kewangan supaya

mengawasi dan berjaga-jaga supaya peruntukan yang diberikan ini tidak disalahgunakan atau tidak dibazirkan. Setahu saya ada juga terdapat di mana perbadanan-perbadanan negeri dalam negara ini belum lagi dengan sepenuhnya memberi bimbingan untuk menggalakkan bumiputra melibatkan diri dalam segala bidang perniagaan, perusahaan dan sebagainya. Agensi-agensi ini setakat cuma melibatkan diri dalam projek-projek yang boleh memberi faedah kepada segelintir manusia sahaja.

Dalam Laporan Ekonomi 1979/80 terdapat dalam tahun 1979 jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh Kerajaan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, badan-badan awam dan syarikat-syarikat dijangka berjumlah \$1,420 juta iaitu 18.5% lebih daripada jumlah dalam tahun 1978 sebanyak \$1,198 juta. Ini adalah menyediakan pembiayaan yang cukup untuk melaksanakan projek-projek baru dan yang sedia ada untuk mempercepatkan pencapaian matlamat sosio-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang diperkatakan tadi, agensi-agensi Kerajaan juga perlu benar-benar memahami sepenuhnya Dasar Ekonomi Baru. Kebanyakan agensi-agensi ini mendirikan perumahan dan projek yang lain-lain juga dijual atau diberi kepada mereka yang berada sahaja dan bukan kepada rakyat luar bandar. Sebab itulah saya minta kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan mesti mengawasi betul-betul supaya wang yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini betul-betul digunakan dengan seadil-adilnya dan tidak disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik hati dengan ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di mana kita perlu juga berusaha terus untuk menjaga keselamatan negara kita dengan menambahkan perbelanjaan bagi angkatan tentera. Dan saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pasukan keselamatan kita sama ada tentera ataupun polis kerana mereka telah menjalankan tugas dengan cemerlang tanpa menghiraukan keselamatan, kebajikan dan juga kedudukan mereka serta anak isteri mereka. Oleh sebab itu, saya berasa amat kesal dan dukacita kerana ada kalanya dalam Dewan yang mulia ini terdengar tuduhan-tuduhan yang menyatakan polis

berat sebelah, tidak jujur, tidak ikhlas dalam mengambil tindakan. Saya rasa amat kesal kerana saya yakin dan percaya tuduhan-tuduhan ini bukanlah berasas kepada fakta-fakta atau kenyataan, cuma berasaskan emosi dan sentimen sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa gembira kerana Menteri Kewangan telah menambah peruntukan-peruntukan besar disediakan bagi memperluaskan infrastruktur dalam kawasan pertanian supaya dapat meningkatkan lagi usaha pemodenan dan menambahkan hasil pengeluaran rakyat. Lebih daripada \$170 juta adalah diperuntukkan dalam Belanjawan tahun 1980 untuk berbagai jenis subsidi kepada petani-petani dan nelayan-nelayan untuk menampung harga bahan-bahan pertanian seperti baja dan alat jentera. Ini juga akan menolong menambahkan daya pengeluaran di kawasan-kawasan pertanian. Harga-harga padi hendaklah dinaikkan.

Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan juga telah berkata bahawa kedudukan kewangan luar negeri kita telah berhasil menaikkan mata wang Malaysia sebanyak 7½% berbanding dengan mata wang lain di dunia luar. Ini bermakna kedudukan kewangan kita telah bertambah kukuh hingga kita dapat menambahkan lagi perbelanjaan pada tahun ini. Kalau keadaan kewangan kita kukuh, saya tidak nampak mengapa kita tidak dapat menaikkan harga padi berbanding dengan harga yang terlalu murah sekarang iaitu lebih kurang \$23.00 hingga \$25.00 sepikul.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka mencelah sedikit berkenaan dengan kedudukan bumiputra untuk memasuki dalam lapangan perusahaan dan perniagaan. Dasar Kerajaan telah dibuat dengan begitu tegas. Yang hendak saya suarakan di dalam Dewan yang mulia ini ialah rakyat tidak ingin lagi melihat Kerajaan menjalankan dasarnya hanya menggalakkan tumbuhnya sebilangan pemodal-pemodal Melayu, hartawan-hartawan bumiputra, tetapi Kerajaan hendaklah juga menggalakkan lebih banyak lagi bumiputra untuk mengendalikannya perniagaan-perniagaan dan perusahaan kecil, terbesar di merata pelusuk pekan dan kampung. Bantuan yang merupakan wang pinjaman yang mudah dapat daripada bank-bank, nasihat yang percuma, pimpinan yang ikhlas harus diperhebatkan lagi kalau Kerajaan ingin benar-benar melihat bumiputra bangun

sebelum akhir tahun 1990. Perniagaan bumiputra yang sudah maju hendaklah disemak. Pandangan juga diberi kepada peniaga-peniaga kecil bumiputra bukan sahaja setakat mengadakan perjumpaan-perjumpaan dan mesyuarat-mesyuarat. Kerajaan sepatutnya perlu memberi perhatian dan pertolongan dihulurkan tanpa sekatan atau tentangan. Rakyat di luar bandar sudah jemu dengan laungan-laungan janji tetapi kita ingin melihat tindakan-tindakan yang berkesan yang merupakan kenyataan yang benar.

Berbalik saya kepada pinjaman yang mudah diperolehi daripada bank-bank. Setahu saya kebanyakan bank-bank asing di negara ini tidak ada kesannya menolong memberi pinjaman kepada bumiputra terutama kepada rakyat luar bandar. Barangkali dengan keadaan rupa corak pakaian, dan cara tingkah lakunya adalah salah satu daripada sebab yang menjadikan keberatan pihak-pihak bank asing di negara ini hendak memberi pinjaman kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru mengujudkan kelas menengah peniaga Melayu. Kita pada hari ini tidak dapat mengukur dari segi kekuatan. Apa yang kita lihat anggota kelas menengah ini bertambah. Kita juga mahu membentuk satu masyarakat ekonomi Melayu yang kuat. Kekuatan politik Melayu mesti disokong dan ditongkat oleh golongan ekonomi Melayu. Kelas menengah ini di mana-mana negara adalah pembela negara dan bangsa. Juga mereka berani mengeluarkan fikiran dan memberi haluan masa depan. Negara kita ini sekarang terdapat banyak dari golongan bumiputra kelas menengah. Negara yang maju ialah banyak bilangan kelas menengah dan negara yang mundur ialah penuh dengan orang miskin. Mereka sepatutnya pada masa sekarang memberi segala pertolongan kepada bumiputra yang ketinggalan dari segi ekonomi terutamanya rakyat bumiputra di luar bandar. Bumiputra kelas menengah ini sebaik-baiknya pergi melihat keadaan rakyat di luar bandar supaya dapat memastikan sama ada benar atau tidak corak kedudukan mereka tertindas sejak tempoh penjajahan dahulu. Orang Melayu yang ditindas dan tertindas 100 tahun oleh penjajah sudah tentu banyak masalah dan sudah tentu mengambil masa untuk mengatasi masalah ini.

Kita masing-masing tahu bahawa golongan mereka yang tertipu oleh penjajah menjadi mereka rasa marah, bengis, mahukan sesuatu dengan cepat, mahu mengembackkan maruah dan harga diri mereka. Mereka ini bila melihat sejarah dengan murka kerana mereka malu dengan sejarah mereka. Jadi ini kadangkala menyebabkan pertolongan dari pihak Kerajaan dan swasta di mana permohonan dan permintaan dari rakyat luar bandar ditolak begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh rancangan perumahan rakyat di luar bandar. Ini terdapat banyak rakyat luar bandar yang mengalami kekurangan perumahan. Kerajaan baru-baru ini telah meluluskan lebih kurang \$100 juta untuk rancangan pemulihan kampung kepada tiap-tiap negeri. Rancangan ini baru mula diperkenalkan dalam bulan Ogos 1979. Rancangan ini adalah ekoran daripada kajian klasifikasi kampung yang telah dijalankan tahun lepas. Misalnya di kawasan Parlimen Parit, Kerajaan Negeri Perak telah memberi peruntukan sebanyak \$332,610 untuk rancangan tersebut. Sebanyak lebih kurang 30 buah rumah kampung dalam kategori "C" di daerah ini telah dipilih tahun ini untuk menyertai projek-projek tersebut. Setakat ini 134 buah rumah untuk diperbaiki, pada pendapat saya dengan sebahagian kecil peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri akan mengalami kesulitan kepada penduduk-penduduk kampung kerana jumlah penduduk-penduduk kawasan Parlimen Parit terdiri dari golongan yang miskin.

Saya berpendapat skim perumahan yang teratur dan baik adalah punca struktur masyarakat yang sihat. Izinkan saya memberikan beberapa pandangan iaitu projek perumahan ini jangan hanya ditumpukan kepada kawasan-kawasan urban semata-mata sepertimana bandaraya, bandar-bandar dan ibu-ibu kota sahaja. Perhatian penuh untuk membangunkan ini harus juga ditumpukan kepada kawasan-kawasan kampung dan desa di mana terdapat cara perumahan rakyat sangat tidak teratur. Inilah nasib orang-orang di luar bandar. Pihak Kerajaan mesti mengambil berat di atas perkara yang berlaku sekarang. Kepada pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang berasal dari luar bandar mestilah insaf nasib saudara mara mereka yang tinggal terpencil di luar bandar. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan harus mengalihkan pandangan ke

kampung-kampung setelah kian lama bertahun-tahun menumpukan pandangan pembangunan di bandar-bandar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir sekali, saya suka menyentuh dalam kontek prospect ekonomi ASEAN di mana dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan menunjukkan prestasi yang baik dengan kadar-kadar pertumbuhan ekonomi antara 6% hingga 8% dalam tahun 1979 dan ini akan terus tumbuh dengan pesatnya dalam tahun 1980. Dengan mempunyai potensi yang besar bagi perkembangan perdagangan dan perindustrian, saya merasa ada baiknya negara ASEAN bekerjasama dengan negara-negara yang sedang membangun seperti negara-negara Islam yang mana hubungan persaudaraan ASEAN semakin kukuh dapat mengiratkan lagi perdagangan dan perindustriannya di antara satu sama lain. Negara-negara Islam mengeluarkan minyak hasil utama negara-negaranya dan ini boleh menjayakan eksport-eksport dan bahan-bahan mentah keluaran ASEAN yang terdapat dalam 5 buah negara ASEAN di rantau ini. Sekiranya ASEAN berjaya mengeluarkan bahan-bahan mentah dan lain-lain bererti dalam masa 5 atau 10 tahun iaitu satu jangka masa yang panjang potensi-potensi perdagangan dan perindustrian ASEAN di mana saya percaya negara-negara OECD (Organisation of Economic Co-operation and Development) menumpukan sepenuhnya importnya dari negara ASEAN. Setakat hari ini setahu saya negara-negara asing memerlukan pendapat-pendapat dari negara-negara ASEAN. Yang anihnya perkembangan politik dan ekonomi negara-negara ASEAN disanjung tinggi oleh negara-negara asing di rantau Asia Timur dan rantau Pacific.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Semerah.

5.03 ptg.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohamad (Semerah):** Tuan Yang di-Pertua, saya dan rakyat Malaysia khususnya Semerah mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran, syabas dan tahniah dengan Anggaran Belanjawan yang menggembirakan dan melegakan. Sekiranya Anggaran Belanjawan di tahun-tahun yang lalu boleh dispekulasikan dengan cukai-cukai yang akan dinaikkan tetapi semenjak kejujuran Yang Berhormat Mulia

Tengku Razaleigh Hamzah dengan dibantu oleh Timbalan-timbalannya seorang daripada wanita, Belanjawan Tahun 1980 adalah realistik dan penuh optimistik. Bahawa di zaman dunia menghadapi inflasi yang buruk ekonomi Malaysia insya Allah akan terus mantap dan stabil oleh niat dan azam luhur bagi mengubah struktur masyarakat pada taraf yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, segenap lapisan rakyat adalah memberikan penuh kepercayaan kepada pemimpin-pemimpin dan kepimpinan yang ada, baik kawan mahupun lawan. Cuma parti lawan seperti DAP cuba menunjang-nunjangkan egoistiknya dengan menyentuh berbagai isu perkauman yang sensitif tetapi rakyat yang telah dididik berfikir yang rasional, tinggi hemah dan percayakan diri sendiri tidak mudah dipengaruhi oleh nada-nada sumbang yang hanya merugikan masa, tenaga dan kewangan untuk mengikutinya, lalu mereka beramai-ramai mengambil keputusan tidak memberikan kepercayaan kepada mereka hatta satu suara pun bagaimana yang buktikan dalam keputusan pilihanraya Sarawak baru-baru ini.

Kita juga berasa hairan pada Parti Islam Se Tanah Melayu yang mendabek-dabek dada yang mengamalkan ajaran Islam tetapi berkali-kali dalam ucapan di sidang Belanjawan ini mendoakan kehancuran negara ini. Agaknya Wakil dari Baling ter-lupa bahawa hidup seseorang itu bukan kerana kaul dan mati bukan kerana keramat. Sepatutnya parti PAS bersama-sama menentang dan memberi penjelasan kepada rakyat tujuan suci yang dijalankan oleh pihak Kerajaan. Kiranya bertentangan dengan ajaran Islam tentulah sudah lama mendapat tentangan. Sepatutnya anggota-anggota PAS beramai-ramai memberikan cadangan-cadangan dan fikiran-fikiran yang membina bukannya menghancurkan seperti usaha-usaha yang dijalankan pada hari ini banyak mengelirukan rakyat dengan memutar-mutar belitikan hukum-hukum ugama. Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikehendaki oleh Islam setakat yang terdaya adalah tidak diabaikan oleh Kerajaan kita. Di antara lain Islam mewajibkan kita memelihara jiwa atau nyawa.

Dalam Anggaran Belanjawan Tahun 1980 ini peruntukan bilangan besar adalah diberi kepada pertahanan dan keselamatan tanahair dan jiwa rakyat wajib dipertahankan samada

daripada ancaman luar atau dalam. Untuk menguatkan lagi pertahanan, saya ingin mencadangkan supaya ditubuhkan angkatan anti-tank rejimen. Kalau jiran kita telah membeli atau mengadakan latihan beratus-ratus angkatan tenteranya menggunakan tank maka kita patutlah bersedia dengan angkatan anti-tank. Memandangkan negara kita ini sebuah semenanjung dikelilingi oleh 450 batu pantai maka saya juga mencadangkan supaya Kementerian Pertahanan membeli sekurang-kurangnya 400 buah amphibious yang boleh digunakan di laut dan di darat dan hendaklah ditempatkan di kawasan-kawasan selatan seperti di Keluang, Mersing dan juga di sempadan-sempadan di utara kerana kita juga mesti sentiasa curiga dan memberi perhatian di kawasan-kawasan selatan. Negara kita yang beriklimkan khatulistiwa dan banyak hutan-hutan maka latihan gerila patut diperhebatkan. Kalau Singapura memberikan latihan tenteranya dengan memanggil orang-orang Yahudi maka apa salahnya kita minta orang-orang Palestine memberi latihan guerilla warfare kepada rakyat kita. Mereka ini mempunyai 30 tahun pengalaman dalam peperangan dan bijak menggunakan senjata modern dan sophisticated. Sekiranya Kerajaan tidak mahu mengadakan National Service kepada rakyat, saya mencadangkan supaya penuntut-penuntut universiti yang berada dalam tahun satu hendaklah diberi latihan tentera seminggu sekali atau dua kali.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh dunia dalam keadaan bergolak termasuklah di rantau Asia ini. Di samping bimbang dengan serangan dari luar kita juga ada mempunyai bisul yang belum pecah. Soal pendatang haram di mana Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah di London baharu-baharu ini menyatakan tidak puas hatinya di mana negara ketiga hanya mengambil mereka yang pandai-pandai, muda-muda dan yang tua-tua dan kanak-kanak ditinggalkan. Maka sebagaimana satu persetujuan yang telah dipersetujui sedikit hari dahulu supaya mereka ini dihantarkan ke sebuah pulau di Indonesia maka urusan ini hendaklah dipersegerakan. Kenapakah kita mesti pikul biawak hidup Amerika? Bangsa-bangsa Bersatu hendaklah menanggung segala perbelanjaan. Wajarlah Malaysia baharu-baharu ini memberikan sumbangan sebanyak US\$15,000 kepada mangsa-mangsa kebuluran Kampuchea kerana kita menampung perbelanjaan yang

besar dengan sisa-sisa mangsa perang Vietnam. Singapura tidak sudi seorang pun pendatang haram hanya menyumbang US\$10,000. Pandainya rakyat kita menagih dadah, ini pun akibat peperangan Vietnam dengan Amerika. Penagih-penagih dadah hari ini juga hendaklah dihantar ke sebuah pulau khas sebagaimana cadangan Yang Berhormat dari Kangar tempoh hari serta diberikan berbagai-bagai latihan vokasional dan didikan ugama. Manakala pengedarnya terus dijatuhkan hukuman mati di bawah Undang-undang Darurat Kuasa-kuasa Perlu. Kalau sudah lebih 200,000 belia-belie, tentera-tentera, kakitangan Kerajaan dan ada di antaranya anggota polis sudah dapat digiankan dan dibinasakan maka adakah patut kita masih bertolak ansur lagi? Baharu-baharu ini Singapura tidak teragak-agak menjatuhkan hukuman mati ke atas pengedar dadah daripada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya, Islam wajib memelihara, memerintah supaya akal dipelihara, maka Kerajaan juga tidak mengabaikan dalam perkara ini dan akal hanya boleh jadi rasional dengan diberi berbagai-bagai pelajaran. Maka Kementerian juga tidak mengabaikan soal dan tanggungjawab ini di mana sekolah-sekolah percuma, makanan tambahan, maktab sains/vokasional dan yang pandai dihantar belajar keluar negeri, diadakan sekolah buta, pekak, di mana yang tergelincir diadakan pusat pemulihan akhlak dan baharu-baharu ini juga Kerajaan telah mengambil satu inisiatif di mana kanak-kanak cacat dan terencat juga di bawah tanggungjawab Kementerian Pelajaran.

Selain daripada itu saya dapati juga dalam jadual peperiksaan SPM dan MCE berbagai-bagai bahasa ada dijalankan peperiksaan seperti Latin, Perancis, Inggeris, Arab dan lain-lain maka saya juga mencadangkan supaya Language Institute yang ada itu ditambahkan lagi dan diperluaskan lagi supaya bahasa-bahasa ini dapatlah diajarkan dengan cara yang lebih meluas dan lebih baik lagi.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka supaya menjalankan peranannya yang lebih positif serta menjalankan segenap usaha dalam mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. Dengan penguatkuasaan matapelajaran ugama dan akhlak yang akan dijalankan dalam tahun yang akan datang saya juga

mencadangkan supaya Dewan Bahasa dan Pustaka ini mengadakan sebuah Lembaga Karang-mengarang bagi menyediakan buku-buku teks pelajaran-pelajaran agama dan akhlak yang akan dijadikan salah satu daripada kurikulum atau matapelajaran di sekolah-sekolah. Maka segala matapelajaran agama ini hendaklah diajarkan di dalam tulisan jawi. Kita juga bangga dengan Negeri Trengganu yang memberi galakan tambahan elaun sebanyak \$50 kepada mereka yang boleh menaip tulisan jawi dan beratus-ratus typewriter jawi diorder daripada Jerman. Oleh sebab penggunaan mesin-mesin cetak dan alat-alat taip-menaip ini yang begitu banyak maka Dewan Bahasa dan Pustaka juga patut mengadakan bengkel-bengkel memperbaiki typewriter dan mesin cetak yang rosak.

Berhubung dengan papan-papan tanda, iklan-iklan dan signboards pada hari ini di seluruh Malaysia didapati sangatlah mendukacitakan kerana bahasa Cina adalah di atas Bahasa Kebangsaan, kadang-kadang bahasa Cina digunakan sepenuhnya dan langsung tidak ada Bahasa Kebangsaan. Maka saya juga berharap Dewan Bahasa dan Pustaka akan tampil ke hadapan dan menyediakan khidmat menuliskan nama-nama kedai-kedai atau signboards itu dalam Bahasa Malaysia dengan percuma dan juga tindakan-tindakan tegas diambil kepada mereka yang enggan melaku atau menuliskannya pada masa-masa yang telah dihadkan. Dahulu masa Yang Berhormat Mulia Tan Sri Syed Nasir jadi Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka kita nampak banyak kemajuan (improvement) yang dilakukan terhadap Bahasa Malaysia atau Bahasa Kebangsaan. Kadang-kadang Jabatan Kerajaan pun ada yang salah Bahasa Malaysia terutama dengan adanya ejaan-ejaan baru yang ada pada hari ini seperti nama orang 'Hashim' itu mestilah digunakan ejaan yang lama dan tidaklah boleh dieja H-a-s-y-e-m, jadi 'Hasyem'. Begitu juga 'Shariffah', ada orang eja dengan S-y-a-r-i-f-f-a-h, sepatutnya mestilah dieja dengan S-h-a-r-i-f-f-a-h, bahkan kadang-kadang di sekolahpun ada sedikit kepayahan dan kekeliruan di mana setengah-setengah guru yang bukan Melayu kepayahan hendak membezakan antara 'chat' dengan 'cat'.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu negara juga wajib memelihara keturunan sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Bagi menjaga generasi dan keturunan ini

Kerajaan telah mengadakan langkah jangka panjang di mana berbagai-bagai usaha diadakan seperti mengadakan rancangan-rancangan FELDA kepada bumiputra-bumi-putra supaya mereka tidaklah hidup dagang, papa dan merana dalam negara sendiri.

Baru-baru ini kita juga merasa dukacita pihak parti Pembangkang yang tidak mahu berkahwin dengan orang-orang India yang lahir di Malaysia mereka hendak kahwin dengan wanita yang "diimport" daripada India, kemudian bersusah payah pula berkehendakkan kerakyatan dan warganegara. Perkara yang semacam ini haruslah mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan supaya janganlah ramai lagi orang-orang dagang dan orang-orang asing ini bertambah ramai lagi dalam negara kita ini.

Thema Belanjawan kita pada tahun ini ialah pertumbuhan ekonomi (economic growth). Maka saya juga berasa dukacita berkenaan dengan harga getah yang masih lagi tidak ditetapkan sendiri oleh Malaysia tetapi masih lagi ditetapkan harganya oleh negara Britain atau Eropah. Oleh sebab itu, saya fikir telah sampailah masanya harga pasaran getah itu mestilah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia sendiri dan beberapa buah negara telahpun menyatakan persetujuannya dengan permintaan Malaysia itu, hanya beberapa buah negara daripada EEC sahaja yang belum menyatakan persetujuannya. Jadi saya berharap Kerajaan Malaysia akan bertegas dalam perkara ini dan hendaklah kita sendiri yang menetapkan harga getah itu nanti.

Berhubung dengan lada hitam saya juga ingin memohon kepada Menteri Pertanian supaya ditambah subsidi kepada penanam-penanam lada ini kerana lada hitam ini pokoknya mudah diserang penyakit dan benah dan mudah rosak, pada hal permintaan pada tahun 1980 dijangka akan meningkat dan mendatangkan hasil kepada negara sebanyak \$168 juta. Lada hitam adalah eksport barang pertanian ketiga pentingnya selepas getah dan kelapa sawit, oleh sebab itu saya juga mencadangkan supaya pengedaran lada hitam ini diadakan di Johor dan di Sarawak memandangkan kedua-dua negeri ini adalah pusat pengeluaran lada hitam yang terbesar di Malaysia ini dan tidaklah lagi kita memberi peluang kepada Singapura yang menjalankan urusan-urusan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang .....

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa sudah cukup. Saya beri seminit lagi.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohamed:** Saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengadakan Perbadanan Perumahan Nasional. Pada masa ini pemaju-pemaju perumahan mengadakan rancangan-rancangan perumahan dengan harga-harga yang mahal dan tidak mampu dibeli oleh bumiputra. Maka saya mencadangkan supaya diadakan sebuah Perbadanan Perumahan Nasional dan Perbadanan ini akan membelikan rumah-rumah ini dan diserahkan kepada bumiputra dengan membayar secara beransur-ansur dengan masa yang dipanjangkan lebih lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab keadaan tidak mengizinkan, dengan ini saya menyokong Anggaran Belanjawan 1980.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang.

5.17 ptg.

**Tuan Sibat Miyut Anak Tagong (Ulu Rajang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini menyokong penuh Rang Undang-undang Belanjawan 1980 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 18hb Oktober, 1979.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh satu dua perkara berkenaan dengan negeri Sarawak dan Sabah. Sekarang ini sudah dekat Rancangan Malaysia Keempat, klinik-klinik khasnya patut ditambahkan banyak lagi, lebih-lebih lagi di Bahagian Ketujuh seperti di Nangau Yen, sebab penduduk di situ adalah lebih kurang 3,000 orang. Itulah sebabnya saya merayu kepada Kerajaan kita di situlah patut dibina sebuah klinik. Diharap Kerajaan kita dapat mempertimbangkan perkara itu dengan sepenuhnya, begitu juga di kawasan-kawasan yang lain di luar bandar negeri Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua berkenaan dengan sekolah-sekolah di luar bandar negeri Sarawak keadaannya tak memuaskan, misalnya tak cukup asrama,

bilik darjah dan rumah guru-guru. Sekali lagi saya berharap di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini perkara ini dapat dipertimbangkan. Oleh itu, saya berharap Kerajaan kita dapat membantu dengan sepenuhnya melengkapkan sekolah-sekolah yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga saya hendak menyentuh tentang petani-petani yang saya berasa sukacita dengan apa yang telah dilancarkan oleh Kerajaan kita sekarang ini, tetapi saya masih hendak menyentuh dan merayu kepada Kerajaan kita untuk memuaskan lagi bantuan secara jenis-jenis kecil kepada penduduk-penduduk yang jauh dari bandar seperti bantuan kepada pekebun-pekebun kecil getah dan lada pula, permintaan yang dirayu oleh mereka tidak ditimbangkan dengan mencukupi. Kebanyakan penduduk-penduduk di situ masih belum menerima apa-apa bantuan tanaman daripada Kerajaan sungguhpun setiap tahun ramai pemohon memasukkan borang permohonan tetapi kurang daripada 2% yang dapat diluluskan. Jadi, saya berhadap orang-orang yang betul-betul hendak bekerja sebagai petani dapat diberi bantuan oleh Kerajaan dengan secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat berkenaan dengan baja lada hitam, sekarang ini harga baja sudah naik tetapi harga lada hitam sudah merosot. Dengan itu, pekebun-pekebun kecil banyak kerugian dan harga lada mereka tidak cukup membayar ongkos tanamannya. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap perkara lada ini dapat dikaji semula jika boleh harga baja mesti ditimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan arang dari kayu bakau. Sekarang seluruh negara menghadapi kekurangan arang dan harga gas melambung naik. Untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh penjaja-penjaja, saya harap Kerajaan harus memansuhkan atau kurangkan cukai impot arang supaya rakyat boleh mengurangkan beban perbelanjaannya.

Sebagai penutup, saya harap Kerajaan dapat pertimbangan atas ucapan saya yang tersebut.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

5.25 ptg.

**Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul Rang Undang-undang Belanjawan Persekutuan, 1980 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 18hb Oktober yang lalu.

Boleh dikatakan seluruh lapisan rakyat menyambut baik di atas Belanjawan 1980 ini, rakyat berasa gembira di atas kemampuan dan keberanian Kerajaan menyusun Belanjawan 1980 dengan begitu besar. Ini adalah tanda kemakmuran negara, rakyat menghadapi tahun 1980 dengan lebih yakin bahawa kemajuan ekonomi dan sosial akan lebih lagi dapat dinikmati daripada tahun-tahun sebelumnya, terutama rakyat luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, bahawa kemantapan ekonomi negara kita adalah disebabkan oleh kerana keamanan, tanpa keamanan tidak akan dicapai kemantapan ekonomi. Oleh itu penting dipelihara keamanan. Tuan Yang di-Pertua, untuk keamanan hendaklah dicapai perpaduan, terutama sekali negara yang berbilang kaum seperti Malaysia ini Kerajaan hendaklah meneruskan usaha untuk mencapai perpaduan ini. Alat-alat perpaduan hendaklah dengan tegas dilaksanakan seperti penggunaan Bahasa Malaysia di segenap peringkat, kebudayaan nasional, sebaran am dan lain-lain rancangan jangka pendek dan jangka panjang hendaklah disusun, Kerajaan hendaklah mencegah perbuatan atau mengeluarkan isu yang berbau perkauman ditimbulkan oleh mana-mana pihak dengan tujuan apa sekali pun. Sejarah membuktikan bangsa yang tidak bersatu-padu akan mudah ditakluki oleh kuasa-kuasa luar, kadangkala tak payah ditakluk malah dipanggil oleh rakyat dalam negeri itu sendiri bagi menghancurkan negara dan bangsanya. Semenanjung Tanah Melayu dahulu adalah negeri-negeri yang merdeka tetapi oleh kerana bergaduh sama sendiri maka masuklah penjajah barat dan yang akhir sebagai contoh nyata ialah Kampuchea bergaduh sama sendiri lalu Vietnam dengan senang masuk.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjamin keamanan tidaklah boleh diambil ringan ialah pertahanan negara. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah memperuntukkan Belanjawan pertahanan dengan begitu besar dan saya menyokong bahawa

Belanjawan yang besar itu adalah mustahak dan penting, hanya apa yang diharapkan adalah supaya jika kita membeli alat senjata hendaklah berhati-hati supaya senjata-senjata itu baik dan sesuai dengan keadaan negara kita serta hendaklah sampai pada masa yang dikehendaki. Saya maklumkan ini oleh kerana ada banyak negara-negara yang telah terbeli senjata telah didapati tak sesuai atau tak boleh digunakan dengan baik kerana ketinggalan zaman, oleh kerana ketidakjujuran pegawai-pegawai yang telah diamanahkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk keamanan negara kita dan negara-negara ASEAN pada amnya hendaklah terus memperjuangkan konsep aman, bebas dan berkecuali dan juga mengamalkannya kerana konsep inilah sahaja yang sesuai bagi Malaysia dan ASEAN sebagai negara yang sedang membangun dan kedudukan geografinya yang sangat penting dalam perhubungan antarabangsa. Konsep ini amat berat. Bagaimanapun, hendaklah diperjuangkan terus. Berkecuali adalah berkecuali (neutral) dan bukan non-aligned kerana non-aligned adalah tidak memihak dan mempunyai dasar bebas dan aktif; bebas dan aktif ini kadangkala digunakan untuk kepentingan negara masing-masing mengikut keadaan yang menguntungkan pada ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk keamanan Kerajaan perlu berhati-hati lagi tentang orang-orang luar atau kuasa-kuasa luar yang cuba mencampuri urusan dalam negeri ini dan begitu juga hendaklah diambil perhatian rakyat kita yang sentiasa membuat hubungan dengan luar negeri tanpa pengetahuan Kerajaan adalah baik hendaknya bahawa apa juga bantuan dari luar negeri itu pada perseorangan atau kumpulan, umpamanya, bantuan kewangan mestilah melalui Kerajaan atau sekurang-kurangnya dalam makluman Kerajaan supaya dapat diketahui untuk apa bantuan itu digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk keamanan rakyat mahulah ada rasa taatsetia, kasih sayang kepada bangsa dan negara. Bagi menimbulkan rasa cinta pada negara patutlah Kerajaan membuat rancangan jangka panjang dan jangka pendek. Jangka pendek umpamanya sambutan Hari Kebangsaan hendaklah disambut oleh seluruh rakyat di tanahair kita ini baik di kampung atau di bandar. Oleh itu sambutan Hari Kebangsaan patutlah disusun di peringkat Pusat, Negeri,

Daerah dan Kampung-kampung dengan mengikut keadaan yang sesuai. Jika perlu hendaklah dijalankan walaupun bukan paksa tetapi seperti paksaan juga kerana rakyat patutlah dididik tanpa didikan mereka akan menuju ke arah masing-masing. Dalam jangka panjang untuk mendidik rakyat supaya cintakan dan taatsetia kepada negara adalah melalui sekolah.

Saya misalkan satu perkara kecil apa yang berlaku di sekolah. Saya hadir Hari Kebangsaan di sekolah kebangsaan. Kanak-kanak menyanyi dan menari dengan lagu-lagu bahasa Melayu dan Inggeris. Tidak terdengar pun nyanyian cinta bangsa dan keindahan tanahair. Saya pergi Hari Ucapan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Kanak-kanak menyanyi dan menari semua dengan lagu-lagu bahasa Mandarin. Saya tidak dengar pun lagu-lagu cinta tanahair dinyanyikan. Entahlah kalau dinyanyikan dalam bahasa Mandarin.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya faham majlis seperti ini adalah hanya satu hiburan dan untuk sekadar kanak-kanak menunjuk bakat. Tetapi kalau inilah yang berlaku seterusnya maka lambatlah perpaduan dan kesetiaan akan dapat dicapai. Mungkin jenerasi akan datang semuanya romantik dan tidak patriotik lagi. Saya berharap pada Kerajaan supaya tiap-tiap kanak-kanak yang bersekolah yang telah dibiayai dengan begitu banyak wang akan betul-betul dapat dibentuk menjadi rakyat yang berguna dan taatsetia. Oleh kerana itu Kerajaan terpaksa menyediakan dan mengulang-kaji dengan cermat kurikulum yang diajarkan di sekolah-sekolah dan dipastikan perlaksanaannya.

Sekolah bukan hanya untuk mendidik manusia jadi cerdik akan tetapi ialah juga untuk mendidik manusia supaya berjiwa luhur.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesimpulannya keamanan adalah penting. Keamanan bukan semata-mata dapat dicapai dengan kekerasan sahaja tetapi juga adalah dengan tindakan-tindakan yang sesuai. Dengan adanya keamanan ekonomi negara akan bertambah maju dan kukuh.

Akhirnya saya menyokong Belanjawan 1980.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya nampak ada yang berdiri sahaja di sini 10 orang, tidak termasuk pada nama yang ada di sini. Jadi mulai daripada sekarang, saya bataskan ucapan Ahli Yang Berhormat kepada 10 minit. Itu yang dapat 6 orang, yang lain itu nasiblah. Mengapa menunggu pada saat yang akhir. Kenapa dari mula-mula dahulu tidak ada hendak bercakap. Ahli Yang Berhormat dari Keluang.

5.35 ptg.

**Tuan Lee Kaw (Keluang):** Tuan Speaker, saya bangun untuk membahaskan ucapan Belanjawan tahun 1980.

Ekonomi Malaysia sedang bertumbuh sebanyak 8%. Inflasi dari tahun 1976 hingga 1979 adalah lebih kurang 4%, imbalan pembayaran dan keluaran dalam negara kasar adalah luar dugaan. Dengan latar belakang ini, keadaan ekonomi di seluruh dunia kecuali negara-negara ASEAN tidaklah menyenangkan hati sungguhpun keadaan lembab ekonomi antarabangsa membolehkan kita memperolehi pinjaman-pinjaman dengan faedah yang rendah. Akan tetapi, kita tidaklah boleh terperangkap atau live in fool's paradise kerana kita terpaksa memperhitungkan beberapa perkara.

Ekonomi kita sedang bertumbuh sebanyak 8% tetapi negara-negara ASEAN juga membuat demikian dan oleh sebab itu kita bukanlah merupakan satu exception di serantau ini.

Kadar inflasi adalah sebanyak 4% dan kadar ini sedang terancam dan tindakan segera adalah perlu untuk mencegah kadar tersebut dari terus melambung naik. Seorang biasa mungkin akan menetapkan kadar inflasi itu sebanyak tiga hingga lima kali ganda kadar inflasi negara kita itu.

Imbalan pembayaran dan keluaran dalam negara kasar adalah sungguh menggalakkan, dan keadaan ini disebabkan kerana hasil yang didapati dari petroleum serta juga kerana harga barangan-barangan kita adalah tinggi. Akan tetapi, kita harus sedar petroleum merupakan satu sumber yang sentiasa berkurangan dan tidak pula digantikan, dan juga harga tinggi barangan-barangan kita tidak akan wujud selama-lamanya.

Kita tidaklah harus meminjam wang dengan begitu banyak kerana dengan membuat demikian, kita menghabiskan hayat

kita dan hayat generasi-generasi akan datang untuk membayar balik hutang-hutang tersebut.

Kita mempunyai sumber-sumber material dan manusia dan kita harus mengamalkan dasar-dasar yang baik serta conducive.

Tuan Speaker, Menteri Kewangan apabila membentangkan belanjawannya berkata; dan menetapkan objektif yang baik dan murni untuk "menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan mencegah inflasi terutama sekali untuk mengurangkan penderitaan-penderitaan yang dialami oleh golongan-golongan yang miskin dan berpendapatan rendah". Objektif ini pasti tidak akan ditentang oleh sesiapa tetapi cara-cara yang digunakan untuk mencapai objektif ini haruslah dikaji supaya sesuai dengan kehendak masyarakat yang bilang bangsa di negara kita.

Tuan Speaker, saya sekarang hendak sentuh sedikit tentang pemotongan cukai yang diumumkan oleh Menteri Kewangan.

Penganalisan potongan-potongan cukai menunjukkan:

1. Rakyat miskin ber- untung ... ..	\$ 99 juta ...	21 %
2. Penyusunan semula	15 juta ...	3 %
3. Orang-orang kaya beruntung ...	363 juta ...	75 %
4. Alam Sekitar ...	5 juta ...	1 %
Jumlah ...	\$482 juta ...	100 %

Kita nampak sebanyak 75% potongan-potongan cukai sebenarnya telah menguntungkan orang-orang kaya dan bukannya orang-orang miskin ataupun orang-orang yang terdiri dari golongan miskin. Potongan cukai ini mungkin menjadi pemotongan cukai yang terbesar sekali dalam sejarah negara kita, tetapi ia juga merupakan kesilapan besar dalam sejarah negara kita.

Untuk melaksanakan rancangan-rancangan Kerajaan, kita diberitahu bahawa perkhidmatan awam negara adalah kekurangan kakitangan. Dengan sebab itu, Operasi Isi Penuh dilancarkan. Saya tidak memaham mengapa kekosongan kerja ini dibebarkan bertimbun-timbun dan tidak pula diisi dengan segera apabila kekosongan-kekosongan timbul. Tuan Speaker, saya berharap urusan Operasi Isi Penuh yang dilancarkan tidak akan menjadi Operasi Isi Penuh dengan Otak Kosong. Calun-calun yang diambil kerja hendaklah berkebolehan dan bijak.

Saya mengalu-alukan subsidi sebanyak \$191 juta yang diperuntukkan untuk petani-petani dan nelayan-nelayan. Saya berharap amaun yang diperuntukkan ini akan sampai kepada nelayan-nelayan dan petani-petani kita tanpa diwaylaid di tengah jalan. Petani-petani dan nelayan-nelayan kita adalah sangat miskin dan segala usaha hendaklah ditujukan untuk membantu mereka ini.

Untuk memberi galakan-galakan kepada perusahaan-perusahaan kita yang berkembang, kita memerlukan kuasa dan saluran hubungan yang baik dan cekap. Kegendalaan elektrik sekarang menjadi-jadi di negara kita dan ini telah menjejaskan operasi kilang-kilang, pejabat-pejabat, dan oleh kerana ini, kilang-kilang dan lain perusahaan terpaksa mengalami kerugian besar. Saya berharap langkah-langkah yang wajar akan diambil untuk menentukan supaya kegendalaan elektrik tidak akan menjadi satu cara hidup kita.

Tuan Speaker, negara kita dirahmati dengan matahari. Dalam pada ini, ingin saya mengesyorkan supaya Kerajaan mengkaji mengadakan kuasa solar atau solar energy. Saya mengaku kos permulaan adalah sangat tinggi akan tetapi saya rasa wang yang dibelanjakan ke arah ini akan membawa faedah besar kelak. Dan dalam pada ini, kita hendaklah bertindak deras kerana sumber-sumber tenaga lain kian hari kian berkurangan dan sumber-sumber ini juga kian bertambah mahal.

Tuan Speaker, potongan cukai pendapatan yang diumumkan oleh Menteri Kewangan adalah tidak mencukupi dan selaras dengan turunnya nilai wang dan potongan-potongan cukai itu tidak menggalakkan orang ramai untuk menjimatkan wang. Oleh kerana tidak ada insentif untuk menjimat bahawa potongan-potongan yang diberikan hanya akan dibelanjakan, dan ini hanya akan mengakibatkan kadar inflasi bertambah baik.

Sekarang, Tuan Speaker, terdapat banyak sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas bank yang hendak meminjamkan wang. Enterprenur-enterprenur di negara kita memerlukan wang supaya dapat memajukan perniagaan mereka. Wang yang dipinjamkan oleh bank-bank hendaklah berasaskan kepada feasibility sesuatu projek. Kita tidaklah harus memberikan hand-outs kerana ini tidak akan mendorong orang-orang yang terlibat bekerja kuat yang mana orang-orang

ini bergantung semata-mata kepada pinjaman-pinjaman dan tidak mempunyai acumen perniagaan.

Tuan Speaker, Kerajaan membelanja sejumlah besar peruntukan untuk pelajaran. Pelajaran merupakan satu pelaburan manusia yang akan membawa faedah kepada negara kita. Segala usaha hendaklah ditumpukan untuk meninggikan mutu pelajaran kita. Peluang-peluang yang lebih hendaklah diberikan kepada anak-anak kita untuk melanjutkan pelajaran mereka. Tempat-tempat yang . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah sampai.

5.46 ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Misbah (Kina-batangan):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkanlah saya menyampaikan ucapan tahniah dan penghargaan saya ke atas cadangan-cadangan Belanjawan negara bagi 1980 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kawangan di Dewan yang mulia ini.

Saya dan rakyat Malaysia di Sabah turut merasa bangga dan menyokong penuh cadangan-cadangan yang terkandung dalam Belanjawan itu. Sesungguhnya, rakyat Sabah sangat berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana kebanyakan permintaan-permintaan dari negeri Sabah, khususnya di segi peruntukan tabung pembangunan, telah dapat ditunaikan. Ini menunjukkan betapa sesungguhnya Kerajaan Persekutuan mengambil perhatian tentang masalah rakyat di Sabah dan negara amnya. Dengan kelulusan peruntukan-peruntukan itu, saya berharap pembangunan sosio-ekonomi di Sabah akan dapat dipercepatkan lagi.

Saya tidaklah bermaksud untuk memuji secara keterlaluan, tetapi saya dengan penuh keikhlasan berpendapat bahawa cadangan Belanjawan 1980 memenuhi aspirasi rakyat dan sesungguhnya mencerminkan cita-cita Kerajaan Barisan Nasional untuk menseimbangkan serta meluaskan pembahagian hasil negara ke arah yang lebih bermakna kepada rakyat Malaysia. Belanjawan 1980 itu sebenarnya adalah di luar jangkaan bagi rakyat biasa kerana walaupun terdapat kemelesetan ekonomi dunia, namun kita masih mampu untuk memberikan kesejahteraan hidup kepada rakyat kita.

Di samping mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan ke atas perhatian, bantuan serta kerjasama yang rapat yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada rakyat Malaysia di Sabah, saya juga mengambil peluang di sini untuk mengemukakan beberapa pandangan dan cadangan mengenai Belanjawan negara itu. Saya sangat menghargai tindakan Kerajaan Persekutuan khususnya mengenai tambahan pelepasan cukai pendapatan. Saya yakin bahawa langkah-langkah ini bukan sahaja dapat melegakan tetapi ia benar-benar membantu golongan yang berpendapatan rendah. Kita sedia maklum bahawa kos hidup di Sabah adalah lebih tinggi berbanding dengan keadaan di Semenanjung Malaysia. Tetapi dengan kenaikan pelepasan cukai pendapatan itu, saya percaya ia dapatlah serba sedikit meringankan lagi bebanan rakyat khususnya bagi kami di Sabah.

Bagaimana pun saya ingin mengemukakan satu pandangan mengenai pelepasan cukai pendapatan perseorangan. Nampaknya golongan rakyat Malaysia yang berpendapatan tinggi mendapat lebih faedah dari pelepasan cukai itu. Sepatutnya Kerajaan lebih mengutamakan golongan-golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Mereka yang lebih merasa kesusahan akibat inflasi yang dialami oleh negara kita. Satu misalan pelepasan cukai yang mendapat perhatian saya ialah mengenai rakyat Malaysia yang ada menghantar anak-anak mereka belajar di luar negeri. Mereka yang menghantar anak-anak keluar negeri itu adalah dari golongan yang berpendapatan tinggi dan mampu. Yang menjadi anih sekali ialah golongan ini ada menghantar anak-anak mereka yang masih kecil lagi iaitu dalam lingkungan umur 10-12 tahun. Apakah mereka ini kurang senang dan yakin dengan sistem pelajaran di Malaysia ini tetapi lebih yakin kepada sistem dan mutu pelajaran di luar negeri yang harga perbelanjaannya telah naik berlipat ganda. Dan juga oleh kerana anak-anak itu telah berada di luar negeri sejak kecil lagi memang besar kemungkinannya mereka akan lupa kepada kebudayaan mereka di negara ini. Dan akibatnya ada di antara mereka memikirkan bahawa cara hidup mereka di negara ini dalam konteks "Malaysian Society" tidak lagi sesuai bagi mereka dan perasaan ini akan menggalakkan mereka meninggalkan negeri ini. Saya rasa Kerajaan tidak perlu membantu rakyat Malaysia yang kurang yakin tentang "value"

sistem pelajaran negara kita. Kerajaan juga tidak perlu membantu mereka yang mampu menghantar anak-anak ke luar negeri. Lain-lah halnya jika cuma menghantar anak selepas menduduki M.C.E. atau H.S.C. Tetapi jikalau bilangan rakyat Malaysia yang menghantar anak-anak mereka keluar negeri adalah menjadi lebih ramai lagi dari setahun ke setahun maka sampailah masanya bagi Kerajaan mengkaji semula sistem pelajaran yang ada di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan memberi pelepasan yang sebegini rupa seolah-olah Kerajaan menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia yang lebih menghargai sistem pelajaran negeri asing dan memandang rendah kepada sistem pelajaran negara kita yang ada sekarang yang telah digubal dengan satu tujuan pokok iaitu menjadikan semua rakyat Malaysia bersatu padu dalam membina dan mengekalkan sebuah negara Malaysia yang aman, kuat dan bersatu padu.

Tuan Yang di-Pertua, sementara saya menghargai sepenuhnya segala bentuk bantuan dan kerjasama yang diberikan kepada kami di Sabah dan disamping menyokong penuh semua dasar yang baik dan saksama serta matlamat-matlamat baik Kerajaan Persekutuan dalam membantu kami di Sabah, saya berpendapat bahawa perhatian yang lebih berat patutlah diberikan kepada pelaksanaan yang lebih berkesan dan bermakna tentang dasar dan matlamat-matlamat itu di Sabah. Untuk mencapai tujuan ini, Kerajaan mestilah mengawasi dan jika perlu mengkaji semula kedudukan kecekapan dan kelicinan perjalanan pentadbiran, koordinasi dan kerjasama di antara jabatan-jabatan negeri dan Persekutuan di Sabah. Salah satu daripada masalah yang besar yang mengganggu kecekapan dan kelicinan perjalanan jentera pentadbiran di Sabah sekarang ialah kekurangan tenaga yang terlatih dan berkelayakan tinggi untuk mengisi berbagai kekosongan jawatan di berbagai jabatan dan agensi, terutamanya yang di bawah senarai Persekutuan.

Saya memahami bahawa ini lebih terasa lagi kekurangannya di Jabatan Perubatan dan Jabatan Pelajaran yang mana hanya dapat memberikan perkhidmatan yang kurang memuaskan kepada rakyat, serta keputusan peperiksaan penuntut-penuntut sekolah yang kurang memuaskan setiap tahun. Keadaan ini bertambah buruk lagi oleh kelambatan proses pengambilan dan

melatih calon-calon yang layak untuk mengisi kekosongan dalam Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah. Rakyat Malaysia di Sabah sangat mengambil berat dan telah bingung dengan keadaan yang kurang sihat ini, dan kami rasa sekiranya ini tidak dapat di atasi dengan segera, ia akan menjejaskan semua usaha-usaha pembangunan, boleh memboros, membazir semua bantuan peruntukan pembangunan dan mengecewakan hak aspirasi rakyat ke arah kemajuan dan taraf serta nilai hidup yang seharusnya lebih bertambah baik lagi. Saya berpendapat bahawa salah satu daripada cara bagi mengatasi masalah ini ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan memberikan kuasa-kuasa perlu bagi jabatan-jabatannya di Sabah untuk mengambil dan melatih calon-calon yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, maafkan jikalau saya berucap terlalu cepat kerana saya mengejar masa. Saya dengan ini merayu kepada pihak berkuasa Persekutuan yang berkenaan supaya mempertimbangkan dan mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja yang dihadapi oleh Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah. Saya juga telah difahamkan bahawa Kerajaan telah menarik balik "incentive allowance" bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang bertugas di Sabah dari Semenanjung Malaysia dan sebaliknya. Ini menyebabkan kekurangan salah satu keinginan pegawai untuk bertugas di Sabah. Saya rasa incentive ini perlu diadakan semula demi kepentingan negeri Sabah yang memerlukan pegawai-pegawai yang berkelayakan, terlatih dan berpengalaman luas.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh kesal menyatakan di sini bahawa terdapat beberapa orang pegawai Kerajaan di Sabah seolah-olah kurang mengambil perhatian tentang keutamaan kecekapan, koordinasi dan kerjasama dalam menjalankan pentadbiran antara jabatan-jabatan Persekutuan di negeri Sabah. Terdapat sikap di kalangan beberapa ketua-ketua jabatan yang memperlihatkan sikap bahawa sebagai seorang ketua jabatan Persekutuan, beliau tidak perlu mengambil perhatian, berbincang atau mengkoordinasi dengan rakan sejawatannya di jabatan-jabatan negeri dan sebagainya, walaupun perbincangan dan koordinasi itu amat perlu dan boleh mempercepatkan pelaksanaan sesuatu projek. Saya menganggap ini adalah satu sikap yang salah dan mesti dihapuskan segera. Saya juga berpendapat

bahawa sama ada ia Persekutuan atau negeri, semua jabatan Kerajaan adalah satu badan dalam jentera pentadbiran negara yang berkhidmat kepada rakyat serta melaksanakan pembangunan projek-projek sosio-ekonomi untuk faedah negeri dan negara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga beberapa pegawai Kerajaan yang melaksana dan bekerja seolah-olah dalam keadaan "water-tight compartment" terutama sekali apabila disogokkan oleh sesuatu masalah. Mereka ini enggan, malah tidak mahu berunding, berhubung atau mengkoordinasi dengan rakan-rakan mereka yang sama dalam satu jabatan, apa lagi dalam jabatan-jabatan yang lain. Akibatnya, banyak masa dan wang di bazirkan melalui kerja-kerja duplikasi dan sebagainya. Satu daripada contoh yang jelas ialah mengenai pengorekan sebatang jalanraya yang baru dibina untuk dirikan tiang kabel talipon dan elektrik, air dan paip serta parit. Sekiranya semua jabatan sama ada Kerajaan Negeri atau Persekutuan dan semua pegawai dalam jabatan-jabatan yang sama mengkoordinasi tenaga mereka, semua masalah ini pasti dapat dielakkan, walaupun projek-projek itu masih dalam peringkat perancangan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri ialah kelambatan penghantaran peruntukan kewangan untuk projek-projek pembangunan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri Sabah. Saya ingin merayu di sini supaya peruntukan-peruntukan ini dapatlah diberikan dengan kadar yang segera, dan tidak seperti di masa-masa yang telah lalu. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

**Tuan Abdul Ghani bin Misbah:** . . . . di mana Kerajaan Negeri terpaksa menunggu berbulan-bulan atau ada kalanya bertahun untuk mendapatkan atau memperolehi peruntukan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, masa cukup! Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang.

5.55 ptg.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjung Karang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul Belanjawan

tahun 1980 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 18hb yang lalu.

Dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Mulia pada tahun ini bolehlah dibuat kesimpulan bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah negara adalah mampu menunjukkan bukti dengan nyata iaitu kepentingan rakyat diletakkan di atas segala kepentingan yang lain. Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita hendak mengatasi segala masalah rakyat yang sedia ada maka masalah permohonan kerakyatan yang baru hendaklah diambil perhatian dengan teliti oleh pihak yang berkenaan. Sekiranya tidak betul-betul mustahak, sekiranya tidak ada alasan yang betul-betul menasabah maka permohonan-permohonan itu eloklah ditolak begitu sahaja kerana masalah rakyat kita yang sedia ada ini lebih penting kita selesaikan daripada menerima bebanan yang baru daripada mereka yang memohon menjadi rakyat dalam negara ini.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, satu peruntukan yang besar telah dapat kita lihat iaitu peruntukan bagi sistem Pos dan Telekom yang telah diperuntukkan sebanyak \$585 juta. Pada pandangan saya peruntukan begini masih belum cukup lagi, Tuan Yang di-Pertua, kerana dalam kajian kita telah kita dapati bahawa satu-satu ibusawat telefon daripada mula dirancangan sehingga dia siap sempurna dan boleh digunakan memakan masa di antara 7 hingga 8 tahun. Ini tentu menggunakan begitu banyak sekali belanja bagi menyelesaikan masalah telekom dalam negara ini. Bagi satu talian telefon di ibusawat menelan belanja \$600 tidak termasuk talian luar.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara kita menuju kepada keadaan moden, menuju kepada cara hidup moden maka keperluan telefon di kampung-kampung adalah sangat mustahak di dalam negara ini. Oleh sebab itu adalah amat baik Kementerian ini diberi tambahan lagi, diberi peruntukan yang secukupnya bagi mengendalikan masalah telefon untuk kepentingan rakyat sama ada telefon ini digunakan bagi keperluan perkhidmatan ataupun keperluan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Mulia telah menerangkan iaitu satu peruntukan sebanyak 350 batu jalan-jalanraya akan dibina di luar

bandar. Kalau kita kaji selepas merdeka sehingga hari ini beribu-ribu batu jalanraya telah dibina dalam negara ini. Tetapi malang sekali sebahagian dari jalan-jalanraya itu dalam beberapa bulan sahaja telah pecah dan musnah kerana kita dapati teknik pembinaan jalanraya kita daripada beberapa zaman dahulu sehingga hari ini tidak berapa berbeza, sedangkan muka bumi di negara kita ada di tanah pergunungan, yang berbatu-batan, yang berbukit dan ada pula yang di tanah kawasan lumpur dan penuh dengan gambut. Bagi kawasan-kawasan yang berlumpur dan bergambut seperti kawasan Tanjung Karang, Tuan Yang di-Pertua, jalanraya dibina beberapa bulan telahpun rosak dan binasa. Oleh itu, saya mengharapkan supaya Kementerian yang berkenaan ini dapat membuat satu kajian dengan mencari satu teknik moden supaya pembinaan jalanraya ini dapat betul-betul sempurna, seperti kata pepatah: "Biarlah alah membeli tetapi menang memakai".

Tuan Yang di-Pertua, dalam peruntukan yang dibuat bagi perkembangan pelajaran di negara ini dari setahun ke setahun adalah sangat memuaskan dan rakyat juga sangat bergembira kerana satu peruntukan yang besar telah diberi bagi memberikan makanan percuma kepada kanak-kanak. Setakat hari ini dapat kita perhatikan sebab-sebab diberikan makanan percuma itu satu daripadanya ialah kerana menyedari bahawa sebahagian besar daripada kanak-kanak yang bangun pada waktu pagi tidak sempat diberi bekalan makanan dan memakannya oleh ibubapa mereka. Setelah mereka sampai ke sekolah mereka terus belajar, tetapi makanan percuma ini diberi lewat masanya, sedangkan di sebelah pagi kanak-kanak ini menghadapi pelajaran-pelajaran berat seperti pelajaran Ilmu Hisab, Sains dan lain-lain lagi; mereka dalam keadaan terus lapar juga. Apabila tengah hari atau waktu riha baharulah mereka diberi makan dan setelah mereka kenyang mereka menghadapi pelajaran-pelajaran yang ringan. Ini satu perkara yang sedang berlaku. Oleh sebab itu pihak yang berkenaan harus memberikan perhatian dan mengkajinya supaya masa pemberian makan kepada kanak-kanak ini hendaklah disesuaikan dengan matlamat asal maka persediaan ini dibuat oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah lagi ialah masalah ungkit-mengungkit. Kita selalu benar mendengar di Dewan yang mulia ini ditimbulkan masalah-masalah yang

berunsur perkauman dan berbagai-bagai masalah yang menyakitkan hati antara satu golongan dengan golongan yang lain. Perkara ini ditimbulkan oleh mereka di hadapan kita dengan begitu lantang sekali tetapi kita harus menyedari bagaimanakah kalau perkara-perkara ini ditimbulkan mereka di belakang kita, di belakang pengetahuan Kerajaan tentulah lebih dahsyat daripada itu. Oleh itu satu pengawasan oleh pihak yang berkenaan, oleh pihak yang menjaga keamanan hendaklah diadakan dengan teliti. Setiap perjumpaan, setiap perhimpunan yang diadakan oleh mana-mana pihak pun satu pengawasan yang teliti dan rapi hendaklah diberikan supaya tidak menimbulkan satu-satu reaksi yang tidak diingini oleh rakyat dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana memberikan peluang kepada rakan-rakan yang lain maka saya mohon menyokong usul Belanjawan tahun 1980.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas.

6.03 ptg.

**Tuan Racha Umong (Bukit Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berserta rakan-rakan saya yang lalu untuk menyokong penuh Rang Undang-undang Belanjawan bagi tahun 1980 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 18hb Oktober yang lalu. Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan itu merupakan bahawa ekonomi Malaysia telah maju dengan terus-menerus kerana semenangnya inilah menjadi dasar Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan ini juga boleh disifatkan satu berita yang paling baik yang dianggapkan satu bau yang harum kepada seluruh lapisan rakyat dan dianggap pula satu berita yang lebih indah, elok, cantik molek keadaannya kerana inilah perkara dinanti-nanti oleh rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya merayu kepada Kerajaan atau Menteri yang berkenaan agar menyesuaikan keperluan rakyat dengan perlaksanaan projek masing-masing mahupun diperdengar oleh rakyat sesuai dengan keindahan bau harum yang mana dicitum pada mulanya dahulu. Ertinya projek-projek yang akan dirancangkan harus dijalankan dengan lancar dan

dengan tiada kemunduran pada satu-satunya. Pelaksanaan projek masing-masing bererti projek tahun ini dilaksanakan pada tahun ini, projek tahun baharu dilaksanakan pada tahun baharu. Maka oleh yang demikian saya merayu kepada setiap lapisan pejabat yang berkenaan agar bersiap sedia untuk melancarkan pelaksanaan projek masing-masing dengan terus-menerus supaya jangan satu projek pun yang tertinggal.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Belanjawan tahun 1980 ini bahawa dengan sepatutnya Kerajaan mengingatkan kaum belia kita dan mengutamakan mereka kerana memandangkan kepada keadaan setengah-setengah belia kita pada masa ini adalah berjalan ke sana sini dengan tidak berketentuan arah mereka untuk mencari kerja di luar negeri umpamanya Brunei dan kadangkala di antara kaum pemuda terus menetap di tempat tersebut disebabkan berkahwin dengan pemuda tempatan di luar negeri. Bahawa hal yang seperti ini telah sering berlaku di tempat tersebut. Oleh yang demikian, bukankah ini membawa kerugian besar tenaga rakyat negara kita. Kerajaan patut mengawalkan serta mengatasi hal ini dengan secepat mungkin agar jangan berlaku banyak lagi yang terlibat. Maka dengan hal yang demikian saya juga mengesyorkan kepada Kerajaan atau Menteri yang berkenaan supaya memperuntukkan sejumlah besar daripada Belanjawan tahun 1980 untuk mengadakan projek-projek apa sahaja yang difikirkan oleh Kerajaan sesuai untuk membolehkan mereka bekerja di tanahair mereka sendiri. Jikalau tidak, apakah untungnya mereka membawa tenaga muda yang kuat untuk bekerja di luar negeri dan kembali membawa badan tua dengan tenaga lemah mereka ke tanahairnya sendiri dan apakah kemajuan yang mereka akan buat pada masa tua mereka. Maka dengan hati yang kuat tetapi badan lemah capak pun tidak guna, tikam tidak kena. Apa mahu buat? (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu bahawa dasar Kerajaan mahupun rakyat Malaysia pada keseluruhannya menumpukan harapan penuh kepada kaum belia kita oleh kerana merekalah harapan Kerajaan dan rakyat memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan negara kita dan membantukan Kerajaan untuk menjalankan projek-projek. Mereka juga harapan kita pada ketika keselamatan negeri terancam belialah mesti bertanggungjawab mempertahankan tanahair kita. Belia kita yang masih di bangku sekolah

harus dididik bersungguh-sungguh supaya menjadi harapan kita di belakang hari nanti. Kerajaan perlulah menanamkan perpaduan semangat cintakan tanahair kita dan semangat bertanggungjawab mereka.

Tuan Yang di-Pertua, belia kita patut dididik dengan sempurnanya supaya mereka menjadi manusia sungguh berguna untuk negara kita sebagai tulang belakang negara kita dan untuk pembinaannya. Jikalau tidak mereka akan menjadi orang nakal, rosaklah negara kita. Namun kita tidak mahu negara kita menjadi rosak bahawa oleh sebab itulah kita mesti mendidik mereka dengan sempurna supaya mereka menjadi manusia yang berguna agar menjadi besi tulang belakang negara kita Malaysia serta mempertahankan keselamatan negara kita untuk selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai sekolah atau pelajaran juga patut diambil tindakan berat di dalam Belanjawan 1980 ini untuk memperbanyakkan lagi sekolah-sekolah di kawasan luarbandar atau di dalam bandar sekalipun iaitu tempat-tempat yang sesuai baik sekolah rendah mahupun sekolah menengah di mana-mana sahaja yang berpatutan di seluruh Malaysia amnya di kawasan saya Bukit Mas, Limbang dan Lawas di dalam daerah Lawas di kawasan ulu iaitu di Long Semadoh perlu diadakan sebuah sekolah menengah di dalam kawasan tersebut disebabkan masalah jauh dan tiada kenderaan (transport) jauhnya dari bandar Lawas atau Limbang 80 batu. Jika jalan kaki memakan masa lima hari dengan keadaan naik gunung turun gunung. Jika gunakan kapal terbang MAS makan masa 35 minit atau 40 minit dengan ongkos ataupun tambang yang mahal. Ibu bapa mereka kadangkala tidak kemampuan membayar ongkos kanak-kanaknya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masanya sudah cukup.

**Tuan Racha Umong:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu.

6.13 p/g.

**Tuan Jonathan Narwin Anak Jinggong (Lubok Antu):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun kali ini untuk menyertai perbahasan mengenai ucapan Belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 18hb

Oktober, 1979 lalu. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah membentangkan satu belanjawan yang sangat seimbang serta tidak memeritkan yang mana saya harap akan dapat melincinkan lagi aktiviti ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak sebagai sebuah negeri yang terbesar di Malaysia patutlah diberi peruntukan kewangan yang lebih besar. Sarawak masih ketinggalan dalam kemajuan dan kami sangat-sangat merasa bangga atas perhatian yang diberikan oleh Kerajaan Pusat untuk membawa Sarawak ke peringkat kemajuan yang lebih tinggi seperti yang kami semua kehendaki. Di daerah luarbandar Sarawak memerlukan infrastruktur yang lebih baik. Penduduk-penduduk luarbandar terutama kaum bumiputra meletakkan penuh harapan kepada Kerajaan bagi memajukan daerah-daerah ulu agar dapatlah mereka menikmati segala kemudahan walaupun tidak banyak seperti yang dinikmati oleh penduduk-penduduk di daerah bandar. Salah satu dari cara bagi memajukan daerah-daerah luarbandar ini ialah dengan memperkenalkan lebih banyak rancangan penempatan semula yang boleh membawa faedah.

Ramai penduduk luarbandar tinggal di kawasan-kawasan terpencil, dan amatlah sukar untuk membawa kemajuan kepada mereka kecuali jika dan pihak Kerajaan memperkenalkan rancangan seperti ini di mana projek-projek perumahan serta keadaan sekeliling yang lebih baik dirancangkan untuk mereka. Di masa lampau dan setengahnya hingga kini ramai dari kaum Dayak atau Iban masih mengamalkan cara penanaman padi berpindah yang tidak menguntungkan. Di rancangan penempatan semula, amalan seperti ini telah dapat dihentikan dan rancangan pertanian yang diatur dapat diselarasakan dengan lebih baik oleh agensi Kerajaan.

Saya harap pihak Kerajaan dapat mengambil perhatian bagi merancang masa hadapan yang lebih baik untuk rakyat Sarawak di mana-mana pusat kesihatan, kemudahan pendidikan serta segala jalan untuk kemajuan disampaikan kepada mereka. Rancangan-rancangan FELDA dan FELCRA di Semenanjung Malaysia ini telah membawa kemajuan yang besar kepada rakyat luarbandar. Saya harap projek yang serupa dapat dilaksanakan di Sarawak pula.

Di Sarawak, Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak (SLCRA) merupakan salah sebuah agensi Kerajaan yang dapat meninggikan taraf hidup penduduk luarbandar. Saya harap Kerajaan Pusat akan dapat memberi lebih banyak peruntukan kepada agensi ini kerana adalah penting bagi agensi-agensi ini meninggikan taraf hidup bagi rakyat sektor ini ke peringkat yang dapat memberi satu kepuasan. Saya tidak menyatakan bahawa tidak banyak yang telah dilakukan bagi membantu kaum Dayak. Sebaliknya banyak yang telah dilakukan bagi meninggikan taraf hidup mereka tetapi masih banyak yang perlu dilakukan khasnya kepada golongan yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sepatah dua kata di atas pelajaran. Di dalam lapangan pendidikan kaum bumiputra sedar akan perlunya menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Walau bagaimanapun, seperti saya katakan, ramai dari kaum Iban atau Dayak yang tinggal di daerah-daerah luarbandar. Apa yang dapat dilakukan oleh Kerajaan ialah membina lebih banyak sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah tinggi dan juga mendirikan satu atau dua buah lagi sekolah-sekolah menengah atas di kawasan tengah di setiap daerah-daerah luarbandar di Sarawak serta menyediakan kemudahan-kemudahan asrama yang teratur. Ramai kanak-kanak di daerah ulu tidak dapat menikmati kemudahan pendidikan yang disediakan oleh Kerajaan, jika ini tidak diambil tindakan dengan seriusnya.

Oleh kerana bahasa Malaysia ialah bahasa pengantar bagi sekolah-sekolah di Sarawak saya syorkan supaya lebih ramai guru-guru Bahasa Malaysia terlatih dibekalkan di negeri ini bagi menentukan murid-murid di sini tidak ketinggalan dalam pengajian akademik mereka.

Berhubung dengan perkara ini saya harap lebih ramai penuntut-penuntut bumiputra di Sarawak diberi tempat di universiti tempatan serta di institusi pengajian tinggi kita bagi membolehkan kami menggalakkan lebih ramai bumiputra mengambil bahagian dalam urusan akademik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang rancangan elektrik di Sarawak. Saya gembira menyatakan di sini bahawa Kerajaan telah melancarkan rancangan elektrik di Sarawak. Saya difahami bahawa

Kerajaan telah membuat susunan bagi membekalkan beberapa buah rumah panjang dengan bekalan elektrik. Ini menunjukkan adanya minat Kerajaan dalam lapangan kebajikan untuk rakyat terutamanya bagi rakyat luarbandar. Saya harap yang akan datang dapatlah pihak Kerajaan memperkenalkan rancangan mini-hydro di Sarawak kerana terdapat banyaknya sungai-sungai yang deras di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Batang Air, di Bahagian Kedua Sarawak ada terdapat sebuah tapak yang mempunyai potensi untuk rancangan hydro. Memandangkan banyaknya minat yang ditunjukkan ke rancangan yang dicadangkan, saya harap Kerajaan dapat menjelaskan tentang kemajuan kajian kemungkinan rancangan yang dicadangkan itu. Dari segi ini saya harap apabila rancangan ini menjadi nyata rakyat yang dipindahkan oleh kemajuan hydro akan ditempatkan dengan memuaskan dan disediakan dengan tanah pertanian yang teratur dan di mana berbagai jenis kemajuan dapat disampaikan kepada mereka tanpa kesukaran. Ini saya percaya akan menjadi salah satu cara yang dapat dilakukan oleh Kerajaan bagi meredakan penderitaan rakyat luarbandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh mengenai rancangan rumah murah. Kami di Sarawak sangat gembira apabila mendapat tahu bahawa Kerajaan bercadang membina lebih banyak rancangan rumah-rumah murah, walaupun kebanyakan dari rancangan-rancangan rumah murah ini terletak di kawasan bandar sahaja. Pihak Kerajaan haruslah memperuntukkan lebih banyak wang untuk pinjaman bagi membina rumah panjang di daerah luarbandar supaya ramai penduduk daerah-daerah ulu dapat menyertai rancangan ini. Maka di sini walaupun berkali-kali diminta pihak Kerajaan seolah-olahnya tidak ambil berat memasukkan projek membina rumah panjang dalam rancangan ini. Ini adalah tidak betul kerana negara kita tidak boleh mengenyepikan minat penduduk rumah panjang yang sungguh-sungguh memerlukan bantuan dari Kerajaan bagi membina tempat perlindungan serta perumahan yang teratur untuk mereka. Kalau ini terus diabaikan akan menjatuhkan imej negara kita di pandangan dunia, terutamanya pelancung-pelancung dari seberang laut yang sangat tertarik hati kepada rumah-rumah panjang yang kebanyakannya sudah lama dan buruk. Dengan penyampaian rancangan seperti ini ke

daerah-daerah ulu atau luarbandar dan termasuk rancangan pembinaan rumah panjang, kami berharap pihak Kerajaan dapat membantu penduduk-penduduk rumah panjang kami bagi memperbaiki keadaan sosio-ekonomi mereka dan membawa mereka kepada kehidupan yang lebih sophisticated serta bersih. Dalam hal ini kami sungguh-sungguh berharap rancangan ini akan terus diperluaskan bagi faedah lebih ramai lagi penduduk rumah panjang yang masih berminat dalam sistem tradisi yang mereka amalkan turun-temurun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Bachok.

6.25 *ptg.*

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih—al-hamdulillah.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengatakan bahawa Belanjawan tahun hadapan ini membawa erti yang istimewa kerana tahun hadapan adalah merupakan titik permulaan dekad 1980an yang akan digunakan sebagai asas persediaan bagi rancangan Malaysia Keempat. Alhamdulillah, mungkin ini satu kesedaran yang baik, tetapi saya tidak dapat memahami hasrat yang begitu tinggi ibarat orang hendak memeluk gunung kerana berdasarkan apapun penilaian terhadap Rancangan Malaysia Ketiga yang bertujuan untuk merapatkan jurang perbezaan antara golongan kaya dan golongan miskin serta menghapuskan pengenalan kaum mengikut perbezaan fungsi-fungsi kegiatan ekonomi.

Sebenarnya, sehingga ini masih jauh lagi dari mencapai matlamat yang dikehendaki, malahan semakin dekat dan singkat tamatnya pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga, realiti yang dapat kita saksikan golongan rakyat di luar bandar, golongan rakyat tani dan nelayan semakin menderita oleh berbagai-bagai eksploitasi dan penindasan yang kejam akibat kelemahan dan ketidakmampuan pihak Kerajaan menghadapi dalam tekanan-tekanan dari golongan-golongan yang telah berpengaruh dan kukuh.

Kelemahan-kelemahan Kerajaan dalam mengawal harga barang-barang keperluan ummah dan masyarakat yang meliputi keperluan makanan, pakaian dan rumah tempat

tinggal yang mana semakin hari semakin melambung tinggi harganya adalah menjadi dalil dan bukti yang jelas bahawa kuasa politik Kerajaan sedang tergadoi di tangan golongan yang berpengaruh dalam bidang ekonomi negara. Mungkin pihak Kerajaan boleh berbangga kerana Rancangan Malaysia Ketiga telah berjaya melahirkan golongan jutawan bumiputra tetapi bilangan ini terlalu kecil dan tidak dapat menyelesaikan masalah berjuta-juta penduduk luar bandar yang menderita oleh ketiadaan berbagai-bagai kemudahan sosio-ekonomi. Walau bagaimanapun atas segala yang telah terjadi dan berlaku dengan sewenang-wenangnya yang dikaburi dan dilindungi oleh slogan demokrasi, PAS bersama-sama dengan ummat Islam di negara ini tidak akan membiarkan semua ini berlaku dan terus berlaku dengan berleluasa. PAS khususnya dan ummat Islam amnya telah menyedari masalah akar umbi segala penyeleweng, segala pengkhianatan yang berlaku dan pusingan pertarungan antara golongan yang menegakkan kebenaran dan golongan yang menegakkan kebatilan telah mulai berubah baik di mana-mana di muka bumi ini sekalipun.

Di sini sekali lagi saya menyeru kepada sesiapa yang telah dikurniakan rezki kekayaan oleh Allah dengan penemuan-penemuan sumber ekonomi yang baru hendaklah mereka berhati-hati dalam segala tindak-tanduk mereka mengenai segala yang bersangkutan dengan urusan ummah dan peraturan-peraturan hidup berdasarkan prinsip-prinsip Islam yang suci. Sebelum masanya terlewat dan menyebabkan penyelesaian yang tidak berakhir, kembalilah ke pangkal jalan supaya selamat.

Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan hari ini ingin menarik perhatian rakyat Malaysia bagi menghadapi dekad 1980an, saya ingin pula menarik perhatian Kerajaan kepada menjelang Abad 15 Hijrah yang mana seluruh dunia Islam telah menyediakan program bagi mengadakan sambutan dan perayaan besar-besaran sepanjang tahun hadapan. Lanjutan dari itu saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya mengendalikan dan memikirkan masalah negara keseluruhannya berdasarkan pengertian hijrah yang telah mencatatkan sejarah kejayaan dan keagungannya di mana manusia benar-benar telah dimuliakan, dibebaskan dan diberikan tempat dan kedudukannya yang sewajarnya mengikut peranan masing-masing di dalam

masyarakat. Kerajaan perlulah memikirkan masalah ummah dan negara seluruhnya berdasarkan kepada kebenaran yang hakiki.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memikirkan kewajiban untuk menjaga dan melindungi hak dan kepentingan masyarakat yang ada hari ini, pihak Kerajaan patut benar-benar atau dengan serius memikirkan masa depan generasi akan datang yang bakal menggantikan pemimpin yang ada hari ini bagi menjamin kestabilan ekonomi dan politik negara. Kerajaan patut mengkaji semula kelemahan-kelemahan dasar pelajaran kita sekarang sambil mencari jalan menyempurnakan nilai-nilai kerohanian dalam semua aspek atau matapelajaran yang diajarkan di sekolah-sekolah. Dasar-dasar tersebut hendaklah dibentuk mulai dari peringkat-peringkat universiti sehingga ke peringkat sekolah rendah. Pandangan ini diharap tidaklah diputar-belitkan oleh setengah-setengah orang dengan tuduhan bahawa PAS anti matapelajaran sains atau hanya bertujuan membawa kemunduran. Bagi PAS matapelajaran sains yang tidak terkeluar dari garis panduan syariat Islam adalah digalakkan demi untuk memperkuat kedudukan ummah dan menjamin keamanan masyarakat lain umumnya.

Sehubungan dengan ini fakulti-fakulti yang berkaitan dengan kajian kebudayaan bahasa agama dan kesusasteraan nasional hendaklah diperbesar lagi dengan menjadikan negara kita sebagai pusat kajian dan rujukan bagi pihak-pihak yang ingin mendapatkan ijazah kesarjanaan dan kedoktoran. Jika selama ini kita pergi ke universiti asing di Barat untuk mendapatkan ijazah soal-soal ketimuran, sudah sampai masanya kita melepaskan diri daripada penyakit "jahiliah moden" iaitu mendewa-dewakan dunia Barat. Sudah sampai masanya Kerajaan kita menganalisa kembali keagungan tradisi kita sendiri berdasarkan semangat dan pengertian hijrah yang sudah berlangsung selama lebih kurang 15 abad, hijrah yang mana telah melepaskan manusia dari segala bentuk penghambaan, kezaliman, pengkhianatan dan kejahatan yang tidak dapat diampunkan.

Di samping Kerajaan melepaskan atau mengecualikan sejumlah cukai pendapatan, Kerajaan masih belum berjaya lagi untuk memberikan gaji minima kepada kaum buruh dalam negara kita. Kaum buruh di negara kita pada umumnya masih ditindas oleh pelabur-pelabur asing yang datang ke sini.

Sebagai satu langkah yang bersesuaian dengan semangat menyambut tahun hijrah Abad 15, maka PAS mencadangkan kepada Kerajaan mengambil tindakan yang tegas bagi melepaskan kaum buruh khususnya anak-anak ummat Islam yang tertindas oleh pelabur-pelabur asing yang merupakan perompak-perompak tenaga dan keuntungan yang besar.

Di sini saya suka mencadangkan bahawa Kerajaan patutlah menubuhkan satu Tabung Pembangunan Ummah yang khas dan wang pembiayaannya bolehlah dikutip dari pengecualian potongan cukai atas segala pembayaran wang zakat harta yang selama ini disumbangkan secara tidak teratur oleh masyarakat Islam. Badan pembangunan ini boleh ditubuhkan dengan ditadbirkan oleh suatu lembaga khas yang dianggotai oleh pakar-pakar Islam dan pihak berkuasa Majlis Ugama Islam dengan fungsi dan tanggungjawab yang secara terus kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong.

Menyentuh penempatan projek bumiputra bagi tahun 1978 adalah dirasakan tidak begitu menyenangkan sebab usaha Kerajaan hendak menambahkan dan mewujudkan pekerjaan untuk belia-belia di luar bandar sentiasa ada halangan-halangan tertentu. Apa salahnya projek bumiputra ditempatkan lebih banyak lagi dari apa yang ada sekarang, terutama di luar bandar iaitu negeri-negeri Kelantan, Trengganu dan Perlis . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, 9hb November, 1979.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*